


**Jilid 1  
Bil. 11**

**Selasa  
27 Jun 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	[Ruangan 1]
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995	[Ruangan 17]
Jawatankuasa—	
Jadual Pertama:	
Maksud B. 1, B. 4 dan B. 7	[Ruangan 17]
Maksud B. 14, B. 15 dan B. 16	[Ruangan 41]
Maksud B. 19	[Ruangan 64]
Maksud B. 22	[Ruangan 64]
Maksud B. 25	[Ruangan 65]
Maksud B. 26	[Ruangan 77]
Maksud B. 28, B. 30, B. 31, B. 32 dan B. 33	[Ruangan 97]
Jadual Kedua:	
Maksud B. 17	[Ruangan 55]
Maksud B. 18	[Ruangan 63]
Maksud B. 25	[Ruangan 65]
Maksud B. 26	[Ruangan 77]
Maksud B. 29	[Ruangan 97]
<b>USUL-USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994	[Ruangan 17]
Jawatankuasa—	
Maksud P. 7	[Ruangan 18]
Maksud P. 17	[Ruangan 55]
Maksud P. 20	[Ruangan 64]
Maksud P. 23 dan P. 24	[Ruangan 64]
Maksud P. 26	[Ruangan 77]
Maksud P. 28	[Ruangan 97]
Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1995	
Jawatankuasa—	
Maksud P. 7	[Ruangan 18]
Maksud P. 17	[Ruangan 55]
Maksud P. 20	[Ruangan 64]
Maksud P. 28	[Ruangan 97]
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat	[Ruangan 48]

---

Diterbit Oleh:

CAWANGAN DOKUMENTASI  
Parlimen Malaysia  
1999

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.l., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAİK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J. J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH (Besut).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN BASERI @ AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZHAT @ SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULO BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

Yang Berhormat TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).

- „ TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARIS (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOHNTY @ MAXIMUS BIN ONGKILI (Bandau).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- „ DR G. LEELAVATHI (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

---

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).

- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- „ TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM (Seremban).

Yang Berhormat TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).

- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- „ TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- „ DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Bagan).
- „ TUAN PAULIS @ FRANCIS BIN NOINTIEN (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- „ DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- „ PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- „ DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR TAN KEE KWONG (Segambut).

---

Yang Berhormat TUAN TAN KOK WAI (Cheras).

- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR TAN YEE KEW (Kelang).
- „ MULLA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- „ DR YAP YIT THONG (Lumut).
- „ DR YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasar Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.  
Haji Suhor bin Husin.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
Hajah Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Haji Hassan.  
Hajah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abd. Samad.  
Jainah binti Sakimin.  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat : Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul  
Mutalib.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

**Selasa 27hb Jun, 1995**

*Mesyuarat dimulakan pada  
pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**SURUHANJAYA PILIHANRAYA —  
PEMILIHAN PEGAWAI ANTI  
KERAJAAN**

**1. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa di dalam Suruhanjaya Pilihanraya banyak terdiri dari pegawai-pegawai yang anti kerajaan yang menggunakan kedudukan mereka untuk menukar pengundi-pengundi yang menyokong kerajaan ke kawasan lain atau memotong nama-nama penyokong kerajaan daripada buku daftar pengundi; dan
- (b) adakah beliau sedar di dalam pilihanraya umum baru-baru ini banyak pegawai-pegawai pilihan raya yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihanraya adalah terdiri daripada orang yang memihak kepada pembangkang dan menggunakan kesempatan untuk memberi kemenangan kepada pembangkang.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamad bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak sedar adanya pegawai-pegawai yang anti kerajaan telah dilantik oleh SPR di mana menjalankan kegiatan untuk menukar pengundi-pengundi yang menyokong kerajaan ke kawasan lain atau memotong nama-nama penyokong kerajaan daripada buku daftar pengundi.
- (b) Kerajaan juga tidak sedar pada pilihanraya umum baru-baru ini adanya pegawai-pegawai pilihan raya yang dilantik oleh SPR telah memihak kepada pembangkang bagi memberikan kemenangan kepada mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan pendaftaran pemilih 1994 SPR telah melantik seramai 7,800 orang pekerja untuk membantu menjalankan urusan tersebut. Dalam membuat perlantikan ini SPR sedaya-upaya memastikan mereka ini bukan terdiri daripada orang-orang yang bergerak aktif dalam mana-mana parti politik. Sementara itu bagi membantu mengendalikan Pilihanraya Umum 1995, SPR telah melantik seramai 101,000 orang petugas untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat mana-mana pegawai dan petugas di SPR atau yang dilantik oleh SPR yang terdiri daripada orang-orang yang memihak kepada mana-mana parti akan diambil tindakan sewajarnya oleh kerajaan setelah disahkan mereka telah terlibat bagi melakukan perkara-perkara yang dinyatakan

oleh Yang Berhormat termasuk menukar dan memotong nama-nama pengundi bagi tujuan-tujuan tertentu.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak balikkan sahaja soalan ini:

- “(a) adakah kerajaan dan pihak Suruhanjaya Pilihanraya sedar bahawa ada juga pegawai-pegawai yang memang anti pembangkang yang dilantik dalam kedudukan mereka untuk menukar pengundi-pengundi.
- (b) adakah pihak kerajaan sedar bahawa ada pegawai-pegawai SPR yang juga sememangnya anti pembangkang yang menjalankan kerja-kerja untuk memastikan supaya pembangkang kalah”.

Soalan kedua, tadi Yang Berhormat ada menyebut SPR cuba untuk melantik pegawai-pegawai yang bebas dan boleh menjalankan kerja dengan baik. Tetapi mengikut sistem perlantikan yang ada sekarang, pegawai-pegawai ataupun pekerja-pekerja SPR dilantik daripada pegawai-pegawai kerajaan sekarang, dari kalangan guru-guru, dari kalangan kerani dan sebagainya. Bagaimana pegawai-pegawai ini boleh bertindak bebas sedangkan kerja itu sendiri dengan SPR adalah sementara. Mereka ini adalah pegawai yang bekerja dengan jabatan lain yang memang mempunyai sikap dan pendirian politik masing-masing, melainkan mereka ini diletakkan di bawah SPR satu badan bebas baru mereka boleh berkecuali.

**Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:**  
Tuan Yang di-Pertua, jawapan soalan pertama — kerajaan tidak sedar.

Jawapan kepada soalan kedua, kita memang memilih orang untuk bekerja dengan SPR ini ialah daripada warganegara kita. Sudah barang tentu mereka ini akan terlibat sedikit sebanyak dalam hal-hal yang Yang Berhormat sebutkan. Kalaulah sebenarnya mereka tidak bebas, memang kita sedaya upaya sebagaimana dinyatakan tadi memilih mereka ini benar-benar bebas. Saya tidak tahulah kalau ada negara lain mengambil orang warganegara lain bagi menjalankan Suruhanjaya Pilihanraya ataupun pegawai-pegawai mereka.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada orang yang menyoal asal.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa kerajaan tidak sedar, saya ingin hendak memberitahu bahawa perkara ini memang berlaku. Tetapi oleh sebab saya mendengar ucapan-ucapan pembangkang banyak yang menuduh bahawa SPR banyak menyebelahi kerajaan, saya di sini hendak memberitahu bahawa pekerja-pekerja Suruhanjaya Pilihanraya ini bukan sahaja menyebelahi kerajaan ataupun pembangkang; ini menunjukkan kebebasan juga. Saya bersetuju di sini. Tetapi saya ingin tahu, adakah rancangan kerajaan untuk mensyaratkan supaya di masa-masa depan jika ada pilihan raya tentang pertukaran undi ini tiap-tiap seorang yang hendak menukarkan tempat mengundinya mesti hadir sendiri tidak seperti yang berlaku pada masa lepas sesiapa sahaja boleh menukarkan tempat mengundi seseorang hingga saya sendiri pun bila disedari bahawa saya mengundi di tempat lain walhal saya tidak pernah menukar tempat mengundi saya. Itu yang pertama.

Yang keduanya berhubung dengan masa pilihan raya baru-baru ini. Saya dapati bahawa di tempat saya mengundi

sendiri apabila pegawai atau kerani tempat mengundi itu hendak memberi kertas mengundi dia tunjuk kepada kita supaya kita undi. Kalau tempat saya dia tunjuk kepada saya "bulan" suruh undi. Saya sendiri — calon di tempat itu dia tunjuk juga, punya beraninya. Ini saya minta diambil perhatian sebab perkara-perkara ini ada berlaku untuk makluman Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:**

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang pertama adalah baik. Pada pengundi-pengundi yang hendak bertukar alamat memang digalakkan supaya mereka itu sendiri datang membuat permohonan, kerana kalau kita biarkan orang lain membuat pertukaran ini, akan memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu akan menggunakan nama-nama pengundi ini untuk mereka daftarkan ke tempat alamat mereka yang mereka agak kalau sekiranya mereka ini mengundi di tempat mereka, mereka boleh menang. Perkara ini pernah dilakukan oleh pihak pembangkang.

Yang kedua, di tempat mengundi, kalau sekiranya ada mana-mana pekerja yang telah kita pilih, mereka jelas menunjukkan kepada pengundi-pengundi supaya memangkah mana-mana parti, maka pihak yang melihat bolehlah membuat aduan supaya diambil tindakan kepada mereka yang melakukan sedemikian rupa.

**TELEFON BIMBIT — LANGKAH  
MEMBANTERAS MASALAH  
KECURIAN TALIAN**

2. **Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah aduan pelanggan mengenai kecurian talian, khasnya yang menggunakan telefon bimbit, yang telah

mengakibatkan bil yang terlalu tinggi serta panggilan yang tidak pernah dibuat oleh pelanggan.

29.6.95

41. **Tuan Yeong Chee Wah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk membanteras panggilan curi bagi telefon statik dan telefon bergerak, dan terangkan bagaimana panggilan curi boleh dilakukan tanpa pengetahuan pemilik, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pemilik supaya panggilan curi tidak mudah dilakukan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Batu Gajah yang dijadualkan pada 29hb Jun 1995.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, sila.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kecurian talian dalam perkhidmatan selular pengusaha-pengusaha telekomunikasi telah mengambil beberapa langkah. Nombor perkhidmatan yang mengalami masalah tersebut akan diberikan kemudahan kod keselamatan ataupun Atur Safe dengan serta-merta. Sementara itu bagi menangani masalah ini, Bahagian Rangkaian Telefon telah mewujudkan satu unit, iaitu unit khas untuk membuat penyelidikan yang rapi dari semua aspek bagi membendungnya. Kerajaan juga telah meningkatkan penalti pesalah daripada RM2,000 kepada RM20,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali pada tahun 1993.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi aspek teknikal, mencuri talian selular boleh dilakukan melalui duplikasi nombor pelanggan. Biasanya duplikasi ini

dilakukan oleh orang yang mahir dalam perkara ini yang tidak bertanggungjawab. Bagi telefon berwayar, atau fixed telephone, talian dicuri melalui distribution point oleh mereka yang mempunyai pengetahuan untuk menyambung talian telefon secara tidak sah ataupun illegal.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri ada katakan pencurian talian boleh dilakukan di distribution point, dengan izin. Jadi, adakah kementerian Yang Berhormat berasa ada juruteknik-juruteknik dalaman yang terlibat dalam pencurian?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum dapat apa-apa bukti untuk membuktikan bahawa orang dalaman terlibat dalam perkara yang disebutkan itu.

**Tuan Chang Kon You:** Soalan tambahan. Setakat ini berapa orang yang telah ditangkap kerana mencuri talian telefon, dan apakah tindakan mahkamah yang telah diambil terhadap orang-orang seperti ini.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada seorang pun ditangkap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

*(Soalan No. 3 — Y. B. Tuan Lim Guan Eng tidak hadir)*

#### NILAI RINGGIT — KESAN KE ATAS PERDAGANGAN ANTARABANGSA MALAYSIA

4. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat mana kadar tukaran Ringgit Malaysia dengan mata wang negara lain yang kian kukuh kecuali Yen Jepun telah mengubah daya saing eksport barangan Malaysia; dan

- (b) apakah kesan buruk kenaikan kadar tukaran Yen Jepun dengan Ringgit Malaysia dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan kesan buruk tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk persoalan,

- (a) dari segi daya saing eksport, kedudukan Malaysia tidak akan terjejas berbanding dengan pesaing utamanya. Walaupun nilai Ringgit semakin kukuh sejak kebelakangan ini berbanding kebanyakan mata wang utama, terutamanya Dollar Amerika Syarikat. Ini adalah disebabkan mata wang negara pesaing utama Malaysia telah mencatatkan kenaikan nilai berbanding dengan Dollar Amerika, kecuali Rupiah Indonesia.

Pada akhir bulan Mei 1995 Dollar Singapura naik nilai sebanyak 4.9% berbanding Dollar Amerika Syarikat daripada paras akhir tahun 1994. Sementara Won Korea Selatan dan Bath Thai yang masing-masing naik nilai sebanyak 4.3% dan 2.1% berbanding dengan kenaikan nilai Ringgit sebanyak 3.6%. Jadi, dengan itu tidak ada kesan sebab sama-sama naik berbanding dengan Dollar Amerika. Oleh kerana kebanyakan urusan perdagangan dunia dinilai dalam mata wang Amerika, kenaikan nilai mata wang tempatan berbanding dengan Dollar Amerika Syarikat akan mengurangkan sedikit sebanyak daya saing eksport tempatan.

Walau bagaimanapun, perkara ini tidak membimbangkan kerana kerajaan tidak tergantung kepada

penggunaan kadar pertukaran Ringgit untuk meningkatkan daya saing eksport Malaysia di peringkat antarabangsa. Malah pengilang tempatan digalakkan bersaing atas dasar kualiti dan reka bentuk keluaran dan khidmat penghantaran yang boleh dipercayai.

- (b) Negara Jepun merupakan rakan dagangan utama Malaysia, iaitu sebanyak 11.9% daripada jumlah eksport kasar dan 26.7% daripada import kasar dalam tahun 1994. Kesan keseluruhan kenaikan nilai Yen ke atas perdagangan antarabangsa Malaysia adalah tidak ketara kerana hanya 8.2% sahaja daripada jumlah perdagangan Malaysia dijelaskan dalam sebutan Yen. Dari segi perdagangan dua hala pula, iaitu antara Malaysia dengan Jepun kenaikan nilai Yen akan memburukkan lagi defisit dagangan Malaysia dengan Jepun dalam tahun 1995. Pada tahun 1994 defisit ini adalah sebanyak RM23.3 bilion. Memandangkan bahawa nilai import iaitu pemburukan ini akan berlaku memandangkan bahawa nilai import kasar Malaysia daripada Jepun adalah hampir dua kali ganda daripada eksport Malaysia ke negara tersebut, iaitu 26.7% berbanding dengan 11.9% yang saya sebut awal tadi.

Dari segi perkhidmatan, Jepun adalah merupakan salah satu penerima utama pembayaran perkhidmatan bersih Malaysia, iaitu hampir 20% daripada jumlah defisit perkhidmatan Malaysia. Oleh yang demikian, kenaikan nilai Yen akan meningkatkan pembayaran perkhidmatan ke Jepun dalam tahun 1995, khusus-

nya dan juga kenaikan nilai Yen akan meningkatkan pembayaran faedah ke atas hutang luar negeri Malaysia.

Dalam tempoh jangka sederhana dan jangka panjang nilai Yen yang lebih kukuh akan mengurangkan import ke atas barang perantaraan, (intermediate goods) dan barang modal (capital goods) daripada Jepun kerana pengilang akan mengimport barangan tersebut dari pasaran yang lebih murah. Jika barangan tersebut menjadi terlalu mahal, pengilang mungkin terpaksa menggunakan sumber tempatan sebagai input pengantara mereka. Kenaikan nilai Yen dijangka akan juga menggalakkan industri-industri Jepun menempatkan operasinya di luar Jepun, termasuk di Malaysia bagi mengelakkan kos operasi yang tinggi di Jepun sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkembangan semasa nilai Yen, langkah-langkah yang telah dan selanjutnya akan diambil termasuk tindakan berikut:

- (i) Membuat pra-bayaran bagi hutang dalam sebutan Yen apabila perubahan kadar pertukaran Yen adalah memihak kepada Ringgit Malaysia;
- (ii) Membentuk semula portfolio untuk mengurangkan kesan negatif akibat perubahan nilai Yen;
- (iii) Mempelbagaikan sumber pinjaman daripada negara lain selain daripada Jepun; dan

- (iv) Mengurangkan pinjaman luar negeri terutama sekali Yen dan menggalakan pertumbuhan pasaran modal dalam negeri untuk berkembang dan berinovatif untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam memobilisasikan sumber untuk pembiayaan infrastruktur dan pelaburan yang lain.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Disebabkan oleh kenaikan nilai Yen, berapa banyakkah kerugian yang akan dialami oleh kerajaan dari segi pinjaman yang telah kita buat selama ini?

Dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kita akan cuba menarik pelabur-pelabur dari Jepun supaya melabur di Malaysia supaya dengan mereka melabur di Malaysia, maka kita akan dapat menghindarkan daripada mengalami pengimportan harga yang begitu tinggi disebabkan oleh kenaikan nilai Yen. Jadi, apakah tindakan susulan yang akan dibuat oleh kementerian Yang Berhormat untuk mengatasi perkara ini?

Dan apakah sebenarnya, sebab-sebab nilai Yen ini sentiasa naik dalam pasaran?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pinjaman yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan tadi, ialah setakat ini disebabkan oleh kenaikan nilai Yen, dalam masa yang setakat ini (current) dijangka rugi sebanyak US\$250 juta. Tetapi pada masa yang sama mata wang ringgit adalah kukuh

dibandingkan dengan US Dollar. Dan ini mendatangkan keuntungan kepada kita lebih kurang US\$367 juta. Jadi, kalau hendak ikut yang ini untung dan yang ini rugi, jadi kita dapat bersih keuntungan sebanyak US\$117 juta akibat daripada penurunan nilai Dollar dan kenaikan nilai Yen pada masa yang sama. Perlu diingat kita bukan hanya berniaga dengan Jepun, kita berniaga dengan semua negara di dunia ini.

Mengenai dengan mengapa Yen naik, ada banyak fakta-fakta yang boleh disabitkan dengan kenaikan nilai Yen ini, di antaranya:

- (i) Kekuatan ekonomi Jepun itu sendiri. Jepun merupakan sebuah 'lender country' ataupun negara yang memberi hutang yang banyak kepada semua negara di dunia. Dan ini disebabkan oleh ketinggian tahap tabungan negara Jepun itu sendiri iaitu tahap 34% daripada GDP. Kalau kita melihat GDP Jepun sebanyak US\$2,800 bilion, jadi 34% daripada itu adalah satu angka yang banyak, yang mana mewujudkan demand kepada iaitu permintaan kepada Yen itu sendiri. Jadi, apabila demand tinggi maka nilainya naik tinggi.
- (ii) Oleh sebab Yen selalu naik, banyak bank-bank pusat di Asia khususnya telah menukarkan harta-harta negara iaitu aset mereka ke dalam sebutan Yen. Jadi, meningkatkan lagi permintaan maka naik lagi nilai Yen.
- (iii) "Perseetujuan Plaza" yang dibuat dahulu, membolehkan nilai Yen naik dan dibenarkan naik, dahulu ditahan tetapi sekarang dibenarkan naik; dan yang akhir,

- (iv) Kalau boleh saya katakan di sini, peristiwa gerak gempa di Kobe menyebabkan negara Jepun memanggil balik Yen-yennya di luar negeri dan menukar segala 'foreign reserve'nya ke dalam Yen untuk membangun semula bandar Kobe. Dan fakta-fakta ini secara agregat menjadikan permintaan Yen dalam pasaran dunia tinggi, maka dengan permintaan tinggi, nilai Yen akan naik.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga, mengenai dengan pelabur-pelabur dari Jepun, memang pelabur-pelabur dari Jepun keluar membuat relocation. Jadi, apa yang mereka akan lakukan sebenarnya ialah apabila mereka relocate di Malaysia, mereka akan menggunakan sumber-sumber di Malaysia. Soal harga barang-barang naik tidak timbul kerana sumber buruhnya akan diambil dari Malaysia, sumber-sumber alam yang lain akan didapati dari Malaysia dan negeri-negeri lain. Jadi, itulah jawapan saya kepada tiga soalan tadi.

#### **PERSATUAN BELIA DAN SUKAN — KAJIAN PERUBAHAN KUASA MENDAFTAR**

5. Tuan Noh bin Omar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada kementerian ini bercadang untuk menjadi pendaftar kepada persatuan-persatuan belia dan sukan di negara ini yang sekarang tugas ini diletakkan di bawah Pendaftar Pertubuhan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat lebih kurang 7,073 persatuan belia dan 3,273 persatuan sukan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di semua peringkat. Kementerian saya mendapati ada di antara persatuan-persatuan ini tidak aktif, tanpa sebarang kegiatan baik di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri.

Kementerian memang mengakui terdapat kelemahan-kelemahan dengan sistem yang sedia ada di mana Menteri yang bertanggungjawab mengenai belia dan sukan menghadapi kesulitan dalam mengambil inisiatif dan mengawal pembangunan aktiviti belia dan sukan di dalam negara ini kerana tidak dibekalkan dengan kuasa undang-undang. Sering kali terdapat keadaan di mana kementerian saya ini tidak dapat bertindak dengan cara berkesan dan cepat menyelesaikan masalah-masalah yang dialami oleh persatuan-persatuan belia dan sukan. Walaupun di dalam keadaan yang sama, kerajaan membiayai sebahagian dari keperluan kewangan badan-badan ataupun persatuan-persatuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada kementerian ini bercadang untuk mengambil alih tugas pendaftaran daripada Pendaftar Pertubuhan ataupun mewujudkan satu akta yang sesuai masih di peringkat perbincangan. Kementerian ini tidak mahu tergesa-gesa dalam perkara ini dan pandangan dari berbagai pihak akan didapati. Sekiranya ada cara lain yang dapat menyelesaikan kurang kemasnya sistem yang ada sekarang, maka langkah menjadi Pendaftar Pertubuhan ataupun mengadakan akta yang berasingan bagi sukan dan belia mungkin tidak diperlukan.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pihak kementerian Yang Berhormat belum bersedia untuk menjadi pendaftar, jadi saya ingin tahu adakah pihak kementerian sedar bahawa pejabat-pejabat belia di daerah-daerah tidak ada rekod mengenai persatuan-persatuan belia yang telah dibatalkan pendaftarannya oleh pihak Pendaftar Pertubuhan. Dan persatuan-persatuan belia yang telah dibatalkan pendaftarannya ini masih terus bergerak aktif dan pergerakan ini boleh dianggap secara tidak sah dari segi undang-undang. Jadi, bagaimanakah langkah-langkah yang akan diambil untuk

mengatasi masalah ini, sementara hendak menimbangkan sama ada Kementerian Yang Berhormat boleh menjadi pendaftar ataupun tidak?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan di peringkat daerah kita mendapati bahawa ada persatuan-persatuan belia ataupun sukan masih menjalankan aktiviti-aktiviti walaupun mereka telah digantung ataupun dibatalkan pendaftaran mereka. Seperti apa yang telah saya sebutkan tadi, Kementerian Belia dan Sukan menghadapi kesulitan untuk mengawal selia persatuan-persatuan belia dan sukan di peringkat daerah dan negeri dan kita sedang menjalankan satu sistem yang lebih sempurna bahawa persatuan-persatuan belia dan sukan di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri dapat dikawal selia oleh Kementerian Belia dan Sukan.

#### PENYALAHGUNAAN PERMIT AP — TINDAKAN

**6. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) peratus pelajar Malaysia di luar negara yang telah menggunakan AP untuk membawa masuk kereta ke Malaysia;
- (b) dari jumlah ini, berapakah yang kemudiannya telah didapati menyalahgunakan AP yang diberikan;
- (c) apakah tindakan yang telah dan akan diambil kepada yang telah didapati bersalah; dan
- (d) langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan penyalahgunaan AP ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengeluarkan 812 lesen import (AP), dengan izin, bagi mengimport 812 unit kenderaan bernilai RM13.44 juta kepada para pelajar yang kembali ke Malaysia setelah tamat pelajaran sepanjang tahun 1994. Ini merupakan 77.7% dari jumlah keseluruhan kelulusan AP kenderaan persendirian yang dikeluarkan pada tahun tersebut. Bagi 5 bulan pertama tahun ini Kementerian telah meluluskan 300 AP bagi mengimport sebanyak 300 unit kenderaan persendirian bernilai RM5.41 juta kepada para pelajar yang tamat belajar dan kembali ke Malaysia dan ianya merupakan 75.4% dari jumlah kelulusan AP kenderaan persendirian.
- (b) Masalah yang timbul bukanlah mengenai penyalahgunaan AP tetapi sebenarnya merupakan cubaan untuk menyalahgunakan keistimewaan untuk mendapatkan AP kenderaan persendirian oleh pihak-pihak tertentu melalui para pelajar. Dalam keadaan ini, semasa semakan ke atas dokumen-dokumen yang dibuat, terdapat para pelajar yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ada di kalangan mereka yang memohon tidak mempunyai lesen memandu yang sah, terdapat juga situasi di mana pelajar-pelajar terbabit setelah disoal siasat mengaku bahawa

kenderaan yang hendak diimport sebenarnya adalah kepunyaan orang lain seperti ibu bapa, saudara mara ataupun pihak ketiga yang lain.

Untuk memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian, para pelajar berkenaan telah berpakat dengan tuan punya kenderaan sebenar tersebut bagi memalsukan butiran dokumen-dokumen bagi melayakkan permohonan mereka seperti meminda tarikh pendaftaran sebenar ataupun memalsukan butiran sijil insuran kenderaan. Memandangkan tuan punya kenderaan sebenar tersebut tidak layak mendapat keistimewaan AP kenderaan persendirian yang dikhaskan kepada mereka yang bermastautin di luar negeri, kementerian ini telah dan akan menolak semua permohonan sedemikian yang dikemukakan melalui para pelajar.

- (c) Kementerian ini tidak akan meluluskan permohonan AP kenderaan persendirian kepada orang perseorangan, termasuk para pelajar yang didapati cuba menyalahgunakan keistimewaan pengimportan kenderaan persendirian yang diberikan oleh kerajaan.
- (d) Bagi mengelakkan penyalahgunaan lesen import kenderaan persendirian, setiap kelulusan AP dikenakan syarat tidak boleh tukar pindah milik selama 4 tahun dari tarikh pendaftaran pertama di Malaysia. Di samping itu, kementerian juga telah menetapkan supaya hanya pemohon-pemohon termasuk para pelajar yang betul-betul layak dan memenuhi semua syarat-syarat pengimportan kereta persendirian sahaja diluluskan lesen import.

Syarat-syarat yang dikenakan adalah seperti berikut:

- (i) pemohon mesti menetap secara terus menerus di luar negeri bagi tempoh tidak kurang daripada setahun;
- (ii) pemohon mestilah mendaftar kenderaan yang hendak diimport atas nama pemohon di luar negeri bagi tempoh tidak kurang 6 bulan dari tarikh kembali ke Malaysia;
- (iii) pemohon dapat membuktikan penggunaan kenderaan tersebut di luar negeri dengan mengemukakan sijil perlindungan insuran mereka atas nama pemohon bagi tempoh tidak kurang 6 bulan dari tarikh pemohon kembali ke Malaysia;
- (iv) pemohon mempunyai lesen memandu yang sah; dan
- (v) invoice pembelian kenderaan atas nama pemohon.

#### USM, CAWANGAN PERAK — MEMPERLUASKAN FAKULTI PENGAJIAN

7. Tuan Yeong Chee Wah minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan kursus dan memperluaskan fakulti pengajian supaya lebih ramai anak negeri Perak dapat memasuki cawangan Perak Universiti Sains Malaysia (USM), jika ya, sebutkan cadangan tersebut, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat kerajaan untuk mengoptimumkan kapa-

siti universiti-universiti tempatan termasuklah Universiti Sains Malaysia Cawangan Perak. Setakat ini USM di Perak menjalankan kursus dalam bidang kejuruteraan dan sains. Cadangan untuk memperluaskan bidang pengajian dan kapasiti belum diputuskan setakat ini.

**Tuan Yeong Chee Wah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, berapakah kuota yang diberi kepada anak negeri Perak pada setiap tahun. Adakah kuota tersebut akan meningkat pada masa yang akan datang?

Soalan kedua, apakah kemajuan kursus Angkasalepas yang diwujudkan di Fakulti Sains Cawangan Perak, Universiti Sains Malaysia sekarang ini? Memandangkan Universiti Sains Malaysia Cawangan Perak berjaya membuat satelit sendiri, maka apakah galakan, incentive, dengan izin, atau galakan khas diberi kepada universiti tersebut?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, dasar kerajaan dalam segi pengambilan calon-calon di universiti-universiti tempatan tidak mengikut kuota untuk negeri-negeri kerana kita memberi keutamaan kepada keputusan yang dicapai oleh calon-calon tersebut. Namun demikian, untuk cawangan USM di Perak, memang kita, dengan izin, when all are the same, kita memberi keutamaan kepada calon-calon dari negeri Perak.

Tentang galakan dan ganjaran yang kita beri kepada universiti cawangan tersebut atas kejayaan mereka, Kementerian Pendidikan selalunya memberi galakan khususnya dari segi peruntukan untuk menjalankan penyelidikan kepada semua universiti-universiti tempatan. Kita memang, dengan izin, take pride, dari segi kejayaan yang dicapai oleh universiti-universiti tersebut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementeriannya bercadang untuk menaikkan tingkat cawangan Perak, Universiti Sains Malaysia, supaya di Perak kita adakan satu universiti dengan penuhnya? Walaupun Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri tidak berminat untuk membangkitkan hal ini, kami di dalam DAP . . . . .

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sangkaan jahat! Sungai Besi, Grik — tidak pernah saya dengar cadangannya di sini, cuma dari suara DAP.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah Kementeriannya mencadang untuk mempertingkatkan status cawangan universiti supaya kita ada dalam setiap negeri ada satu universiti bertaraf antarabangsa? Sebab saya tidak begitu berpuas hati dengan sesetengah standard yang dicapai dan kualiti . . . . .

**Seorang Ahli:** Pong!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, siapa yang bercakap sekarang?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta Ahli Yang Berhormat yang lain jangan menyampuk. Teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak begitu puas hati dengan standard yang tercapai sekarang kerana kita akan mewujudkan satu pusat cemerlang pendidikan di rantau ini, mahupun

di seluruh dunia — pusat pendidikan yang tercemerlang sekali, yang tergemilang sekali.

Itu memang baik. Kalau kita hendak capai satu tahap yang begitu tinggi... (*Ketawa*) Apa salahnya hendak capai tahap begitu tinggi? Tidak mahu kecemerlangan? Tidak mahu satu institut akademi yang tinggi? Itu satu sikap yang salah. Kita hendak memperbetulkan sikap seperti ini dengan adakan universiti-universiti di setiap negeri di negara ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan Barisan Nasional merupakan satu kerajaan yang bertanggungjawab dan oleh kerana pengundi-pengundi di Perak telah menolak DAP setelah memberi sokongan yang kuat kepada Barisan Nasional (*Tepuk*) dan nampaknya Ahli-ahli Parlimen dari negeri Perak begitu aktif dan agresif dalam hal-hal mempertingkatkan cawangan USM itu, memang Kementerian Pendidikan akan kaji cadangan mereka dengan sepenuh hati.

Dari segi standard universiti-universiti tempatan, sungguhpun Ahli Yang Berhormat dari Kepong memperkecilkan taraf pendidikan universiti-universiti tempatan, kita di Kementerian Pendidikan memang selalu ada kepercayaan terhadap standard kita kerana di antara graduan-graduan universiti tempatan adalah ramai mereka yang sudah jadi Ahli Parlimen yang cemerlang. (*Tepuk*)

Jadi, saya haraplah Ahli Parlimen dari Kepong janganlah memperkecilkan standard kita. Namun demikian, kita akan terus giat mempertingkatkan supaya universiti-universiti tempatan akan dihormati.

## KESESAKAN LALU LINTAS — LANGKAH MENGATASI

**8. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan bercadang mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat seperti ujian memandu, menaikkan cukai jalan, polisi insurans, undang-undang dan peraturan jalan raya dan sebagainya, sebagai langkah mengurangkan kenderaan dan kesesakan lalu lintas.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak berhasrat untuk mengenakan syarat-syarat seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi mengurangkan kenderaan dan kesesakan lalu lintas.

**Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian Yang Berhormat dalam usaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas pada hari ini?

Soalan yang kedua, sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh kementerian Yang Berhormat di dalam kempen perkongsian kereta terutama di bandar raya Kuala Lumpur?

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mempunyai 7 langkah-langkah untuk mengurangkan kesesakan jalan raya.

- (i) Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk melaksanakan projek transit laju ringan yang akan dikendalikan oleh Syarikat Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd. ataupun ringkasnya PUTRA bagi meng-

hubungkan Petaling Jaya ke pusat bandar raya Kuala Lumpur serta pusat bandar ke Gombak. Ianya di jangka siap pada hujung tahun 1998.

- (ii) Satu projek LRT juga sedang dilaksanakan oleh pihak swasta iaitu Syarikat STAR Sdn. Bhd. bagi menghubungkan Ampang dengan pusat bandar raya dan Bukit Jalil. Ianya dijangka siap pada tahun 1996, bulan Julai.
- (iii) Projek Komuter Rail KTM Berhad bagi laluan Rawang – Kuala Lumpur, Seremban dan Kuala Lumpur – Pelabuhan Kelang sedang dilaksanakan oleh KTM Berhad dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada akhir tahun 1995.
- (iv) Menggabungkan 8 buah syarikat bas berhenti-henti kepada 2 konsortium iaitu Partney Sdn. Bhd. dan Syarikat Diversified Resources Sdn. Bhd. Pasukan petugas mengenai penggabungan bas ini adalah diurusetiaikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada masa ini. Urusetia berkenaan masih dalam proses mengenal pasti laluan dan kawasan operasi bas-bas berkenaan.
- (v) Melaksanakan projek Linear City yang melibatkan penyediaan kemudahan pengangkutan awam berasaskan rel.
- (vi) Memindahkan pusat pentadbiran Persekutuan ke Putra Jaya.
- (vii) Menggalakkan perkongsian kereta.

Bagi soalan tambahan kedua, berapakah kejayaan dalam skim perkongsian kereta, saya suka memaklumkan bahawa perkongsian kereta telah meningkat daripada 30% kepada 46%.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Kementerian Pengangkutan di atas langkah-langkah mengurangkan kesesakan. Saya ingin tahu bagaimanakah caranya kementerian mengukur kejayaan skim perkongsian kereta dan sehingga hari ini, berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk menjayakan skim tersebut?

**Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengadakan kajian menerusi pegawai-pegawai yang terdapat di kementerian. Mengenai berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan, saya perlukan notis.

#### TELEVISYEN — PENJADUALAN SIARAN

**9. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah kementerian sedar yang garis panduan dan penekanan yang ketat dikuatkuasa ke atas televisyen telah membangun minat penonton kepada panggung, cineplex dan laser di negara ini. Kawalan kepada cineplex dan laser centre adalah kurang memuaskan, bahkan ada laser centre menayang filem lucah. Apakah pendekatan untuk menyelaras keadaan ini; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk membagikan masa penyiaran televisyen kepada dua bahagian, iaitu 'family hour' dan masa untuk orang dewasa. Dengan pembahagian ini, bolehlah program televisyen disesuaikan mengikut selera masyarakat bukan selera penaja iklan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Penerangan melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

sentiasa mengawal dan mengawasi kegiatan industri perfileman di sektor pengeluaran, pendedaran dan pameran filem dan video selaras dengan peruntukan terdapat di dalam Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 dan perundangan-perundangan kecil di bawahnya. Pawagam, cineplex dan laser centre diperlukan mendapat lesen pameran filem atau pendedaran filem. Pemegang lesen tersebut dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen dan syarat-syarat tempahan lesen di bawah Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pelesenan) 1983. Kawalan dari aspek kandungan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan FINAS sentiasa memberi kerjasama kepada kementerian berkenaan. Di bawah Peraturan-peraturan Pelesenan, FINAS boleh membatalkan sesuatu lesen jika disabitkan mana-mana kesalahan di bawah Akta Filem (Penapisan) 1952.

- (b) Jadual siaran televisyen selama ini mengambil kira waktu yang sesuai untuk setiap peringkat umur, agama dan aktiviti masyarakat. Penjadualan sesuatu rancangan biasanya diselaraskan supaya dapat memberi kepuasan kepada kedua-dua penonton dan pengiklan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana menjawab begitu baik. *(Ketawa)* Soalan tambahan, saya ingin tahu baru-baru ini di dalam akhbar ada menyiarkan bahawa ada cerita-cerita kartun dan juga

cerita-cerita kanak-kanak yang bersandarkan kepada nilai-nilai Islam dan juga sejarah-sejarah Nabi dan cerita ini diterbitkan oleh seorang jutawan Islam di Amerika. Jadi, adakah pihak Kementerian Penerangan akan mengimport cerita-cerita ini untuk disiarkan di kaca TV kita?

Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua ialah berkenaan dengan mutu filem-filem kita. Didapati banyak filem-filem kita ini berkisarkan kisah cinta, kisah perbalahan dalam rumah tangga, kisah madu dan sebagainya. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk mengambil cerita-cerita yang memberi semangat untuk manusia ini hidup maju ke hadapan dan mempunyai sikap yang baik dan budi pekerti yang tinggi? Jadi, ini saya minta penerangan dari Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal:** Terima kasih Yang Berhormat dari Yan. Mengenai dengan soalan pertama mengenai dengan babak-babak yang mempertingkatkan usaha kita dalam perkembangan agama Islam, insya-Allah, kementerian akan mengambil perhatian tentang cadangan yang baik itu agar kita dapat siarkan acara-acara atau kartun-kartun yang boleh menyedarkan anak-anak kita tentang perjuangan serta mempertingkatkan amalan kita kepada Allah S.W.T.

Mengenai dengan soalan kedua, insya-Allah *(Ketawa)* kementerian juga akan mengambil perhatian tentang filem-filem yang boleh mempertingkatkan kemajuan negara.

**Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Penerangan pernah menyatakan dahulu bahawa Kementerian Penerangan berhasrat

mewujudkan satu rangkaian khas untuk wanita memandangkan wanita merupakan golongan terbesar mendengar siaran-siaran radio. Soalan saya, bilakah rangkaian khas ini akan diwujudkan?

Kedua, apakah pendekatan yang akan diambil untuk memastikan bahawa rancangan-rancangan yang akan disiarkan nanti betul-betul memberi manfaat kepada kaum wanita, khususnya dari segi peningkatan ilmu dan pengetahuan dan pandangan dunia, dengan izin, world view?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal:** Terima kasih. Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, memang benar bahawa Kementerian Penerangan mempunyai rancangan untuk mewujudkan satu radio wanita khusus, selaras dengan apa yang telah dikehendaki oleh kaum wanita dan ini akan menelan belanja sebanyak lebih kurang RM2 juta. Insya-Allah, kalau tidak ada halangan, kita akan lancarkan pada awal tahun yang akan datang.

Mengenai dengan kandungan-kandungan yang akan disiarkan kelak, apa yang akan terkandung kelak dalam program radio wanita ini insya-Allah, akan selaras dengan apa yang dikehendaki oleh kaum wanita.

#### **KAD PENGENALAN PALSU — JUMLAH KES TANGKAPAN**

10. **Tuan Henrynus Amin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kes pengeluaran kad pengenalan palsu sangat berleluasa di Sabah seperti mana yang dilaporkan di akhbar-akhbar tempatan. Sekiranya ya, berapakah jumlah kes kad pengenalan palsu yang ditangkap oleh polis dan berapakah di antara kes-kes ini yang telah dibawa ke mahkamah sejak tahun 1985.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 2,095 kes tangkapan berhubung pemilikan kad pengenalan palsu telah berlaku di Sabah dalam tempoh 1985 hingga 1995. Ini melibatkan 3,208 orang dan 2,666 kad pengenalan dan seramai 2,533 orang telah dibawa ke mahkamah.

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai satu kementerian yang bertanggungjawab dan juga prihatin terhadap masalah pengeluaran kad pengenalan palsu, saya tidak ragu-ragu bahawa kementerian ini akan berusaha untuk membanteras kegiatan pengeluaran kad pengenalan palsu yang sedang berleluasa seperti yang dilaporkan di akhbar-akhbar tempatan. Misalnya dalam bulan Mei tahun ini, keratan dalam surat khabar sudah banyak saya buat mengenai dengan kegiatan yang telah dilaporkan. Soalan saya, sekiranya pihak kementerian ingin menyelesaikan masalah ini, adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk mewajibkan majikan-majikan, khususnya projek-projek pembinaan ataupun di ladang-ladang, di mana kemungkinan didapati ramai di antara pekerja-pekerja yang pada mulanya datang sebagai pendatang, tetapi kemungkinan mempunyai kad pengenalan palsu.

Yang kedua, adakah pihak kementerian bercadang untuk menapis kad-kad pengenalan yang telah diperolehi dengan menggunakan surat akuan — saya sendiri telah melihat kad-kad pengenalan, di mana asas untuk mendapatkan itu adalah surat akuan.

Yang ketiga . . . . . *(Disampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukup dua, Yang Berhormat.....cukup dua.

**Tuan Henrynus Amin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan bahawa saya tidak setuju dengan perkataan yang dipilih mengatakan pengeluaran kad pengenalan. Pengeluaran maknanya dikeluarkan oleh kerajaan. Sejak mula sampai hari ini, kerajaan tidak pernah dapat apa-apa pengeluaran yang benar-benar datang daripada ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara.

Perkataan yang sesuai dipilih ialah pemilikan kad pengenalan secara palsu. Maknanya, mereka sama ada pendatang tanpa izin ataupun ahli-ahli sindiket telah memperolehi kad pengenalan palsu secara haram menggunakan cara mereka. Maka kerajaan bertindak mengikut undang-undang selama ini, tak kira sama ada pekerja ataupun majikan, memang pada masa ini kerajaan telah pun mengadakan satu Pasukan Petugas Khas Persekutuan ditempatkan khas di Sabah dan satu Jawatankuasa Pengendalian Buruh Asing di Sabah telah pun ditubuhkan untuk menguruskan semua hal-hal mengenai pendatang dan pekerja asing — segala hal-hal melibatkan keselamatan dan sebagainya. Kerajaan Persekutuan memandang berat hal ini dan kita amat serius tentang apa yang berlaku.

Mengenai ada mereka yang memiliki dokumen atau apa-apa surat perjalanan yang tidak sah, kerajaan perlukan kerjasama daripada semua, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari PBS ataupun mana-mana satu parti supaya pergi melaporkan kepada pihak berkuasa, tak kira Polis ataupun pasukan petugas supaya kita boleh bincang sama-sama untuk membanteras kegiatan ini dan bukan hanya heboh dekat akhbar, selepas itu apa sudah jadi, kita tidak tahu.

Sebenarnya, usaha Polis dan usaha petugas khas selama ini tidak berhenti-henti, bertungkus-lumus. Kita hantar Pasukan Polis Hutan yang lebih ke Sabah dan telah pun merancang langkah demi langkah, tetapi itu tidak disebut langsung. Selalunya pihak pembangkang dia tak mahu sebut apa kita telah buat, tetapi dia sebut sahaja apa yang dia dapati dalam tangan. Itu pun kononnya kadang-kadang ia tidak bersabit ataupun datang daripada pihak kerajaan. Sebenarnya ini datang daripada sindiket yang kerajaan hendak hapuskan. Hasrat kita memang hendak hapuskan sindiket yang tidak bertanggungjawab.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak tuduhan-tuduhan daripada parti pembangkang, khususnya PBS di Sabah yang mengatakan bahawa sindiket kad pengenalan palsu ini dibuat oleh Barisan Nasional. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan di sini bahawa sindiket-sindiket yang dibuat oleh Barisan ataupun PBS itu boleh dibezakan? Adakah penjenayah-penjenayah ini datang daripada Barisan Nasional ataupun daripada PBS? Bolehkah ditentukan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sindiket langsung selama ini yang datangnya daripada Barisan Nasional. (*Tepuk*) Tidak ada! Sindiket yang kita maksudkan itu kesemua mereka ini adalah yang melibatkan pendatang asing ataupun orang perseorangan. Kalau sekiranya ada disabitkan dengan pegawai kerajaan, kita juga akan ambil tindakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam beberapa tahun ini kita telah menangkap tiga orang pegawai atau kakitangan kerajaan dan telah dibawa ke mahkamah. Tindakan undang-undang sedang diambil. Ini untuk menunjukkan betapa tegasnya pendirian kerajaan — tidak bertolak ansur.

**HOSPITAL SWASTA — GARIS  
PANDUAN PENETAPAN KADAR  
BAYARAN**

11. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian-nya untuk memastikan bahawa hospital-hospital swasta mengenakan bayaran yang sesuai dengan rawatan dan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit-pesakit.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, semua hospital swasta adalah dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 dan Peraturan-peraturan Hospital Persendirian 1973. Di dalam menjamin perkhidmatan berkualiti diberikan kepada pesakit, Kementerian Kesihatan sentiasa mengawal dan mengatur hospital swasta ini agar mematuhi kehendak-kehendak seperti di dalam Akta tersebut.

Dari segi bayaran, Kementerian Kesihatan tidak mengawal kadar bayaran yang dikenakan kepada pesakit oleh hospital swasta. Walau bagaimanapun, hospital swasta boleh menggunakan Akta Fee 1951 yang digunakan oleh kerajaan sebagai panduan untuk menetapkan kadar bayaran di hospital mereka. Di samping itu, Persatuan Perubatan Malaysia juga ada mengeluarkan garis panduan mengenai kadar bayaran kepada pesakit untuk ahli-ahlinya.

**ALAT TULIS PENSIL BERWARNA  
MENGANDUNGI BAHAN TOKSID  
— TINDAKAN TERHADAP  
PENGELUAR**

12. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) bilangan pengeluar serta jenama barangan alat tulis/pensil warna yang telah diharamkan penjualannya di pasaran;

(b) apakah tindakan kerajaan terhadap pengeluar serta jenama yang terbabit; dan

(c) adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan agar barangan produk yang dikeluarkan diuji terlebih dahulu bagi memastikan sesuatu barangan itu selamat untuk digunakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):** Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan laporan media massa bahawa terdapat alat-alat tulis pensil berwarna yang mengandungi bahan-bahan toksid di pasaran, pemeriksaan awal telah dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Daripada pemeriksaan tersebut, adalah didapati bahawa terdapat 3 pengeluar alat-alat tulis yang mengeluarkan alat-alat tulis ini melebihi had maksimum bahan toksid yang dianggap selamat digunakan berdasarkan kepada "European Standard EN 71", dengan izin, yang melibatkan 5 jenama.

Oleh kerana isu yang berbangkit ini juga melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, beberapa tindakan bersama telah dibuat oleh kedua-dua kementerian iaitu:

- (a) memanggil pihak-pihak yang terlibat dengan pengeluaran, pengimportan, pengedaran dan penjualan alat-alat tulis untuk memaklumkan keputusan analisis yang dibuat oleh Jabatan Kimia Malaysia;
- (b) mengarahkan pihak-pihak yang terlibat dengan pengeluaran dan pengimportan alat-alat tulis yang disahkan mengandungi

bahan-bahan toksid yang melebihi standard supaya menarik balik alat-alat tulis dari pasaran dalam tempoh 2 minggu. Dalam hubungan ini, pemeriksaan mendapati alat-alat tulis yang terlibat telah pun ditarik balik dari pasaran; dan

- (c) para pengeluar dan pengimport juga telah dimaklumkan bahawa oleh kerana pada masa ini negara kita belum mempunyai standardnya sendiri bagi alat-alat tulis, kerajaan telah menetapkan bahawa "European Standard EN 71", dengan izin, diguna pakai sementara menunggu suatu standard untuk negara ini diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat dan matlamat kerajaan bagi menentukan semua produk yang dikeluarkan untuk pasaran adalah selamat digunakan. Walau bagaimanapun, usaha kerajaan ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama dan sokongan pihak yang terlibat. Dalam hubungan ini, pihak industri perlulah menentukan barangan keluaran mereka adalah selamat digunakan dan ianya bermutu tinggi. Dengan demikian, kerajaan berpendapat tanggungjawab ini adalah sesuai dan wajar dikendalikan oleh industri itu sendiri tanpa kerajaan mewajibkan pengujian setiap produk yang dikeluarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 13 hingga 59 dijilid dalam buku berasingan)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1994 DAN 1995) 1995

DAN

### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL. 4) 1994

DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL. 1) 1995

*Jawatankuasa*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995 dan Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 4) 1994 dan Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 1) 1995 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Pertama*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM14,807,476,746 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1994 bagi Maksudmaksud Bekalan B. 1, B. 4, B. 7, B. 14 hingga B. 16, B. 19, B. 22, B. 25, B. 26

B. 28, B. 30 hingga B. 34, B. 36, B. 37, B. 40, B. 42, B. 43, B. 47 dan B. 50 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM1,163,881,750 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1995 bagi Maksud-maksud Bekalan B. 4, B. 7, B. 17, B. 18, B. 25, B. 26, B. 29, B. 34, B. 36, B. 44 dan B. 52 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sebanyak tidak lebih daripada RM399,120,070 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 4) 1994 bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 7, P. 17, P. 20, P. 23, P. 24, P. 26, P. 28, P. 34, P. 43, P. 47, P. 49 dan P. 54 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1995 dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM398,000,030 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 1) 1995 bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 7, P. 17, P. 20 dan P. 28 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1995 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus 1994 dan 1995 dan juga Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1994 dan 1995 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 1995 dan 2A Tahun 1995

bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1994 dan Tambahan Pertama 1995 dan Kertas Perintah 3A Tahun 1994 dan 4A Tahun 1995 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1994 dan Tambahan Pertama 1995. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita memulakan perbahasan dalam Jawatankuasa, saya suka mengingatkan bahawa perbahasan kita tertumpu kepada Butiran-butiran yang telah ditetapkan dan tiap-tiap Ahli kita hanya boleh benarkan masa 10 minit untuk membahaskan. Kepala Bekalan B. 1, B. 4, dan B. 7 dalam Kepala Pembangunan P. 7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Machang.

*3.39 ptg.*

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed (Machang):** Tuan Pengerusi, oleh kerana had masa yang diberikan terlalu singkat, saya terus masuk kepada B. 4 iaitu peruntukan mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Saya percaya sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah dipohon untuk membiayai sebahagian besar daripada peruntukan pilihan raya umum kesembilan yang telah berlangsung pada 25hb April yang lepas.

Apa yang saya hendak membangkitkan, Tuan Pengerusi, selain daripada perkara-perkara yang ada kaitan dengan peruntukan ini ialah perkara-perkara yang bersabit dengan perjalanan pilihan raya itu sendiri.

Seperti mana yang kita sedia maklum, di dalam Dewan pada hari ini pun ada bayangan daripada pihak kerajaan dan pihak pembangkang sendiri yang

membuat beberapa tuduhan terhadap pihak Suruhanjaya Pilihanraya tentang perjalanan pilihan raya tersebut berhubung dengan berbagai-bagai perkara.

Dalam kesempatan 10 minit ini saya hendak membangkitkan beberapa perkara yang perlu saya fikir diketengahkan untuk panduan pihak SPR di pilihan raya-pilihan raya yang akan datang. Peruntukan yang besar kita tahu bahawa setiap kali diadakan pilihan raya peruntukan yang begitu besar telah dibelanjakan oleh kerajaan dan peruntukan yang besar ini mestilah menghasilkan suatu keputusan pilihan raya yang memuaskan semua pihak. Saya percaya adalah mustahil untuk memuaskan hati semua pihak tetapi sekurang-kurangnya apa masalah-masalah yang berbangkit setiap kali pilihan raya mestilah cuba diselesaikan oleh pihak berkenaan supaya tidak berulang di masa-masa akan datang.

Perkara pertama yang saya hendak bangkitkan, Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan kerahsiaan mengundi. Bahawa undi itu adalah rahsia telah disebut dengan nyata di bawah seksyen 13 (2) Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya telah menyebut dengan jelas, Tuan Pengerusi, dengan izin, saya membaca peruntukan seksyen tersebut iaitu berhubung dengan bahawa undi itu adalah rahsia. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai perjalanan undi pos yang nyata telah bercanggah dengan peruntukan seksyen 13 (2) di bawah Akta Kesalahan Pilihanraya 1954. Dua perkara yang nyata ini adalah bercanggah dengan konsep kerahsiaan undi. Sebagai contohnya ialah perkara yang termaktub di bawah peraturan-peraturan mengenai undi pos tahun 1959 iaitu Peraturan 7 (2) yang telah saya bangkitkan secara sepintas lalu semasa membuat penjelasan atau meminta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari yang lepas. Perkara 7 (2) ini, Tuan Pengerusi, ialah bersabit dengan prosedur ataupun

peraturan-peraturan yang memerlukan bahawa seseorang pengundi pos itu dengan izin, Tuan Pengerusi, saya menyebut:

“7 (2). The number of postal ballot paper can be marked on the declarations of identity in Form 2 of the schedule to this regulation and on the envelope bearing the word ‘ballot paper’ envelope.”

Borang 2 pula, Tuan Pengerusi, telah disebut dengan jelas. Saya rujuk pula kepada Borang 2 Peraturan berkenaan. Borang 2 Peraturan berkenaan antara lain menyebut, dengan izin, Tuan Pengerusi:

“The above named who is personally known to me has produced a ballot paper and the envelope above referred to and has signed the above declaration in my presence.”

Jelas, Tuan Pengerusi, jika ini berlaku tentulah konsep rahsia undi itu tidak berlaku lagi, tidak wujud sama sekali, di mana seseorang pengundi pos mestilah:

- (i) menandatangani suatu certificate of identity;
- (ii) ballot paper itu mesti ditunjukkan di hadapan orang yang membuat declaration.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Parit Sulong hendak minta jalan. Beri atau tidak?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tidak ada jalan, Tuan Pengerusi, 10 minit banyak perkara yang saya hendak bangkitkan.

Jadi, jelas Tuan Pengerusi, bila saya membangkitkan perkara ini semasa meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan baru-baru

ini, bukanlah hasrat saya untuk mengkritik semata-mata mengkritik. Tetapi peruntukan yang ada ini jelas bertentangan dengan seksyen 13 (2) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 yang mengatakan undi itu adalah rahsia.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, ialah Peraturan 12 yang juga bercanggah dengan prinsip bahawa undi itu adalah rahsia. Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya menyebut secara sepintas lalu Peraturan 12, dengan izin, Tuan Pengerusi:

“12. A postal voter who wishes to exercise his postal vote shall exercise it by completing and despatching the ballot paper and the declaration of identity in accordance to the instruction to the voters in Form 3 of the schedule.”

Borang 3 pula, Tuan Pengerusi, jika dengan izin, saya menyebut antara arahan-arahan yang diberi kepada pengundi pos menyebut seperti berikut:

- (i) Before marking the accompany ballot paper, you must produce to some person to whom you are known who will witness your declaration of identity, the following:
  - (1) the ballot paper;
  - (2) the declaration; and
  - (3) the envelope.
- (ii) You must sign the declaration of identity in the presence of the witness.

Ini juga, Tuan Pengerusi, jelas bercanggah dengan konsep bahawa undi itu adalah rahsia yang termaktub di bawah Perkara 13 (2) Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya 1954.

Perkara seterusnya, Tuan Pengerusi, dalam undi pos ini, konsep pos itu sendiri tidak wujud sebenarnya. Apa yang berlaku seperti yang disebut oleh

Timbalan Menteri Pertahanan baru-baru ini bahawa di peringkat pembahagian ballot paper daripada pihak SPR kepada pihak junta tentera ada wakil-wakil parti. Tetapi bila ianya tiba di peringkat junta tentera, maka konsep pos tidak lagi berlaku.

Inilah perkara-perkara, Tuan Pengerusi, yang saya fikir jika kita mahu melihat pilihan raya di negara ini terutamanya tentang konsep undi pos, mestilah diperbetulkan. Sebab itulah baru-baru ini saya telah mengemukakan soalan supaya peraturan-peraturan ataupun Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 itu sendiri atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya jika tidak sesuai dengan konsep amalan bahawa undi itu adalah rahsia, mesti diambil tindakan untuk dibuat perbetulan ataupun diperbaiki.

Perkara seterusnya, Tuan Pengerusi, yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan kuasa SPR di dalam menjalankan pilihan raya negara ini. Kita tahu bahawa anggota-anggota SPR khususnya Pengerusi dan Setiausaha adalah dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong atas recommendation, dengan izin, daripada Perdana Menteri. Selain daripada itu, selain daripada jawatan-jawatan penting dalam SPR yang lain adalah dilantik secara *ad-hoc* dari masa ke semasa. Perkara yang nyata mengikut Akta Pilihanraya 1954 dan mana-mana undang-undang lain yang dibuat di bawahnya, langsung tidak mempunyai kuasa selain hanya untuk menjalankan pilihan raya itu. Kuasa yang ada pada SPR adalah terbatas.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Akta Pilihanraya atau Election Act 1958 ataupun Election Offences Act 1954 atau Election Commission Act 1957 mestilah dipinda bagi memberi kuasa yang lebih

kepada pihak SPR termasuk kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang dilakukan ataupun disyaki melakukan apa-apa kesalahan yang bercanggah dengan undang-undang pilihan raya di dalam pilihan raya itu sendiri. Sebagaimana yang kita tahu sekarang ini kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu pilihan raya itu tidak sah hanyalah melalui election petition yang perlu dibuat oleh pemohon ke Mahkamah Tinggi. Tetapi SPR sendiri tidak diberi kuasa untuk menangani semua masalah penyalahgunaan wang dan sebagainya.

Dulu kita pernah ingat peristiwa yang berlaku di India, bagaimana Perdana Menteri Indra Gandhi pada masa itu telah terperangkap kerana menggunakan jentera kerajaan dalam pilihan raya dan akhirnya dibawa ke mahkamah dan pilihan raya itu diisytiharkan tidak sah. Tetapi di negara kita, Perdana Menteri bebas menggunakan helikopter kerajaan atau menggunakan jet kerajaan. Ini adalah satu perkara yang pada pandangan saya tidak sepatutnya berlaku semasa berlangsungnya pilihan raya kerana kerajaan pada masa itu ialah a caretaker government, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, yang saya hendak membangkitkan ialah berhubung dengan peruntukan Seksyen 19 iaitu had untuk . . . . .

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin:** Rompin bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tidak ada masa, Tuan Pengerusi, minta maaf, pasal 10 minit, melainkan Tuan Pengerusi membenarkan saya untuk masa yang banyak.

Seksyen 19 ialah berhubung dengan peruntukan seseorang calon dalam pilihan raya. Seksyen 19 memperuntukkan bahawa seseorang calon Parlimen mestilah membelanjakan tidak lebih daripada RM50,000, kurangnya maksud itu. Yang keduanya ialah bagi calon-calon Dewan Undangan Negeri tidak lebih daripada RM30,000. Peruntukan ini, Tuan Pengerusi, sebenarnya adalah peruntukan yang sia-sia kerana kita tahu dalam setiap pilihan raya bagaimana calon-calon khususnya calon Barisan Nasional ternyata membelanjakan lebih daripada ini.

Saya ingin menyebut sebagai suatu contoh tanpa menyebut Parlimen mana, bagaimana seorang Menteri Kabinet kerajaan membelanjakan untuk billboard sahaja, Tuan Pengerusi, berpuluh-puluh billboard yang memakan belanja tidak kurang daripada RM2,000 untuk satu billboard. Cuba bayangkan kalau ada 30, bermakna RM60,000 untuk advertisement sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa cukup Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Jadi, saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, bahawa peruntukan RM50,000 dan RM30,000 ini dimansuhkan terus. Kuasa mestilah diberi kepada SPR untuk allocate, menjumlahkan sesuatu peruntukan khusus kepada setiap calon yang bertanding. Selain daripada peruntukan khas yang diberikan oleh SPR untuk setiap calon yang bertanding, tak kira calon itu Barisan Nasional, tak kira calon itu pembangkang DAP, mesti mendapat peruntukan yang sama melalui satu peruntukan khas. Dan sesiapa yang membelanjakan lebih daripada itu, mestilah dianggap peruntukan yang bercanggah dengan undang-undang dan

membolehkan pilihan raya itu diisytiharkan tidak sah. Dengan cara ini sahaja kita boleh akan mewujudkan satu pilihan raya yang betul-betul bersih di mana soal politik wang tidak akan timbul. Tetapi bagi parti-parti pembangkang yang kekurangan wang, kekurangan tenaga berbanding jentera kerajaan, ini tidak boleh berlaku.

Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah lebih, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Satu sahaja lagi, Tuan Pengerusi. Terlalu banyak, Tuan Pengerusi, yang saya hendak membangkitkan, masa 10 minit terlalu sedikit.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita kena beri ramai yang lain untuk mengambil bahagian, Yang Berhormat, ya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Satu sahaja, Tuan Pengerusi, iaitu berhubung dengan seksyen 33 (4) Election Petition. Di negara kita sekarang keputusan seorang hakim memutuskan suatu election petition itu adalah final, dengan kata lain, tidak ada rayuan. Peruntukan ini berasaskan kepada suatu peruntukan undang-undang di England. Tetapi di England pada masa ini, Tuan Pengerusi, di sana sudah ada Election Court yang mana hakim-hakimnya adalah mahir di bidang undang-undang. Di India suatu masa, peruntukan yang sama juga wujud tetapi sekarang ini keputusan hakim yang membicarakan kes election petition boleh dirayu ke Mahkamah Agung di India. Tetapi di negara kita keputusan seorang hakim Election Judge adalah final.

Dengan demikian, Tuan Pengerusi, sudah tiba masanya saya berpendapat dan saya mencadangkan supaya keputusan hakim yang membicarakan kes petisyen pilihan raya mestilah boleh dirayu kepada satu mahkamah yang lebih tinggi.

Terima kasih, kerana masa tidak cukup.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong.

3.52 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 1, B. 2 dan B. 4.

Dalam perkara B. 1, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Parlimen kerana mengubahsuai dan memperbaharui kerusi-kerusi di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi mungkin ada juga perkara-perkara yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa. Umpamanya, kalau satu baris di sini 10 orang, kalau kita sudah penuh, hendak keluar pun susah. Jadi, mungkin perkara ini boleh diatasi. It is not urgent, dengan izin, bukannya mendesak tetapi boleh difikirkan kalau kita hendak memperbaiki kerusi ini di masa akan datang.

Yang keduanya, apabila Parlimen sekarang ini menjadi satu Perkhidmatan Terbuka, saya dengar cerita-cerita, tak tahu sama ada benar atau tidak, kononnya ada cerita-cerita kakitangan-kakitangan yang hendak bersara awal daripada Parlimen oleh kerana mungkin mereka agak sesuai dengan Open Service yang diperkenalkan di Dewan Rakyat ataupun di Parlimen, adakah perkara ini benar?

Seterusnya Maksud B. 4 iaitu Suruhanjaya Pilihanraya. Saya tidak mahu bersuara sebagaimana sahabat saya dari Machang; daripada hari pertama hingga sekarang masih lagi bercakap fasal ballot, undi pos. Cuma saya mahu merayu kepada Suruhanjaya Pilihanraya janganlah menggunakan ballot papers yang berkaitan warnanya dengan parti-parti yang bertanding. Dalam pilihan raya baru-baru ini kertas untuk calon Parlimen adalah kuning dan kuning ini diasosiasikan dengan sahabat saya dari Kota Bharu, hari ini pun tak putus-putus dia pakai tudung kuning (*Ketawa*) You see! Jadi, emak saya sendiri pun tak mengundi anak dia bertanding. Apabila saya tanya emak undi apa? Dia kata, yang kuning emak tak undi. Kenapa? Itu Semangat 46. Jadi, mintalah kalau hendak maintain neutrality all along, dengan izin, sepanjang-panjang neutral, cari colour yang tidak terbabit. Kalau hijau nanti orang kata pula daripada Rantau Panjang. Kalau merah pula nanti orang kata dari Jelutong. Cari warna, creat, gunalah berapa percent of cyan, you know colour mixture ini. Kalau hendak betul-betul, guna biru (*Disorak*) oleh kerana itu lambang parti pemerintah, tetapi baru-baru ini dia guna kuning. Undi rosak saya dekat-dekat 3,000. Apabila saya susur apa sebab, dia kata orang tua-tua ini, kita punya penyokong kuat ini, dia kata kuning ini pembangkang. Kita sudah katakan ada dua kertas undi; satu kuning dan satu putih. Siapa yang masuk mengundi pertama itu keluar, dia kata, yang Parlimen ini kuning. Dia tengok warna, dia tak tengok lambang. Saya minta Suruhanjaya Pilihanraya supaya perkara ini diperbetulkan.

Yang keduanya mengenai tong ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri hampir keliru nak masukkan ballot; ballot mana nak masuk tong mana? Sehingga warta berita pukul 1.00 tengah hari berkelam-kabut Suruhanjaya

Pilihanraya membuat kenyataan menerusi warta berita. Kalau tidak, berapa puluh ribu kertas undi rosak oleh kerana tersalah masuk tong. Ini perkara detail, orang kata 'minor detail' tetapi kalau detail-detail yang kecil ini diketepikan akan rosak semualah.

Yang ketiganya, di dalam pengendalian pilihan raya apabila timbul satu soal undang-undang, kepada siapakah Suruhanjaya Pilihanraya merujuk? Adakah kepada nasihat perundangan di dalam Suruhanjaya Pilihanraya sendiri atau merujuk kepada peringkat perundangan yang lebih atas iaitu A-G's Chamber? Saya hendak bertanya hal ini oleh kerana apa yang berlaku kepada calon Bukit Bintang atau Ahli Parlimen Bukit Bintang? Undang-undang telah jelas mengatakan sesiapa yang telah pun didapati salah di mahkamah dikenakan denda sekian banyak tidak boleh bertanding pilihan raya. Tetapi di dalam hal ini, saya diberitahu, Suruhanjaya Pilihanraya overrule ataupun tidak mengambil pandangan, tidak mengambil nasihat daripada A-G's Chambers, malahan dia tidak mahu mengiktiraf . . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak ada masa. Pada tahun 1990 saya mengalami satu pengalaman peribadi. Calon yang menentang saya mendakwa dirinya sebagai pesara, tetapi kita dapat maklumat daripada jabatan kerajaan yang tempat dia pernah berkhidmat bahawa dia bukannya bersara, perkhidmatannya dibekukan sementara oleh kerana dia ada kes mahkamah. Kita mendapat maklumat-maklumat ini dan saya fail sewaktu waktu bantahan. Pukul 4.30 petang baru saya diisytiharkan sebagai calon oleh kerana permainan

bola sepak di antara returning officer, pegawai pilihan raya di Pejabat Daerah Batu Pahat dengan peringkat Johor, Johor-Kuala Lumpur, Kuala Lumpur balik ke Johor, decided that I must contest sedangkan it is proven orang itu orang yang bersalah, bukan orang yang bersara. Surat yang mengatakan dia bersara was fraud, surat yang palsu. Terbukti setelah lebih kurang 9 bulan sesudah pilihan raya 1990 iaitu pada tahun 1991, orang itu didapati salah oleh kerana menipu kerajaan, tetapi saya terpaksa menjadi mangsa dalam pilihan raya tahun 1990.

Bagaimanakah Suruhanjaya Pilihanraya, saya hendak tanya, di manakah sumber nasihat undang-undang ini? Adakah dia merujuk kepada penasihat undang-undang di dalam Suruhanjaya Pilihanraya sendiri ataupun nasihat itu juga diajarkan atau 'being align' dengan nasihat daripada A-G's Chambers? Saya hendak tahu ini oleh kerana perkara-perkara ini tidak wajar timbul.

Sistem pilihan raya di Malaysia walau apa pun yang diperkatakan oleh pihak pembangkang, satu-satunya yang terbaik. Saya mengatakan begitu kerana saya bersama dengan Tuan Yang di-Pertua pernah dikirim sebagai International Observer apabila Uzbekistan mengadakan pilihan raya yang pertama. Kita pun naik hairan, hari buang undi kita tengok adakah ini hari buang undi atau ini hari pesta? Tuan Yang di-Pertua sendiri boleh beritahu macam mana dia buang undi, macam mana dia berkempen? Buka tong undi, tak ada calon nak observe langsung, dia punya ballot paper macam surat panggilan mesyuarat agung cawangan UMNO punya panjang.

Jadi, bila malam waktu dinner, kita menjelaskan kepada pegawai-pegawai dan menteri yang in-attendance bagaimana sistem pilihan raya di Malaysia di-

kendalikan, dia kata, we will make Malaysia our model, memang betul. Selepas itu dia datang ke Malaysia, dia mencontohi sistem pilihan raya di Malaysia sebagai model election di Uzbekistan. Tetapi walau bagaimanapun baik, saya harap kerajaan akan mengambil satu usaha untuk mengkaji Suruhanjaya Pilihanraya secukup-cukupnya, secara komprehensif, cari di mana kesilapannya. Kalau pihak pembangkang pun kompelin, pihak kerajaan pun kompelin, mesti ada silap. The system may be perfect before, dengan izin. Sistem itu mungkin relevan kepada zaman dahulu, tetapi mungkin sistem itu sudah tidak selaras dengan zaman hari ini. Jadi, harap diadakan satu kajian yang komprehensif terhadap seluruh prosedur (procedure), sistem, cara-cara, directive, guideline yang melibatkan Suruhanjaya Pilihanraya, no body in this world yang suka menerima unfair election — memang tidak ada unfair election, tetapi problem atau masalah-masalah administrative yang timbul sewaktu pilihan raya selalunya digendangkan selepas pilihan raya. Tuan Pengerusi, pandangan ini bukan satu pandangan yang negatif, apabila saya relatekan personal experience saya. Saya tidak tahu sama ada betul atau salah, tetapi it was proven as I said. Saya mempunyai bukti-bukti, tetapi saya masih lagi dikehendaki untuk ditandingi pada tahun 1990. Saya tidak tahu (I don't know) masalah terperinci dengan Bukit Bintang, tetapi saya tahu bahawa pegawai pilihan raya yang mengendalikan Parlimen Bukit Bintang di mana dia tafsirannya terhadap undang-undang? Ini adalah perkara-perkara yang tertulis . . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak payahlah, you explain yourself afterwards!

**Tuan Wee Choo Keong:** Takutkah?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak takut, tidak ada masa — saya tidak takut. I come here very legal, dengan izin — very legal, I don't cheat!

Tuan Pengerusi, saya minta Suruhanjaya Pilihanraya ambillah pandangan kami ini dengan dada yang terbuka, because the very existence of Suruhanjaya Pilihanraya to facilitate election. Kita tidak mahu timbul masalah-masalah kecil, masalah-masalah yang boleh dijadikan 'political bomb-shell' kepada kerajaan, yang boleh dikatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya, what is the very favourite word, dengan izin 'tidak bebas'. Jadi, tolong jalankanlah dan saya harap perkara-perkara ini boleh diatasi. Walau macam mana pun tidak terlewatalah untuk saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang mengendalikan, walaupun dengan masalah-masalah.

Saya tahu masalah manusia hendak memilih pegawai pilihan raya, kita hendak kaji sampai dia punya political inclination — memang susah....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah cukup Yang Berhormat!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jadi, Tuan Pengerusi saya mendesak perkara ini diberi perhatian secara serius dan saya minta perkara ini diberi tindakan secara segera. Terima kasih. *(Tepuk)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, di sebelah sini, sila. Kawasan mana Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said:** Kuala Nerus.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kuala Nerus.

4.05 *ptg.*

**Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said (Kuala Nerus):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Maksud B. 4 dan B. 7. Buat permulaannya Maksud B. 7 — Jabatan Perdana Menteri. Saya faham bahawa peruntukan yang sebegitu banyak telah digunakan untuk Jabatan Perdana Menteri.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa)*

Saya ingin fokuskan tentang perkara keselamatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih-lebih lagi di waktu pilihan raya baru-baru ini.

Pada bulan April, 1995 iaitu di waktu kempen pilihan raya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merasmikan tapak perumahan kos rendah di Bukit Tunggul, Kuala Nerus, Terengganu yang secara kebetulan di dalam Parlimen saya. Semasa berucap merasmikan projek perumahan tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi telah diganggu dengan cara yang begitu canggih sekali dan di dalam Dewan yang mulia ini, saya merasa dukacita kerana perkara ini telah tidak diteliti dan telah tidak diberi keselamatan yang sewajarnya. Litar suara ucapan Yang Amat Berhormat telah diputuskan secara tiba-tiba dan satu suara ghaib yang lain telah kedengaran melalui speaker tambahan di pentas utama tempat Yang Amat Berhormat berucap. Malang sekali rakyat lebih kurang 10,000 orang, kita terpaksa mendengar kutukan yang tidak bermoral oleh penceramah PAS atau S46 yang kedengaran

dari atas pentas di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang kita kasihi. Dengan dukacitanya perkara ini telah terjadi tanpa kawalan dan seliaan rapi oleh baik Kementerian Penerangan ataupun di Jabatan Perdana Menteri, yang bertanggungjawab setidak-tidaknya memasang pembesar suara tersebut. Soalannya adalah, adakah tindakan yang telah diambil terhadap PAS atau S46 yang telah merancang kerja-kerja terkutuk ini? Kalaulah kita dimalukan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang berucap di hadapan ribuan rakyat siapa lagi yang kita hendak bergantung?

Yang kedua, ini adalah menjadi tanda tanya . . . . .

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada yang bangun, ya.

**Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said:** Minta maaf, saya ada masa sekejap sahaja — minta maaf ya! Betul atau tidak seorang kakitangan Jabatan Penerangan yang terlibat memasang pembesar suara, remote control di majlis tersebut.

Saya mengharapkan Jabatan Perdana Menteri mengarahkan Jabatan Penerangan supaya perkara ini diambil tindakan segera. Kalaulah ya, adakah tindakan memecat kakitangan tersebut telah dibuat memandangkan kes ini adalah kes yang melanggar kebebasan berucap, lebih-lebih lagi majlis tersebut adalah majlis rasmi yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang kita kasihi.

Marilah kita sama-sama menghormati di dalam majlis rasmi sebegini walaupun pada waktu itu adalah waktu kempen pilihan raya, tetapi di atas tiket

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya merasakan bahawa maruah perlu dijaga dan saya merasakan bahawa tindakan yang setimpal perlu dikenakan ke atas parti-parti pembangkang yang terlibat di dalam merancang perkara yang terkutuk itu.

Tuan Pengerusi, dalam perkara kedua mengenai Maksud B. 14 — Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.....

**Tuan Pengerusi:** Tidak sampai lagi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said:** Tidak sampai lagi — minta maaf. Saya harap Tuan Pengerusi boleh beri peluang kepada saya selepas ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Batang Lupar.

4.09 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.1, sebagaimana rakan saya daripada Parit Sulong mengucaplah tahniahlah kepada Parlimen kerana pembaharuan yang dibuat. Tetapi saya nampak, Tuan Pengerusi, pembesar suara ini lambat daripada yang lama, yang dahulu di tahun 1990 itu lebih cepat reaksinya (reaction). Jadi kenapa pula masalah teknikal ini berlaku? Itu soalan yang pertama, Tuan Pengerusi.

Soalan yang kedua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang tadi. Saya bukanlah hendak membela Suruhanjaya Pilihanraya kerana ini bukan soal dasar, tetapi oleh kerana dibangkit, saya hendak juga sebut sedikit.

Soal certificate of identity yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang, katanya certificate of identity

mengikut undang-undang yang disebut itu adalah mengatakan tidak lagi mengikut rahsia undi itu sendiri. Jadi, pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, certificate of identity itu hanya menetapkan orang yang tertentu umpamanya "Mat bin Din" yang menerima kertas undi bukan mengatakan Mat bin Din telah mengundi Ahli Yang Berhormat dari Machang. Sebenarnya kertas itu kosong bila certificate of identity itu dibuat dan diberi certificate mengatakan Mat bin Din itu menerima satu kertas undi, tetapi apa yang pengundi itu buat masih rahsia, Tuan Pengerusi. Jadi, dengan sendirinya certificate of identity ini tidak breach kerahsiaan pengundi ataupun undian yang dibuat oleh pengundi yang tersebut. Jadi, saya secara terus masih sampai sekarang membuat pendirian yang certificate of identity dan undang-undang telah digubal dan diterima oleh kita di sini adalah tidak menyalahi dari segi undang-undang yang sebagaimana Yang Berhormat dari Machang buat. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat dari Machang hendak tahu lebih panjang cerita ini lagi, suruh dia masuk polis ataupun askar, jadi pengundi pos sekali, baru dia tahu sama ada undi dia itu bebas ataupun undi dia itu rahsia ataupun tidak. Jadi, kalau dia tak hendak, jangan bercakap lagi.

Yang ketiga, Maksud B. 7, Tuan Pengerusi. Saya ini betul-betul dalam Komiti secara soalan; peruntukan yang dibuat pada tahun 1995 iaitu RM140 juta. Sebahagian daripada peruntukan itu sebanyak RM3.7 juta adalah kos pembayaran ganti rugi kerana kelambatan kontrak pelaksanaan projek restoran Melayu. Soalan saya, bagaimana ganti rugi ini berbangkit dan kenapa berbangkit? Itu, soalan yang khusus, satu dibangkit dalam Jawatankuasa, tetapi bukan untuk soalan dasar. Kalau tidak, tak habis perbincangan kita. Jadi, dengan soalan yang sedemikian, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

4.12 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):**

Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak menyentuh mengenai Maksud B. 1. Baru-baru ini saya pun sudah sentuh mengenai kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen di peringkat dasar. Hari ini saya hendak menekankan bahawa memandangkan apa aktiviti-aktiviti termasuk penonjolan Ahli-ahli Parlimen dalam TV, radio dan media cetak, saya nampak ada kebanyakannya tidak dapat menunaikan kewajipan-kewajipan yang kita tahu yang perlu ditunaikan selepas kita mengangkat sumpah.

Tuan Pengerusi pun pernah menyentuh hal seperti ini sebagai satu observer, orang yang berkecuali. Saya berharap semua Ahli Parlimen sama ada pembangkang ataupun Barisan Nasional kita perlulah mengamati: Apakah kewajipan-kewajipan yang diperlu ditunaikan memandangkan hari ini kita ada tambahan yang hampir RM2 juta untuk Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini? Salah satunya ialah untuk mengawal ketat ke atas penggubalan dan kelulusan Rang Undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini. Dan juga untuk mengawal ketat kepada wang rakyat, wang yang beratus juta, bilion ringgit yang dikutip daripada rakyat dan digunakan untuk pentadbiran dan projek-projek, termasuk perkhidmatan yang menguntungkan mengenai pembaziran dan pemborosan.

Walaupun dinafi disangkalkan oleh setengah orang, ia memang berlaku. Saya tunggu Yang Berhormat dari Sungai Siput untuk memberi penerangan di dalam Dewan yang mulia ini. Bukan pergi keluar Dewan ini untuk menonjolkan keperibadiannya mengenai projek

pengubahelokkan di Kementerian Kerja Raya. Projek-projek yang lain di kementerian-kementerian yang lain nampaknya ada lebih mewah daripada Kementerian Kerja Raya. Inilah kegiatan-kegiatan untuk menonjolkan ke atas aktiviti-aktiviti bukan kewajipan Ahli-ahli Parlimen. Itu bukan langkah yang betul, memandangkan kita dapat elaun daripada Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, mengenai usaha untuk memperbaiki parit dan longkang di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur yang hampir RM7 juta dibiayai untuk kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit dan longkang. Ada parit dan longkang yang dibersihkan dan ini memang usaha-usaha sudah dibuat. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Saya setuju kita memang memerlukan pembangunan. Pembangunan tidak boleh dielakkan.

Walaupun bagaimanapun, semasa Dewan Bandaraya meluluskan projek pembangunan dengan perintah pembangunan dan syarat-syarat yang termaktub dalam undang-undang kecilnya, Dewan Bandaraya mestilah memastikan pemaju-pemaju mematuhi kepada syarat-syarat yang ditetapkan semasa mengeluarkan perintah pembangunan. Ini kadangkala tidak dipatuhi, di banyak tempat sama ada di Cheras, di Bukit Bintang, di Kepong, di Sungai Besi, di Titiwangsa dan sebagainya, saya nampaknya kebanyakan projek-projek pembangunan tidak mematuhi syarat-syarat.

Masalah perparitan, longkang, masalah kesesakan lalu lintas dan sebagainya tidak diselesaikan terlebih dahulu. Kita mesti adakan jalan yang baik dahulu, kemudian kita bangunkan projek-projek. Kita mesti adakan sistem perparitan yang sempurna dahulu

sebelum kita adakan projek. Ini tidak dibuat, Tuan Pengerusi. Saya berharap pihak Dewan Bandaraya dapat mengeluarkan garis panduan yang lebih ketat lagi kepada semua pemaju di Bandar Raya ini.

Mengenai garis-garis panduan bagi peniaga-peniaga, ini juga perlu, kerana kita nampak bukan sahaja penjaja-penjaja, peniaga-peniaga kecil bahkan juga pedagang, peniaga besar dan sebagainya mestilah bertanggungjawab ke atas parit-parit, longkang-longkang, jalan-jalan di sekitar. Saya tujukan bukan sahaja peniaga, penjaja yang buang sampah, tetapi orang-orang lain juga termasuk orang yang terpelajar pun ada membuang sampah dengan mengikut kehendak sahaja. Walau bagaimanapun, kita mesti adakan garis-garis panduan yang spesifik untuk golongan yang tertentu termasuk peniaga-peniaga supaya mereka bertanggungjawab ke atas jalan dan longkang serta parit yang berhampiran.

Mengenai cukai yang hendak diadakan ke atas pemaju-pemaju, projek-projek raksasa, memang perlu di pertimbangkan kerana projek-projek ini seperti mana yang telah saya terangkan tadi, kebanyakan masanya tidak mematuhi syarat-syarat untuk mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur prasarana yang sempurna. Kerana tidak adanya infrastruktur yang sempurna, maka masalah pembangunan timbul termasuk banjir kilat. Dan pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) mestilah dengan cepat mengadakan skim yang berkesan untuk mengadakan cukai betterment tax supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga kerajaan tempatan yang lain boleh menggunakan cukai seperti ini untuk memperbaiki infrastruktur yang belum ataupun tidak diadakan oleh pihak pemaju projek-projek raksasa. Ini saya berharap pihak

Unit Perancang Ekonomi dapat mengadakan skim ini dengan cepat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kota Bharu.

4.22 ptg.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 1 — Parlimen, Butiran 020100.

Tuan Pengerusi, pembaharuan kepada Parlimen ini memanglah terpaksa dibuatkan sebab penambahan Ahli-ahli Parlimen khususnya Dewan Rakyat. Saya juga ingin mencadangkan supaya beberapa lagi pembaharuan dibuat kepada Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan perkhidmatan atau kemudahan penerangan untuk rakyat yang melawat Bangunan Parlimen. Saya dimaklum bahawa Kumpulan Ahli Parlimen Wanita Komanwel (CWPG) Cawangan Malaysia sedang berusaha membantu Parlimen memberi penerangan mengenai Parlimen kepada pelawat-pelawat Parlimen melalui tayangan video. Usaha ini harus ditokotambah dan jika perlu kita harus memohon peruntukan tambahan kepada Parlimen untuk memberi khidmat penerangan yang lebih cemerlang kepada rakyat.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga suka untuk mencadangkan peruntukan tambahan untuk mengukuhkan kedudukan Parlimen. Pada pandangan rakyat umum Parlimen adalah badan terpenting di dalam sistem pemerintahan ala-demokrasi. Parlimen adalah lambang atau simbol kuasa rakyat, setiap lima tahun sekali atau kurang lima tahun rakyat terlibat di dalam memilih wakil-wakil untuk menempatkan di dalam forum tertinggi rakyat dan juga badan yang

menggubal undang-undang bagi negara. Dalam sistem pemerintahan yang benar-benar mengamalkan demokrasi tulen, Parlimen sangat dihormati oleh semua pihak khususnya kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen sendiri akan sentiasa menjaga maruah dan keberkesanan Parlimen. Tetapi pada pendapat saya, Parlimen kita belum lagi benar-benar dihormati sedemikian rupa sama ada oleh kerajaan mahupun oleh pentadbiran mahupun oleh Ahli-ahli Parlimen sendiri.

Tuan Pengerusi, kita Ahli-ahli Parlimen harus bekerja keras untuk memastikan Parlimen kita akan berjaya mencerminkan keagungan kuasa rakyat. Kita harus berusaha menyedarkan dan mendorong kerajaan dan pentadbiran supaya lebih bertanggungjawab serta, dengan izin, accountable kepada Parlimen. Kita Ahli-ahli Parlimen harus berjaga-jaga bagi memastikan kuasa Parlimen tidak terus terhakis dan tidak terlalu dipengaruhi oleh kerajaan atau pentadbiran.

Tuan Pengerusi, oleh itu, saya suka mencadangkan supaya Parlimen diberi peruntukan tambahan untuk mengadakan sutau kajian bagi mengukuhkan lagi kedudukan Parlimen selaras dengan peranannya sebagai institusi terpenting rakyat iaitu institusi yang melambang kuasa rakyat mengatasi kuasa kerajaan dan pentadbiran.

Dalam kajian itu, penekanan harus diberikan kepada kemudahan bagi rakyat mengadili prestasi semua Ahli Parlimen, khususnya Ahli Dewan Rakyat yang mereka pilih. Umpamanya, kajian haruslah dibuat di atas kesesuaian liputan meluas dibuat oleh TV, radio dan akhbar termasuk siaran langsung perbahasan di Dewan Rakyat. Kajian itu juga harus memberi perhatian kepada kemungkinan diluaskan tanggungjawab jawatankuasa-jawatankuasa khas dan menambah kuasa

kepada jawatankuasa-jawatankuasa khas bagi memastikan skop dan keputusan-keputusannya lebih efektif. Dan kajian juga harus dibuat terhadap penubuhan satu lagi jawatankuasa khas iaitu jawatankuasa etika pemerintah yang harus dianggotai oleh wakil-wakil parti pemerintah dan wakil-wakil parti pembangkang, bukan satu wakil sahaja tetapi wakil-wakil parti pembangkang dan bertugas untuk mengatasi rasuah dan penyelewengan di negara ini.

Kajian itu juga harus memberi perhatian kepada mengukuhkan Dewan Negara. Selaras dengan pemerintahan demokrasi rakyat harus diizinkan memilih Ahli-ahli Dewan Negara khususnya mereka yang mewakili negeri-negeri. Bagi Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat kerajaan, saya syorkan supaya jumlah lantikan dikurangkan kepada separuh iaitu bilangan mereka yang dipilih oleh rakyat. Selanjutnya orang-orang yang dilantik hendaklah benar-benar tokoh-tokoh terkemuka di dalam bidang-bidang tertentu yang penting kepada negara dan sebahagiannya haruslah terdiri dari mereka yang mampu mewakili suara serta kepentingan pelbagai kaum khususnya kaum-kaum Orang Asli dan peribumi.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk bertanya kerajaan mengenai komposisi terkini Dewan Negara. Siapakah, berapakah dan dari kaum manakah yang dilantik untuk mewakili kaum-kaum Orang Asli. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Lanang.

4.28 ptg.

**Tuan Tiong Thai King (Lanang):** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Akta Perbekalan Tambahan 1995.

Tuan Pengerusi, saya memang menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini kerana dalam keadaan pembangunan yang pesat begitu, perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan tertentu pasti akan melebihi perbelanjaan yang telah dibenarkan. Walaupun peruntukan belanja dibuat secepat mungkin, jadi permintaan kerajaan ini dapat difahami. Tetapi satu hal yang ingin saya timbulkan di sini iaitu saya meminta Menteri-menteri berkenaan dengan pertolongan pegawai-pegawai kanan atau ketua-ketua negara supaya dapat memberi penyeliaan yang ketat terhadap pelaksanaan projek-projek atau penyediaan perkhidmatan terutama perbelanjaannya. Kita harus berjimat cermat, jangan membazirkan masa dan wang pembayar cukai.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat berucap di bawah Kepala apa itu? Yang Berhormat berucap di bawah Kepala B. 1, B. 4, B. 7 atau P. 7?

**Tuan Tiong Thai King:** P. 34.

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh Yang Berhormat, apa yang kita bincangkan sekarang ialah B. 1, B. 4, B. 7 dan P. 7.

**Tuan Tiong Thai King:** P. 34 belum lagi?

**Tuan Pengerusi:** Sekarang di peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat, iaitu kita berucap di atas tajuk-tajuk yang dikemukakan oleh Pengerusi tadi. Tadi Pengerusi mengemukakan B. 1, B. 4, B. 7 dan P. 7, yang lain tidak boleh berucaplah atau keseluruhannya.

**Tuan Tiong Thai King:** Okay.

**Tuan Pengerusi:** Jelutong.

4.30 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Maksud B. 4, Tuan Pengerusi, dalam pilihanraya umum baru-baru ini, ada beberapa kelemahan. Peranan BPR menjalankan urusan pilihanraya umum ini, pada fikiran saya tidak dijalankan dengan profesional. Kami dalam DAP bukannya satu 'waiting boy' untuk menjustifikasi kekalahan besar dalam pilihanraya umum. Walaupun di Pulau Pinang kami telah menawarkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagai 'chief minister with power', rakyat tidak terima kami dan kami terima keputusan itu. Tetapi hari ini di Pulau Pinang tidak ada 'power'. (*Ketawa*) Ini bermakna jikalau rakyat di Pulau Pinang memilih seorang Ketua Menteri "with power" hari ini tentu ada lebih 'power' di Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, bagi saya peranan SPR, khasnya selepas keputusan-keputusan dalam pilihanraya umum diumumkan — keputusan itu adalah muktamad 'final', hanya melalui satu election petition, keputusan itu boleh dicabar dalam Mahkamah Tinggi oleh satu Election Judge. Tetapi saya tidak faham, tidak masuk akal, dari mana dan logiknya apabila SPR, selepas 25hb April memberes — 'tally' semula keputusan-keputusan bagi beberapa kerusi Parlimen dan State dalam negara kita. Kerusi Melaka, Permatang Pauh, ada lebihan majoriti dan baru-baru ini ada kerusi-kerusi lain, 63 jikalau saya tidak silap, di mana keputusannya adalah berbeza dengan keputusan yang ada diumumkan pada 25hb April.

Undang-undang, dengan terus terang — selepas suatu keputusan diumumkan dan selepas seorang calon diisytiharkan sebagai pemenang dalam satu pilihan raya, apa yang harus dibuat adalah

'gezetkan' keputusan itu dalam Gazette. Tidak ada peranan lain yang boleh dimainkan oleh SPR dan saya harap dalam pilihanraya umum atau pilihanraya kecil akan datang SPR menjalankan kuasa yang ada dalam tangannya dan kuasa yang penting dengan profesional.

Tuan Pengerusi, begitu juga bagi peranan Peguam Negara, dalam kes Bukit Bintang . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat saya rasa kalau sekiranya berucap di atas perkara-perkara yang di dalam mahkamah di mana sekarang perkara Ahli Parlimen Bukit Bintang setahu saya adalah merit . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan merit. Bukan merit election petition itu tetapi peranan Peguam Negara apabila diumumkan bahawa beliau tidak mahu mempertahankan tindakan yang diambil oleh 'returning officer' pada hari apabila kertas penamaan calon diterima olehnya. Itu sahaja, bukan merit of the petition.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Seksyen 7, Election Commission Act, 1957, dengan izin, saya baca isi kandungannya:

"every member, officer and servant of the Election Commission shall be deemed to be a public servant within the meaning of the Penal Code",

dan seorang 'returning officer' adalah is servant of the election commission apabila menjalankan tugasnya sebagai 'returning officer'.

Dalam undang-undang apabila seorang 'public servant' ada menjalankan kuasa dan dalam menjalankan kuasa itu ada apa-apa kesilapan dari segi

undang-undang, badan yang mempertahankan tindakan beliau dalam mahkamah adalah Peguam Negara. Attorney General Chambers are responsible bagi satu kesilapan yang ada dilakukan oleh seorang kakitangan awam. Saya tidak faham apabila dalam kes Ahli Bukit Bintang, Peguam Negara mengumumkan beliau tidak mahu campur tangan dalam mempertahankan 'returning officer' ini dalam election petition yang akan dibicarakan dalam mahkamah tidak berapa lama lagi.

Dan atas tajuk itu, saya merujuk kepada Seksyen 33, The Election Offences Act, 1954 yang berbunyi "every election petition shall be tried by the Chief Justice or by a judge of any High Court nominated by the Chief Justice for that purpose".

Tuan Pengerusi, satu keputusan dalam pilihan raya adalah satu keputusan oleh rakyat, satu keputusan yang penting, satu keputusan yang harus dihormati. Bolehkah di dalam tangan seseorang Hakim Mahkamah Tinggi, bolehkah keputusannya mencukupi untuk mengenyepikan apabila sesuatu election petition ada berjaya, keputusan yang telah diberi oleh beribu-ribu rakyat. Dengan ini, peruntukan di dalam undang-undang kita yang wujud sekarang saya ingat harus dipinda — apa yang dicadangkan oleh rakan saya dari Machang tadi. Barangkali apa yang wujud di India — pindaan seperti itu iaitu apa yang ada di sana, harus dimasukkan di dalam undang-undang yang ada di sini sekarang. Begitu juga . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu dasar. Hendak pinda undang-undang adalah dasar. Bercakap mengenai butir-butir mengikut Peraturan Mesyuarat 67 (9).

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, ini adalah mengenai pilihan raya!

**Tuan Pengerusi:** Ya, tetapi itu dasar, Yang Berhormat. Kita di dalam Jawatankuasa.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baiklah, Tuan Pengerusi, saya pun sudah habis.

**Tuan Pengerusi:** Kubang Kerian.

4.38 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian):** Tuan Pengerusi, B. 1 Parlimen yang telah meluluskan RM1.9 juta untuk membaiki bangunan di dalam Parlimen ini memanglah saya bersetuju, bahawa sistem suara sekarang ini kurang baik, sama ada di sini — dalam Parlimen, ataupun apabila kita berada dalam bilik ketika berehat sebentar — kita hendak mendengar perbahasan dalam Parlimen sekarang ini, suara dalam bilik tidak boleh di dengar dengan begitu jelas. Keadaan di Parlimen ini diperbaiki untuk kemudahan Ahli-ahli Parlimen, kita setuju. Dan pada masa yang sama pihak Parlimen juga kena perhati tentang pegawai-pegawai di Parlimen ini yang rata-rata mereka sedang bersungut soal kekecewaan mereka. Tahun lepas lebih kurang dekat 10 orang berhenti sebelum cukup umur dan tahun ini banyak lagi yang akan berhenti.

Perkara ini hendaklah diambil perhatian dengan serius sebab kita bimbang, kita akan hilang tenaga-tenaga mahir yang berkhidmat di Parlimen ini begitu lama dan sekarang timbul kekecewaan yang mendadak kepada mereka selepas berlaku perubahan di mana JPA juga datang untuk mentadbir Parlimen ini, timbul kekecewaan orang-orang lama di Parlimen ini, yang tahun depan kita dengar ramai yang akan bersara sebelum cukup umur.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, Maksud B. 7 Jabatan Perdana Menteri yang diluluskan RM20 juta untuk membiayai kelas Al-Quran dan fardu ain di seluruh negara. Timbalan Perdana Menteri ketika menggulung perbahasan di dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun lepas telah mengumumkan bahawa guru-guru KAFA di seluruh Malaysia akan diberi bonus seperti juga pegawai-pegawai kerajaan lain yang dapat. Tetapi laporan yang kita terima, guru-guru KAFA telah menelefon saya dan menghantar surat kepada saya memberitahu mereka belum lagi mendapat bonus walaupun selepas pilihan raya. Kita harap pihak kerajaan mempercepatkan kerana peruntukan RM20 juta ini telah pun ada dan peruntukan bonus itu bila Menteri Kewangan umum dalam Perhimpunan Agung UMNO sudah tentu ada peruntukan dan ada wang. Tetapi sampai sekarang, kenapa tidak dibayar lagi?

Maksud B. 7, perkara kedua iaitu RM5 juta untuk membaiki projek-projek kecil bagi infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial. Selama ini Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional dapat peruntukan untuk projek-projek kecil di kawasan mereka. Keputusan pilihan raya tahun 1995, Barisan Nasional menang besar; 5/6 kedudukan mereka di Parlimen sekarang. Oleh itu, pihak kerajaan iaitu Jabatan Perdana Menteri, apalah salahnya dalam keadaan kemenangan besar itu, berilah juga peruntukan kepada kami daripada parti Pembangkang untuk projek-projek kecil. Sampai bila hendak diskriminasi perkara ini? Menang, sudah menang besar — 5/6. Jadi, kami tidak dapat peruntukan itu. Maka, peruntukan projek-projek kecil itu, pihak Barisan Nasional boleh mengadakannya dan pihak kami tidak ada dan kita harap pihak kerajaan kali ini sudah menang besar, tolong, berilah

kepada pihak Pembangkang. Lagipun bukan duit Ahli-ahli Parlimen, itu duit kerajaan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tak usahlah, 10 minit sahaja, Yan. (*Ketawa*) Sesak sangat. Bukan saya tidak beri, sudah sembang di luar. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, seterusnya perkara yang ketiga dalam butiran itu lebih daripada hampir RM7 juta diperuntukkan untuk memperbaiki longkang di sekitar bandar raya. Sudah tentulah membaiki longkang dan sebagainya ini untuk mengelak banjir kilat tetapi apa yang kita nampak sekarang ini, banjir kilat masih lagi menjadi-jadi dan keadaan kesesakan di bandar raya cukup teruk. Bila hujan sedikit sahaja, kita hendak keluar rumah pun malas tetapi bila kita ada mesyuarat dan sebagainya, kita terpaksa keluar. Apakah pihak Jabatan Perdana Menteri tidak buat kajian menyeluruh untuk menyelesaikan masalah longkang tersumbat ini ataupun banjir kilat? Memangnya kita agak tidak boleh menyelesaikan secara 100% tetapi kita nampak berkali-kali kita bercakap di Parlimen masalah ini, keadaannya masih juga tidak selesai. Kadang-kadang hujan 15 minit saliran sudah tersumbat. Jadi, kita tidak faham, longkang itu kadang-kadang diperuntukkan banyak tetapi kenapakah tidak selesai masalah longkang tersumbat di Kuala Lumpur, khususnya di bandar raya ini?

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh masalah Maksud P. 7 iaitu peruntukan sebanyak RM335 juta dikehendaki untuk membiayai bayaran pampasan pengambilan balik tanah bagi tapak projek pusat pentadbiran Prang Besar iaitu projek ini sebahagian besar

dari ibu pejabat ataupun pentadbiran Kerajaan Pusat akan dipindahkan ke Prang Besar. RM335 juta ini digunakan untuk membayar pampasan tanah. Kita harap pampasan tanah itu dibayar mengikut harga semasa. Kita tidak mahu seperti yang berlaku di Melaka misalnya sebelum pilihan raya pihak Ketua Menteri berjanji untuk membayar mengikut keputusan Mahkamah Tinggi Melaka yang memutuskan untuk membayar pampasan tanah kepada penduduk Pantai Kundur dan Tanah Merah tetapi selepas pilihan raya, mereka buat rayuan di Mahkamah Agung untuk menolok keputusan Mahkamah Tinggi sedangkan rakyat di situ telah memberi kepercayaan kepada mereka dan mereka telah berangan untuk dapat seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Melaka.

Prang Besar ini sudah tentu akan menjadi pusat pentadbiran dan bila wujud pusat pentadbiran di situ, akan berlakulah perumahan di sekeliling itu. Kita harap bandar Prang Besar ini akan menjadi seperti bandar Shah Alam. Saya utarakan pandangan ini kerana bandar-bandar hendaklah melambangkan Malaysia. Sekarang ini, bandar tidak melambangkan taburan kaum. Bandar yang majoriti ataupun bumiputera yang agak lebih sedikit sekarang ini hanya tinggal Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Shah Alam. Lain-lain bandar boleh dikatakan bukan Melayu yang menjadi majoriti dan saya harap pembangunan Prang Besar ini hendaklah dirancang supaya ia menjadi seperti Shah Alam, melambangkan komposisi kaum dan projek-projek perumahan yang dibuat di sekelilingnya nanti tidaklah begitu mahal bertaraf kondominium di mana bumiputera tidak mampu untuk membeli rumah-rumah seperti itu, maka bandar Prang Besar nanti tidak melambangkan Malaysia. Dan sekarang ini, bandar saya kata tadi yang agak

ramai bumiputera hanya tinggal 3 itu sahaja iaitu Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Shah Alam dan Prang Besar ini satu lagi, insya-Allah, kalau dirancang dengan baik.

Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yan.

*4.46 ptg.*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan):** Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kerana Yang Berhormat Tuan Pengerusi terus menjadi Speaker di Parlimen ini.

**Tuan Pengerusi:** Sudah lambat ini.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak, saya hendak bercakap fasal Parlimen, Tuan Pengerusi. Jadi, Tuan Pengerusi, bangunan Parlimen ini adalah tempat bukan sahaja Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mewakili rakyat bersidang tetapi juga kita menerima berbagai-bagai pelawat di sini, pembesar-pembesar negara asing datang ke sini. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya bangunan Parlimen ini diberi peruntukan sewajarnya supaya ia menunjukkan kemegahan, keindahan alam Malaysia ini di sini.

Saya tengok, Tuan Pengerusi, di tempat indoor garden kita ini, cermin-cermin sudah naik lumut. Kemudian burung pun sakit. Burung pun tidak upaya kerana kawasan penerbangannya

itu terhad, jadi burung-burung pun sakit. Jadi, kita perlukan kalau hendak buat tempat untuk kita pelihara binatang-binatang ataupun haiwan-haiwan ini, kita buat satu kawasan khas supaya ia dapat menenangkan fikiran Ahli-ahli Wakil Rakyat ini kerana Tuan Pengerusi, kadang-kadang bila kita tengok burung, menyenangkan fikiran kita. Kita tengok dia terbang ke hulu, ke hilir dengan warna-warninya. Jadi, mungkin setengah orang ingat burung ini benda yang main-main. Tetapi, Tuan Pengerusi, memang kalau kaki burung ini, dia biasa tinggal rumah. Nasi pun tidak makan sehari. Dia syok tengok bunyi burung. Jadi, yang ini kita kena bagi elok.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya tengok tandas-tandas kita di bilik air ini pun problem juga. Kadang-kadang, minta maaf cakap, Tuan Pengerusi, kita kena pelari benda kita pi tang lain'. Dia tidak ada tempat sendiri di situ. Jadi, kalau bolehlah, kita minta peruntukan diberi supaya ia lebih selesa dan lebih indah. Kemudian, kantin kita ini di-perelokkan. Kadang-kadang kerusi pun tidak cukup dan sebagainya. Jadi, kerana saya kata tadi, bangunan Parlimen ini melambangkan demokrasi Malaysia. Kemudian orang-orang luar negeri mai tengok. Jadi, biar dia nampak elok, canggih dan sebagainya. Melambangkan kemegahan kita Malaysia ini. Kemudian di depan-depan itu, Tuan Pengerusi, kita kena beri elok pokok-pokok bunga, landscaping kena beri elok supaya yang ini pun kehendak Perdana Menteri kita. Dia mahu negara ini satu hari nanti jadi Kuala Lumpur di dalam taman dan termasuklah bangunan Parlimen ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Banyak sudah kawan-kawan bercakap tetapi saya hendak kena bercakap. Kalau saya tidak bercakap, tidak kena. Fasal, Tuan Pengerusi, baru ini pilihan raya kecil

dalam kawasan saya sendiri, 200 lebih nama yang dok mengundi dalam kawasan saya itu daripada Tok Wan dia lagi sampai ke cucu tahu-tahu nama hilang. Ada yang tukar pi sampai ke Perak, ada yang tukar pi sampai ke Selangor. Jadi, dia hendak mai hari itu mana nak dan. Daripada Yan hendak mai ke Selangor, tak dan. Rugi satu undi. Masalah dia, dia kata, "Saya rakyat Malaysia, saya berhak mengundi". Jadi, hari itu dia tidak boleh mengundi. Yang itu satu.

Yang kedua, berkenaan dengan nama-nama yang kita daftar baru pun, hilang juga. Jadi, ini menimbulkan masalah. Nama-nama yang depa daftar baru — dan setengah itu, ada depa ambil adalah pegawai-pegawai yang sokong PAS ini, dalam kawasan saya banyak orang PAS. Depa lari, benda-benda itu. Depa lari, selepas kita isi, kemudian dia tak hantar ke Pejabat Daerah dan benda ini tak sampai.

Satu lagi, suka pindah orang, Tuan Pengerusi. Dia pindahkan pengundi-pengundi. Jadi, yang ini saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya ke hadapan ini, setiap borang pindah kawasan mesti dikepilkan dengan salinan kad pengenalan bersama dengan borang pindah kawasan — mesti hadir sendiri. Kalau tidak, banyak orang PAS dia buat kerja itu! Dia pindah daripada kawasan saya fasal depa hendak tawan kawasan saya. Depa kerja macam itulah ni. Dia pindah daripada kawasan ini, keluar ke kawasan lain. Kawan itu mai nak mengundi, nama tak ada — dia tak boleh mengundi! Jadi, yang ini, saya kira Suruhanjaya kena ambil tindakan.

Saya pujilah Suruhanjaya Pilihanraya kerana dia buat kerja bagus! Tapi ada yang perlu kita perbetulkan. Saya juga berpandangan supaya pegawai-pegawai

Suruhanjaya ataupun pegawai-pegawai yang mengendalikan pilihan raya ini perlu diberi satu kursus — bukan yang *ad-hoc*. Ia kena dalam jangka masa panjang kerana kadang-kadang pegawai ini dia bukan mengerti — yang kita ambil bekerja sambil semasa pilihan raya ini. Dia tak mengerti. Bila mai, keadaan kelam kabut, dia sendiri pun pening kepala. Jadi, bila kita dok kira undi dalam kawasan itu, kadang-kadang dia tak boleh decide, dia tak boleh beri kata tentu. Jadi yang ini, saya mengharap, Suruhanjaya Pilihanraya ke hadapan ini, kita beri kursus kepada pegawai-pegawai ini supaya jangan ada lagi kesilapan-kesilapan pada hari pilihan raya kerana masa suntuk hari itu. Jadi, kadang-kadang kita tak dapat menyelesaikan masalah sedangkan undi itu begitu bererti dan bermakna bagi parti yang bertanding.

Tuan Pengerusi, JPA ini — saya berharaplah, kalau boleh JPA ini mengemaskinikan fungsi pentadbirannya itu. JPA ini — yalah, saya nak kena tegur jugalah, dia lembab sikit! Pegawai-pegawai, kadang-kadang hendak rekrut pun lambat; naik pangkat lambat! Tambah dengan SSB ni, kadang-kadang ada yang melintang; ada yang menegak; yang teruk tu, dia menjunam! Kadang-kadang dia . . . . . (*Disampuk*) aniaya! Jadi, kita kena beri elok, Tuan Pengerusi. Yang ini, JPA, saya mintalah, kalau tak cukup pegawai, rekrut pegawai. Kadang-kadang, badan-badan macam MARA, dia hendak ambil orang, dia kena rujuk ke JPA. Kemudian JPA pun, backlog di sana banyak! Tak boleh kita rekrut, kita tak boleh beri perkhidmatan kepada rakyat! Jadi, yang ini, saya harap JPA ini tolonglah kemaskinikan.

Di samping itu, saya mencadangkan pelajar-pelajar di bawah tajaan JPA ini mestilah diberi pinjaman pendahuluan supaya budak-budak ini sebelum dia

masuk universiti, dia ada duit hendak pergi. Kerana saya mengerti, dalam kawasan saya, kadang-kadang bapa itu pergi ke laut. Bila pergi ke laut, nak boleh, berapa duit gaji? Kena pula ribut kuat, tak ada hasil. Kemudian, bila dapat surat tawaran mengatakan Encik sekian, sekian ditawarkan masuk ke universiti, dia hendak masuk ke universiti macam mana? Hendak beli kasut; hendak beli baju, hendak beli ubat gigi dan sebagainya, tak cukup duit! Jadi, saya mencadangkan, JPA beri — macam MARA. MARA dia beri, tetapi kalau semua hendak longgok dekat MARA, teruklah MARA! JPA kena buat macam itu; PETRONAS kena buat macam itu; agensi-agensi kerajaan yang lain pun kena buat macam itu!

Kita sudah beri biasiswa ataupun pendidikan percuma daripada Tadika. Sampai dia hendak masuk universiti, dia hendak melangkah titi itu, dia tak sampai! Aniaya! Saya ada dua tiga kes dalam kawasan saya, anaknya tak masuk universiti, pergi bekerja. Fasal? Tak cukup duit hendak hantar pergi!

Kemudian saya harap JPA juga beritahu universiti-universiti ini, fasal apa hendak ambil cengkeram? Tak usahlah dok ambil cengkeram. Ini saya dengar Universiti Malaya ambil cengkeram RM200. Orang kawasan saya buat bendang, RM200 itu besar ertinya. Saya juga mencadangkan JPA dalam borang pinjaman biasiswa itu, jangan minta penjamin! Kalau kita minta penjamin, orang-orang miskin ini, siapa hendak berani jamin, Tuan Pengerusi? Tak ada siapa hendak jamin orang miskin — adik beradik dia pun kadang-kadang tak mahu mengaku kerana dia tu miskin! Tambah, hendak pergi jamin!

Jadi, kadang-kadang kerana tak ada penjamin, dia ini tak boleh masuk universiti! Saya mencadangkan penjamin itu emak bapak dia, sudahlah! Emak dan bapak dia — Wakil Rakyat boleh

mengesahkan menjadi saksi. Wakil Rakyat tak boleh menjadi penjamin! *(Ketawa)* Kerana jadi penjamin, habis duit pencen! *(Ketawa)* Habis duit pencen! Jadi, yang ini, saya men-cadangkan JPA mengkaji balik.

Kasihlah orang-orang miskin ini, Tuan Pengerusi. Ini rayuan orang miskin, Tuan Pengerusi, dia suruh saya pergi sampaikan.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat dah cukup.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh saya gulung, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Cukup dah? *(Ketawa)* Terima kasih. Saya cukup taat dekat Tuan Pengerusi. Terima kasih. *(Ketawa)*

**Tuan Pengerusi:** Bukit Bintang.

4.57 ptg.

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahas Maksud B. 1, B. 4 dan B. 7 dengan sekali gus.

Yang pertama saya ingin merujuk kepada Maksud B. 1 — Parlimen di mana tambahan sebanyak RM1.93 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja mengubahsuai tempat duduk Ahli Parlimen di Dewan Rakyat termasuk perbelanjaan bagi pemasangan sistem siaraya awam yang baru.

Tadi pun kita sudah dengar daripada beberapa orang Ahli Parlimen bahawa sistem siaraya awam ini amat teruk dan juga harga RM1.93 juta ini saya rasa amat tinggi. Untuk mengubahsuai kerusi sahaja, tambahan kerusi yang di hadapan

sana, saya rasa, harga RM1.93 juta ini amat tinggi. Dan pengubahsuaian ini juga tidak berapa sesuai saya rasa. Tengok, karpet di sini pun rosak tidak ditukar atau jenis apa di sini. Dan di sini juga *(Sambil menunjukkan sebatang kayu pemegang kerusi)* kayu ini boleh terkeluar. Pengubahsuaian apa? Di Parlimen, saya rasa, lebih banyak lagi di sini. Di sini sudah teruk kerana keadaan ini. Jadi, bolehkah Jabatan Perdana Menteri memberi kita satu pecahan anggaran perbelanjaan ini bahawa berapa wang yang digunakan dan dibelanjakan untuk kerusi dan juga berapa perbelanjaan ini untuk siaraya awam ini?

Ini sangat penting. Saya rasa RM1.93 juta ini amat tinggi seperti tandas di Kementerian Kerja Raya juga. Jadi, saya juga ingin tahu dan bertanya Jabatan Perdana Menteri bahawa sama ada kerja-kerja ini kontraktor dilantik melalui tender terbuka atau tidak. Kalau tidak, kenapa tidak? Siapakah kontraktor ini yang diberi untuk membuat kerusi dan juga karpet dan sebagainya? Saya harap Jabatan Perdana Menteri boleh memberikan pecahan anggaran perbelanjaan ini. Jangan sebentar lagi, buat tak tahu sahaja. Ini sangat penting!

Pengubahsuaian di dalam Parlimen ini, saya rasa di luar juga, keadaannya tidak begitu setaraf dengan kedudukan Dewan Rakyat sebagai tempat yang teragung, sebagai badan yang teragung di dalam negara kita. Seperti di tandas Parlimen — pukul 2.30 kita masuk tandas, ada lagi kertas untuk sapu tangan; pukul 3.20, sudah habis. Hampir 6.30 pun tak ada. Berapa kali kita sudah beritahu pegawai Parlimen, tetapi tidak ambil berat mengenai perkara ini! Tolonglah perkara ini — ada pekerja Parlimen, mereka boleh pergi check atau memeriksa tempat-tempat ini supaya bila ada orang awam datang ke Parlimen, dia kata "tandas Parlimen pun seperti tandas di Pudu Raya". Kadang-kadang air

melimpah di lantai di dalam tandas. Juga telefon di luar — tiga telefon sahaja untuk 180 orang Ahli Parlimen. Mana cukup? 192 orang Ahli Parlimen dan kita cuma ada 3 telefon di luar untuk Ahli Parlimen.

Selalu kita kena berbaris dan menanti. Kadang-kadang bila Ahli dari Rompin bercakap, kadang-kadang kena nanti 20 minit. Itu kita tak kompelin soal itu! (*Disampuk*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Wee Choo Keong:** Bukan kompelin, itu hak Yang Berhormat dari Rompin. Tak ada masa, sorry. Tak ada masa! Sebentar ya, ada hak. Tuan Pengerusi, satu lagi, kemudahan Ahli Parlimen juga, saya rasa, saya tahu bahawa di dalam Saraan Ahli Parlimen, Ahli Parlimen diberi satu kad kereta api khas untuk mengiring Ahli Parlimen dan sekarang ditarik balik, walaupun kemudahan ini ada di dalam Akta Parlimen. Siapakah ada kuasa hendak menghalang Akta Parlimen ini? Sama ada Treasury ada kuasa ataupun pegawai Parlimen yang menarik balik hak Ahli Parlimen ini? Saya harap juga Jabatan Perdana Menteri boleh beritahu di dalam Dewan Rakyat ini kenapakah hak Ahli Parlimen yang diberi kepada kita kad kereta api khas tiap-tiap seorang untuk mengiring seorang Ahli Parlimen ditarik balik dengan senyap-senyap dan ini sudah menghalang Akta Parlimen; dan apa tindakan Jabatan Perdana Menteri akan ambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat ataupun pegawai Parlimen yang terlibat dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada B. 7 di mana sebanyak RM6.96 juta telah dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit dan longkang di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Tadi

juga kita telah dengar di dalam Dewan yang mulia ini, ramai Ahli Parlimen yang datang dari luar Bandaraya Kuala Lumpur sebutkan di sini bahawa bila hujan 15 minit ada banjir kilat di Kuala Lumpur. Kita sudah bangkitkan di dalam Dewan ini, Ahli Parlimen dari Seputeh, Kepong, Cheras dan saya telah bangkitkan di dalam Dewan ini beberapa kali dan dalam penggal yang lalu, bahawa di Kuala Lumpur parit dan longkangnya selalu tersumbat dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak ambil tindakan. Walaupun kita menelefon Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberitahu mereka sekarang ini longkang di sini, parit di sini tersumbat. "Oh, ya. Ya!" Untuk rekod sahaja. Kadang-kadang seminggu, kena telefon dua tiga kali baru diambil tindakan. Ini Ahli Parlimen, kalau orang awam mereka lagi tidak peduli. Inilah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini juga menunjukkan bahawa pegawai ataupun pegawai tertinggi iaitu Datuk Bandar tidak ambil berat dalam perkara yang begini. Sebab itulah bila ada hujan lebat di Kuala Lumpur, jangan kata 15 minit, 10 minit pun sudah cukup — kita boleh nampak semua traffic jam di Kuala Lumpur. Bukannya di Bandaraya Kuala Lumpur sahaja, sampai ke Federal Highway traffic jam juga. Kenapakah perkara begini kita tidak boleh menyelesaikan? Sedangkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur boleh dikatakan tiap-tiap tahun menaikkan assessment. Rakyat jelata yang membayar assessment kepada mereka, buat apa wang ini? Untuk apa? Untuk pergi Casablanca. Untuk hantarkan pegawai pergi ke Jepun — main-main sahaja! Sedangkan di dalam bandar raya kita masalah sosial begini tidak boleh diselesaikan. Saya harap JPM mengambil berat di dalam perkara ini. Jangan kata, "Oh tidak apa. Perkara ini tidak penting". Ada LRT pun kita akan ada kesesakan lalu lintas lagi jikalau keadaan perparitan di dalam

Kuala Lumpur ini tidak diselesaikan dan juga di“upgrade”kan. Kalau wang RM6.96 juta ini, saya rasa tidak tahulah pergi ke mana. Oleh kerana keadaan ini masih berterusan di Kuala Lumpur. Seperti di Jalan Brunei, Kampung Brunei di Pudu, bila ada hujan lebat selama setengah jam, banjir sehingga sekaki atau dua kaki di kawasan itu. Saya harap Menteri berkenaan ambil berat. Di Jalan Sultan, di Jalan Petaling bila hujan lebat mesti sekaki airkah atau dua kaki air banjir.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Wee Choo Keong:** Saya akan gulung setengah minit lagi.

**Tuan Pengerusi:** Sudah cukup Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Wee Choo Keong:** Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi tidak faham undang-undang, tidak apalah kita beri dia chance. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta maaf saya terpaksa meminta kementerian menjawab oleh kerana kita sehari hari ini hanya hendak membahaskan perkara-perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kita ada 19 lagi kementerian-kementerian yang kena dihabiskan pada hari ini dan pada hari esok. Jadi jikalau sekiranya tidak sempat, kita tidak boleh hendak sambungkan pada hari Khamis. Jadi, dengan yang demikian terpaksa saya menggunakan kuasa yang ada pada saya iaitu menghentikan perbincangan di atas kementerian ini dan saya minta kementerian menjawab.

5.05 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian yang membincangkan di peringkat Jawatankuasa bagi peruntukan tambahan bagi Jabatan Perdana Menteri B. 1, B. 4 dan B. 7.

Kebanyakan ahli yang berucap ialah mengenai Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Sukalah saya mengumumkan bahawa kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji semula semua sistem, peraturan dan amalan-amalan di dalam Suruhanjaya Pilihanraya. Jadi, tadi juga kita dengar kritik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional. Ini bererti bahawa inilah keutuhan SPR kita ialah satu badan yang bebas sehingga kerajaan sendiri pun boleh dikritik.

Wakil dari Kubang Kerian mengkritik atau menimbulkan bahawa alat P.A. system atau siaraya kita ini kurang memuaskan, tidak dengar di bilik-bilik. Saya tidak tahulah dia dok buat apa di bilik mana yang dia tidak boleh dengar. Kerana saya duduk di atas, saya boleh dengar. Barangkali ia tertutup atau bagaimana.

Beliau membangkitkan tentang kelas Al-Quran. Sebenarnya wang yang diminta atau dibelanja RM20 juta itu ialah untuk memberi imbuhan yang lebih kerana kenaikan elaun mengikut jam daripada RM7 kepada RM12 bagi Semenanjung dan daripada RM7 kepada RM14 bagi Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan tentang pampasan tanah di Prang Besar di tempat pentadbiran baru bagi kerajaan. Maka itulah cita-cita kerajaan seperti mana yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa segala pampasan ialah dengan cara yang adil.

Wakil dari Yan membangkitkan tentang JPA. Sukalah saya mengatakan dan memberi jaminan bahawa perkhidmatan awam kita ialah antara yang tercepat di dalam dunia kerana sebab itulah pembangunan negara kita banyak terhutang budi kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam hingga seluruh dunia mengkagumi pencapaian ekonomi dan pencapaian sosial dalam negara kita.

Wakil dari Bukit Bintang menanyakan tentang peruntukan yang dibelanjakan untuk mengubahsuai bilik di Parlimen. Sukalah saya menyatakan bahawa peruntukan yang digunakan untuk siaraya ialah RM1.1 dan kerusi dan tempat duduk ini diubahsuai memakan belanja RM780,000. Segala urusan perbelanjaan dijalankan mengikut peraturan kewangan dan ini bolehlah disemak.

Perkara banjir kilat dan kesesakan dalam Kuala Lumpur, ini adalah perkara yang paling serius difikirkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa hinggalah kita mencadangkan LRT dan juga kepada perpindahan jabatan-jabatan kerajaan ke Putra Jaya. Ini juga soal kesesakan di Kuala Lumpur. Tentang banjir kilat dan sebagainya ialah kerana sistem kita di sini ialah sistem yang lama. Insya-Allah, kalau perbandaran yang baru tentu perkara-perkara ini dapat dielakkan.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja dan perkara-perkara lain yang disebut dan diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap akan diberi perhatian.

**Tuan Tan Kok Wai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Cheras bangun.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Silakan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan atas dua perkara. Yang pertama, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pada satu ketika pada awal tahun 1994 ada satu rancangan yang dinamakan Operasi Longkang Tersumbat yang dilancarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan dilaksanakan oleh majlis-majlis tempatan termasuklah DBKL. Di mana tujuannya ialah mengatasi longkang-longkang yang tersumbat sebab masalah sistem perparitan yang tidak berkesan yang menyebabkan banjir dan masalah pencemaran.

Saya masih ingat, pada ketika itu ada satu lawatan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Datuk Bandar Kuala Lumpur, lawatan ke pasar paling besar di Kuala Lumpur iaitu Pasar Pudu. Dulu dalam kawasan Bukit Bintang, sekarang dalam kawasan Cheras.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, hendak minta penjelasan apa?

**Tuan Tan Kok Wai:** Adakah Yang Berhormat sedar ada satu lawatan dan tujuan mengenai operasi itu ialah mengatasi masalah longkang tersumbat dan DBKL adalah diarahkan supaya mengemukakan laporan mengenai perkembangan longkang-longkang dan parit di Kuala Lumpur yang tersumbat itu setiap 3 bulan sekali?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, apa penjelasan yang hendak diminta itu?

**Tuan Tan Kok Wai:** Tetapi memandangkan masalah banjir kilat dan masalah longkang tersumbat ini masih

belum diatasi, apakah perkembangan kepada perkara ini? Adakah DBKL pernah mengemukakan laporan setiap 3 bulan sekali?

Perkara yang kedua yang saya ingin minta penjelasan ialah adakah Yang Berhormat Menteri sedar juga banyak longkang dan parit dirosakkan oleh projek-projek perumahan dan bangunan yang dilaksanakan oleh pihak swasta? Sungguhpun kerana kerja-kerja tanah dan kerja-kerja pembangunan yang tidak terkawal dan itu adalah satu tanggungjawab yang patut ditanggung oleh pemaju. Tetapi saya difahamkan banyak parit dan longkang dirosakkan oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab ini apabila kerja-kerja memperbaiki jalan, longkang dan parit diperlukan, perbelanjaan itu bukan ditanggung oleh pemaju tetapi ditanggung oleh pihak berkuasa dan wang ini adalah daripada pembayar cukai. Adakah ini suatu keadilan?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Pengerusi, perkara yang kedua itu tidak perlu jawab, dia hendak bersyarah sahaja. Perkara yang pertama tadi, saya akan semak dan sebenarnya masalah perparitan di Kuala Lumpur ini bukan parit itu sangat tetapi masalah manusia juga menyumbang tentang masalah pelarian air dan perparitan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,930,000 untuk Maksud B. 1; RM6,200,000 untuk Maksud B. 4 dan RM35,698,225 untuk Maksud B. 7 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah RM36,500,000 untuk Maksud B. 4 dan RM140,000,000 untuk Maksud B. 7 di

bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,930,000 untuk Maksud B. 1; RM6,200,000 untuk Maksud B. 4 dan RM35,698,225 untuk Maksud B. 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak RM36,500,000 untuk Maksud B. 4 dan RM140,000,000 untuk Maksud B. 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P. 7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1994 dan RM335,000,010 untuk Maksud P. 7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P. 7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994; dan RM335,000,010 untuk Maksud P. 7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1995.

*Maksud B. 14, B. 15 dan B. 16 (Jadual Pertama)*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 14, B. 15 dan B. 16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dibuka untuk dibahas. Ya, Seremban.

5.14 ptg.

**Dato' Hon Choon Kim (Seremban):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana membenarkan saya bahas tentang Maksud B. 14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk melaksanakan Pertandingan Landscape dan Pertandingan Kebersihan Saliran/Pengairan Bandar dan Bandar Raya seluruh Malaysia. Saya anggap peruntukan ini memang akan memberi banyak manfaat kepada rakyat kerana perparitan adalah merupakan punca masalah banjir yang sering berlaku. Dengan peruntukan ini, beberapa perparitan telah pun dibersihkan dan diperbaiki.

Apa yang saya ingin cadangkan kepada pihak kerajaan ialah supaya pihak kerajaan juga memberi peruntukan atau membenarkan bahawa pihak berkuasa tempatan juga boleh menggunakan peruntukan ini pada masa-masa akan datang supaya untuk menggantikan longkang-longkang, saiznya yang terlalu kecil. Ini kerana di beberapa bandar terdapat bahawa longkang-longkang dan perparitan yang sedia ada memang tidak cukup besar untuk menampung pertambahan pengaliran air.

Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya Kementerian juga memberi sebahagian peruntukan untuk membenarkan pihak berkuasa tempatan untuk menggunakan peruntukan itu untuk membesarkan atau menggantikan longkang-longkang yang tidak baik atau tidak cukup saiznya. Dengan cara ini saya rasa banjir-banjir kilat akan dapat dikurangkan.

Dalam hubungan ini, saya juga hendak sentuh sedikit tentang masalah yang dibawa oleh projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh pemaju. Saya dapati khususnya di kawasan saya, ada beberapa tempat biasanya tidak pernah banjir, dulunya memang tidak pernah banjir. Oleh kerana ada sesuatu projek pembangunan yang dilaksanakan, maka tempat yang tidak pernah banjir itu pun mengalami masalah banjir. Ini kerana apabila pemaju memulakan sesuatu projek, dia tidak menyiapkan satu sistem perparitan yang cukup, yang baik dan mereka telah menolak tanah dan juga mula untuk membina. Jadi inilah masalah yang timbul dan ini memang merupakan satu masalah yang rumit untuk wakil rakyat menyelesaikan.

Oleh kerana itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menentukan satu sistem atau memaksa bahawa pihak pemaju hendaklah menyiapkan satu perparitan yang cukup, suatu sistem perparitan yang baik sebelum mereka memulakan kerja menolak tanah dan sebagainya. Jadi, ini saya rasa akan membantu supaya masalah banjir kilat itu akan dikurangkan.

Apa yang kita lihat sekarang ini memang setengah pihak pemaju tidak mematuhi apa yang dikehendaki dalam syarat-syarat untuk mereka mulakan kerja. Saya juga mencadangkan supaya pihak berkuasa tempatan meningkatkan penguatkuasaan supaya pihak pemaju akan patuhi segala syarat-syarat yang ditentukan. Setengah pemaju dia memang tidak mengambil kira tentang masalah yang akan mereka bawa kepada penduduk-penduduk yang tinggal di sekelilingnya.

Saya beri satu contoh. Biasanya sebelum projek dimulakan, mereka terpaksa untuk menyiapkan satu silt trap, dengan izin. Akan tetapi mereka biasanya tidak jaga silt trap itu. Apabila hujan silt trap itu telah ditutup oleh lumpur, maka masalah banjir timbul. Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan Tempatan untuk menguatkuasakan, meningkatkan penguatkuasaan supaya setiap pemaju akan patuh. Kalau sekiranya pemaju tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, maka saya mencadangkan tindakan-tindakan patut diambil terhadap pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab.

Jadi, dengan cara ini, saya rasa masalah-masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan-kawasan pembangunan akan dapat kita elakkan. Oleh kerana itu, saya mencadangkan bahawa pihak kerajaan akan memberikan peruntukan khusus untuk menggantikan longkang-longkang yang lama, longkang-longkang saiznya yang tidak cukup dan juga pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan penguatkuasaan kepada pihak-pihak pemaju. Saya rasa, dengan cara-cara ini masalah banjir kilat akan dikurangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong.

5.20 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Maksud B. 14, saya berharap kementerian ini dapat menjawab sama ada dengan lebih RM1.5 juta ini keberkesanan pembersihan dan sebagainya dapat dicapai. Sama ada kempen pertandingan ini adalah hanya untuk publisiti dan kesan itu tak nampak. Saya setuju faktor-faktor yang terbabit dengan masalah longkang dan sebagainya adalah banyak termasuk kekurangan kesedaran sivik, walau bagaimanapun,

saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab keberkesanan kempen atau pertandingan tersebut.

Tuan Pengerusi, terdapat 7,002 orang anggota bomba dan 6,943 ahli bomba gotong-royong di seluruh Malaysia. Memang bilangan ini tidak mencukup untuk terutamanya ahli anggota bomba untuk menangani masalah kebakaran di Malaysia. Kebanyakan ahli ini adalah benar-benar bertungkus-lumus dan memberi perkhidmatan yang baik, tetapi ada kalanya segelintir yang difahamkan tidak begitu bertanggungjawab. Kadangkala saya pergi ke kawasan di mana berlakunya masalah bencana kebakaran, saya sering dengar ada segelintir anggota bomba yang ambil duit kopi RM200, RM300; ada duit baru ada air dan sebagainya. Saya berharap pihak kementerian dapat menyiasat setakat mana penyelewengan segelintir orang ini berlaku?

Pada hari Ahad lepas ada satu kebakaran di Jinjang Utara, saya pun ada dengar, tetapi dengar sahaja, tak ada bukti pun susah juga. Ini bukan kesalahan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga. Kalau tidak tampil ke hadapan sebagai saksi, macam mana kita boleh buat? Tetapi aduan saya terima pada hari Ahad yang lepas RM200 diambil. Walau bagaimanapun, saya diberitahu bahawa pihak kementerian mempunyai langkah-langkah yang tertentu, termasuk pemeriksaan anggota bomba yang disebutkan sebagai 'body search' selepas tamat tugas di tempat-tempat kejadian kebakaran. Siapakah yang buat body search ini? Itu penting juga. Kalau dia terima RM200 dan dia dengan cara yang tertentu dia boleh simpan di tempat-tempat yang tertentu dan siapa yang buat body search? Kerana saya diberitahu juga setiap anggota hanya diizinkan membawa wang tunai tidak lebih daripada RM10.

Memang saya tak tahulah cara yang berkesan yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah penyelewengan segelintir orang sahaja.

Memang kementerian ataupun pasukan bomba mempunyai jentera-jentera yang canggih juga, yang moden juga termasuk jentera-jentera bomba khas, turn-table ladder and hydraulic platform yang boleh sampai ke paras antara 11 hingga 13 tingkat dari luar, tetapi sekarang banyak bangunan mencakar langit, termasuk Post Office Tower atau Menara Pos. Kalau kita sampai setakat 13 tingkat sahaja, macam mana boleh kita buat kalau kebakaran itu berlaku pada tingkat 30? Sungguhpun pihak kementerian mengatakan kita menggunakan cara mencegah (preventive), dia mencegah dengan alat-alat yang moden seperti alat penyembur air automatik (sprinkler) dan lain-lain alat bagi kegunaan anggota melawan kebakaran seperti pancur basah dan lain-lain. Dan juga Undang-undang Kecil Bangunan Seragam mensyaratkan setiap bangunan dilengkapi dengan alat-alat seperti ini. Bolehkah Yang Berhormat cuba bayangkan? Saya pergi ke Bangunan Dewan Bandaraya pada pagi ini dan sering kali saya pergi untuk menguruskan masalah rakyat. . . . . (Disampuk) Tuan Pengerusi, macam mana suara sumbang?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya nak teruskan, tetapi suara sumbang yang banyak, macam mana? Susah sedikit nak teruskan, mengganggu trend fikiran saya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi, Yang Berhormat, tadi saya dengar ada suara dalang di belakang itu, Yang Berhormat mungkin terasa terganggu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak ada, tak dengar langsung! (Ketawa)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, di bangunan seperti Tingkat 19 di Dewan Bandaraya, di serambi, di koridor itu penuh dengan meja dan alat-alat yang lain — penuh! Kalau berlaku kebakaran, saya fikir macam mana kita selesaikan masalah ini? Di kebanyakan bangunan termasuk Bangunan Dewan Bandaraya, penyelenggaraan itu kurang sempurna bahkan kita boleh kata pihak yang tertentu tidak mengambil berat mengenai penyelenggaraan. Walaupun saya suka jugalah penyelenggaraan seperti di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan itu ada orang mengambil berat juga . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Banyak lagi!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Macam mana kerana penyelenggaraan bangunan tinggi tidak begitu sempurna dan kadangkala orang tak ingat boleh berlaku kebakaran dan di koridor-koridor, serambi-serambi kita sumbat dengan banyak bahan-bahan termasuk meja, macam mana kita dapat latihan yang disebutkan oleh pihak kementerian, seperti dikatakan latihan untuk mencegah, melawan dengan alat canggih mana pun tak dapat melawan kerana meja-meja di koridor macam mana kita nak lari? Inilah masalah-masalahnya.

Saya berharap pihak kementerian dapat memberi jawapan yang baik. Kita ada alat canggih sampai tingkat 13 dan

kita benarkan bangunan yang sangat lebih tinggi. Bila berlaku kebakaran, macam mana kita hendak menyelesaikan masalah seperti ini. Saya takut akan berlakunya kebakaran menara 'Towering Inferno' . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Masa sudah suntuk, ya. Menara tinggi itu . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Fahamlah tu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** 'Towering Inferno' sangat tinggi dan kebakarannya dahsyat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang akur, bersetuju dengan Tuan Pengerusi, saya perlu menamatkan ucapan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kota Melaka, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

5.30 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Bekalan 16 — Jabatan Perkhidmatan Bomba di mana tambahan sebanyak RM2.9 juta adalah dikehendaki untuk menampung bayaran imbuhan kakitangan bagi tahun 1994.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kalau boleh untuk memastikan bahawa setiap kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba mendapat faedah yang setimpal dengan risiko pekerjaan mereka.

Adalah diharapkan pihak kerajaan boleh menimbangkan untuk menaikkan bayaran insurans, pampasan atau ganti rugi kepada kakitangan kalau berlaku sesuatu kemalangan atau pengorbanan nyawa semasa menjalankan tugas mereka. Saya rasa, ini adalah penting kerana seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak kementerian, kakitangan dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba memang tidak mencukupi dan saya rasa satu daripada sebabnya ialah kerana dari segi faedah yang diberikan oleh pihak kementerian memang tidak berapa menarik atau menggalakkan.

Memandangkan bahawa kebakaran merupakan satu masalah atau satu sebab kerugian yang begitu besar di negara kita, adalah perlu supaya kita dapat memberikan latihan yang profesional kepada kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Tetapi tanpa memberikan ganjaran atau insentif yang mencukupi, saya rasa tujuan untuk memastikan prestasi yang menggalakkan adalah susah untuk dicapai. Saya berharap perkara ini boleh ditimbang dan tidak usah setiap kali mesyuarat kita hendak mengulangi perkara yang sama.

Pada masa yang sama, Tuan Pengerusi, saya juga hendak bertanya tentang proses kelulusan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba? Saya merujuk kepada satu contoh di Tengker, Melaka, berhampiran dengan kawasan Pokok Mangga di mana kelulusan telah diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba kepada sebuah syarikat gas untuk menyimpan tong silinder gas yang digunakan untuk memasak.

Tuan Pengerusi, bangunan untuk menyimpan atau stor silinder gas ini dibina berhampiran dengan kawasan perumahan dan memandangkan kemungkinan kalau sesuatu yang tidak diinginkan

berlaku — kalau ia berlaku, saya rasa ramai yang tinggal berhampiran akan mengalami kecederaan, jika sesuatu letupan berlaku. Oleh sebab itu, saya hendak bertanya mengapakah kelulusan diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk syarikat petroleum itu menyimpan atau membina sebuah bangunan untuk menyimpan silinder tong gas di kawasan perumahan?

Tuan Pengerusi, mengapakah runtingan tidak dibuat dengan penduduk-penduduk setempat? Saya rasa kalau mereka dirundingkan dahulu, mereka akan membayangkan atau menimbulkan masalah-masalah yang akan dihadapi oleh mereka, kerana ini hanya bersebelahan sahaja. Kalau sesuatu letupan berlaku tentu kita ada kawalan-kawalan keselamatan, kemalangan atau sesuatu yang tidak diinginkan memang akan berlaku kerana semua ini melibatkan faktor manusia. Kalau ini berlaku, saya rasa tidak ada apa-apa yang boleh menghalang atau mengelakkan daripada penduduk setempat menanggung kecederaan yang serius. Saya harap, pihak kementerian boleh memberikan jawapan dalam perkara ini yang telah menimbulkan perasaan resah di kalangan penduduk setempat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Maksud B. 15 iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan bertanya kepada pihak kementerian, apakah masalah dalam perancangan, rangka-rangka atau pelan mereka? Mengapakah mereka tidak menguatkuasakan arahan bahawa setiap projek perumahan mesti diperuntukkan 30% untuk rumah kos rendah? Saya rasa, perkara ini amat serius dan ini merupakan sebab utama mengapa sasaran atau target rumah kos rendah yang boleh dicapai atau tidak pernah dicapai oleh pihak kementerian sejak 25 tahun

kebelakangan ini? Dan kalau kuota ini dikuatkuasakan, saya rasa masalah kekurangan rumah kos rendah untuk golongan miskin tidak akan menjadi sebegitu serius seperti mana yang berlaku sekarang.

Pada masa yang sama juga, saya ingin bertanya kalau terdapat rumah-rumah di mana ada peruntukan kuota bumi tertakluk kepada tempat-tempat tertentu sebanyak 30%, 50% atau 70%. Kalau rumah tersebut tidak boleh dijual, mengapa pihak kerajaan tidak melaksanakan dasar yang diumumkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bahawa dia akan dilepaskan secara automatik.

Pada tahun lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri saya rasa dalam ucapan berkempen pilihan raya besar di Pulau Pinang menyatakan "bahawa rumah yang diperuntukkan untuk golongan bumiputera tidak boleh dijual selepas 6 bulan ia akan dilepaskan secara automatik". Saya rasa keputusan beliau ini adalah satu keputusan Kabinet, tetapi sehingga kini ia masih belum dilaksanakan.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian mengapa ini tidak dilaksanakan, kerana untuk tempat-tempat tertentu memang susah untuk menarik minat golongan bumiputera dan kalau ia tidak dilepaskan, golongan bukan bumiputera yang ingin membeli rumah-rumah tersebut tidak berpeluang membeli rumah. Dan kebanyakan rumah yang terlibat ialah rumah kos sederhana, kalau rumah kos tinggi atau mewah saya rasa itu bukan masalahlah. Kalau orang kaya, tanpa kira kaum atau bangsa, dia mampu — dia memang mampu. Tetapi masalah sekarang ialah untuk rumah kos sederhana di mana ada competition atau persaingan untuk membeli rumah-rumah tersebut.

Saya harap pihak kementerian boleh melaksanakan apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Selepas 6 bulan, kalau masih tidak boleh dijual, ia akan dilepaskan secara automatik dan tidak perlu menghadapi kerenah birokrasi atau red-tape di mana untuk mendapat pelepasan kena minta kelulusan dari berbagai-bagai jabatan, Pejabat Tanah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, negeri dan lain-lain.

Selain daripada kerenah birokrasi mesti diberikan sedikit galakan atau insentif, mesti "hulur" baru dapat pelepasan dan saya rasa ini hanya menyusahkan golongan yang ingin membeli rumah.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat ada yang bangun, ya hendak beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia datang dari mana ni?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya beri chance.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Balik Pulau.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat itu tidak dapat tanya soalnya tadi, jadi dia kemukakan kembali soalnya.

Mengenai pelepasan rumah yang diletakkan dalam kuota 30%, kalau Yang Berhormat ikhlas tentang masalah itu, Yang Berhormat sepatutnya berjuang untuk pihak yang baginya atau tujuan kuota itu diperuntukkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Balik Pulau, apa soalan Yang Berhormat? (Ketawa) Bukan hendak buat cadangan Yang Berhormat.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**  
Yalah!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat cuma boleh soal Kota Melaka sahaja.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Jadi, adakah benar bahawa rumah yang diperuntukkan untuk kuota 30% itu sengaja disimpan sehingga tidak dapat dijual dan menimbulkan masalah kepada orang yang boleh membeli?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya tidak berapa faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Pengerusi, sebenarnya adakah masalah dalam konteks peruntukan 30% perumahan ini, adakah masalah yang timbul di sini ialah one or the other, sama ada yang diperuntukkan 30% itu tidak dapat dibeli oleh orang yang sepatutnya membeli atau masalahnya ialah orang yang hendak beli 30%, tetapi tidak dapat membeli. The problem sebenarnya Ahli Yang Berhormat yang diperuntukkan itu selalunya tergadai kepada orang yang bukan diperuntukkan rumah tersebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, cukuplah. Saya rasa Timbalan Menteri Perumahan faham maksud saya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Saya rasa cukup jelas soalan itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Menteri faham jawablah.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** No. You tak jawab.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri faham maksud saya iaitu pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang kalau peruntukan 30% untuk kaum bumiputera atau 50% atau berbagai-bagailah, bergantung kepada keadaan setempat; kalau tidak dapat dijual selepas satu tempoh masa harus dilepaskan secara automatik. Saya rasa, ini merupakan dasar tertentu negeri-negeri tertentu, tetapi tidak diseragamkan seperti yang dijanji oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya rasa itu cukup jelas.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tanjung Karang bangun lagi, tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Oleh sebab itu, saya rasa saya minta maaf. Tetapi untuk perkara ini, saya rasa amat jelaslah. Berbalik kepada saya katakan tadi . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya gulung?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masa sudah suntuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak berikan notis boleh gulung, saya gulung sekejap.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau ayat itu tergantung, memanglah saya beri peluang. Tetapi ini tidak. Yang Berhormat hendak menyetujui soal yang baru.

**Tuan Lim Guan Eng:** Satu ayat sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masa sudah suntuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Baik, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab, saya bawa usul untuk panjangkan tangguhan Dewan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Baik.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.45 malam.”

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti yang dibacakan tadi. Masalahnya sekarang, usul tersebut dikemukakan kepada Majlis bagi diputuskan dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.45 malam”.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1994 DAN 1995) 1995**

DAN

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN  
(TAMB.) (BIL. 4) 1994**

DAN

**ANGGARAN PEMBANGUNAN  
(TAMB.) (BIL. 1) 1995**

*Perbahasan disambung semula.*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*Maksud B. 14, B. 15 dan B. 16 (Jadual Pertama)*

5.45 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang telah memberikan pendapat-pendapatnya terutama sekali berkenaan dengan permohonan beliau agar peruntukan diberi bagi membaiki parit dan longkang, dan peruntukan ini diambil daripada peruntukan pertandingan landscape.

Tuan Pengerusi, setakat ini kesan daripada pertandingan landscape dan juga pertandingan kebersihan saluran perairan bandar dan bandar raya di Malaysia telah menunjukkan kesan yang baik di segi penyertaan dan usaha daripada kampung-kampung, terutama sekali kampung-kampung baru dan rumah-rumah untuk melandscapekan kawasan-kawasan di perkampungan mereka.

Saya ingin mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk juga datang ke kampung-kampung kawasan Lumut dan Sitiawan, di mana kampung-kampung baru di kawasan-kawasan ini kita boleh banggakan dari segi landscape dan juga kecantikan taman-taman ataupun halaman rumah mereka. Walaupun ada yang mengatakan kemungkinan pertandingan ini tidak mencapai kejayaan, tetapi kalau kita pergi ke kawasan-kawasan ini kita dapat melihat bahawa kampung-kampung baru ini kadangkala lebih cantik lagi daripada taman-taman yang ada di Kepong dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban agar pemaju pembinaan lebih berhati-hati agar tidak mengakibatkan banjir kilat, saya bersetuju dengan pendapat beliau

bahawa pemaju-pemaju patut lebih berhati-hati. Tetapi kadangkala oleh kerana hujan yang turun di negara kita ini tidak menentu, kadang-kadangnya terlampau lebat dan tanah yang runtuh tadi mungkin dibawa ke parit, dan ini menyebabkan banjir kilat. Bagaimanapun, pihak Bandaraya dan Kerajaan Tempatan yang lain memang mengambil perhatian berkenaan dengan perkara ini. Pihak Kementerian juga telah pun memberikan peruntukan bagi membaiki longkang dan parit, terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman, misalnya bandar-bandar di pedalaman, semoga kawasan-kawasan ini dapat diperbaiki, parit dan juga longkangnya. Kita berharap dengan cara ini parit dan longkang ini boleh diperbaiki dan akan dapat kita kurangkan banjir kilat yang melanda kawasan-kawasan ini.

Tuan Pengerusi, Kepong membangkitkan berkenaan dengan perkara ini dan mengatakan bahawa pertandingan landscape ini hanyalah diwujudkan oleh kementerian untuk publisiti dan keberkesanannya amat kurang sekali. Saya ingin mencadangkan kepada beliau — tadi beliau sebut berkenaan dengan filem 'Towering Inferno'. Saya ingin mencadangkan kepada beliau supaya beliau baca buku 'Vision 2020' dengan izin, karangan St. David dan Bill Davidson, muka surat 15, 16 dan 17. Muka surat 15 ada satu subtitlenya ataupun subheading bertajuk 'In the age of the smart toilet', dengan izin.

Saya kena sebut begini, Tuan Pengerusi, sebab beliau dahulu baca angkat sumpah dihafal. Jadi, saya hafalkan untuk beliau. Dalam buku ini ia mengatakan bahawa tahun 1988 Jepun sebuah negara yang maju mengadakan satu pertandingan, mengadakan satu kempen, dengan izin, to bring the small house into the big house, nak bawa tandas ke dalam rumah. Tetapi pada tahun 1993, Jepun memperkenalkan smart toilet. Di Amerika, smart toilet ini kita boleh, dengan izin, operate the smart toilet from

your office. Jadi, kata buku ini 'Vision 2020' pada muka surat 17, katanya kalau dahulu, dengan izin, we can bring our office to our home but now we can operate our bathroom environment from our office.

Tuan Pengerusi, kalau Jepun sebuah negara yang maju pun mengadakan kempen, maka kita di Malaysia sudah tentu lah perlu mengadakan kempen untuk menjayakan hasrat dan cita-cita kerajaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tertarik kepada betapa minatnya Yang Berhormat ke atas buku 'Vision 2020'. Tetapi memanglah salah satu yang diingat mengenai tandas. Memang tandas itu penting di dalam aktiviti manusia, waste product. Adakah Yang Berhormat hendak melancarkan kempen berterusan untuk menanamkan kesedaran di kalangan rakyat? Itu yang penting, kerana setakat ini kalau kita meninjau kawasan perkarangan Parlimen atau di dalam Bangunan Parlimen pun kadangkala puntung rokok pun dibuang di situ dan sampah sarap dibuang begitu sahaja. Di Parlimen sendiri hampir semua kita di sini memang baik, saya tahu! Tetapi mungkin ada orang luar yang membuang sampah. Dan ini bermakna masalah bukan kempen sahaja, pendidikan. Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya pendidikan seperti ini dimasukkan di dalam sukatan pelajaran di peringkat sekolah.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya bersetujulah dengan Ahli Yang Berhormat, bahawa semua ini bermula daripada pendidikan. Tetapi saya rasa kalau kita berada di Parlimen ini, melihatkan kepada tingkah laku Ahli-ahli Parlimen, kadangkala mungkin pelajar-pelajar yang datang

melihat kita menganggapkan bahawa kita pun kadang-kadang kurang berpendidikan, cara kita berhujah, cara kita melepaskan geram. Bukan Ahli Yang Berhormatlah, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli bomba yang katanya mungkin tidak dibekalkan dengan insurans yang mencukupi, mungkin keadaan tugasnya kurang memuaskan. Tetapi saya kesal dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan berkenaan dengan anggota bomba yang kononnya mengambil wang RM200.

Tuan Pengerusi, ahli-ahli bomba itu tidak ada dalam Dewan ini. Mereka tidak boleh hendak menafikan tuduhan Ahli Yang Berhormat. Dan saya menganggap bahawa tuduhan Ahli Yang Berhormat tadi adalah tuduhan yang begitu zalim sekali. Dahulu Ahli Yang Berhormat menuduh bahawa pejabat JKR dengan membelanjakan RM2 juta untuk dibaiki ada kepala 'tap', dengan izin, emas tetapi Ahli Yang Berhormat Menteri Kerja Raya . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Sekejap! Biar saya habiskan dahulu, kalau tidak nanti saya pun lupa point saya!

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mencabar beliau untuk datang ke JKR untuk melihat . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Duduk dahulu, biar saya habiskan, saya akan beri chance, hendak sejam pun boleh saya beri kalau Tuan Pengerusi membenarkan.

Tetapi hari ini, beliau membangkitkan pula berkenaan dengan anggota-anggota bomba kita. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyebut ahli-ahli bomba ini bekerja dengan baik, imbuhanannya tidak cukup, insuransnya tidak cukup tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kepong menuduh anggota-anggota bomba kita mengambil wang RM200. Saya cabar beliau, kalau ada bukti ketengahkan, kita akan ambil tindakan. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi, tetapi kalau tidak ada bukti, jangan sekali-kali menuduh anggota-anggota bomba ini! Mereka menggadai nyawa untuk mempertahankan supaya bangunan-bangunan tidak terbakar tetapi Ahli Yang Berhormat menuduh sewenang-wenang, mereka tidak ada dalam Dewan ini untuk mempertahankan diri.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Gerik memang menjadi satu serkap jarang sekarang. Yang saya sebutkan tadi ialah — memang salah satu pelakon utamalah, kerana dia ada pendidikan daripada Sungai Siput. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput pelakon utama dan . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat! Yang Berhormat jangan ambil kesempatan untuk membuat dakwaan Yang Berhormat, terus soal!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, dua perkara — yang pertama, saya tak kata semua ahli bomba. Saya kata, saya dengar . . . .

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya pun tidak ada kata, saya diberitahu dan saya pun ada kata saya tidak ada bukti sekarang. Itu semuanya akan ada di dalam *Hansard*, di dalam Penyata Rasmi. Itu tak payah dipertikaikan dan Tuan Pengerusi pun ada dengar. Dan saya . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Apa soalnya, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalnya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kenyataan saya ialah sebilangan sahaja, kebanyakannya itu bertungkus-lumus. Itu perkataan saya dan dia hendak memutarbelitkan.

Yang kedua, saya tidak pernah kata ada 'tap', ada pili yang beremas, yang saya katakan 'mangkuk tandas yang bertatahkan emas di tepinya'. Sesungguhnya ianya bertatahkan bentuk songket emas. Saya menunggu jawapan daripada Sungai Siput, saya akan tunjukkan kepada dia apakah bukti saya. Itu memang saya menunggu sampai besoklah, tetapi jawapan ataupun putar belit Yang Berhormat tadi tidak dapat membayangkan keadaan yang sebenar. Jangan kita jadi pelakon utama, cukuplah dengan boss lama.

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, tidak payahlah mengulas!

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah, sama ada saya hendak putar belit atau Ahli Yang Berhormat yang hendak putar belit. Tetapi saya dengar tadi Ahli Yang Berhormat sebut: "Ada orang beritahu dengan beliau yang mereka terpaksa bayar RM200." Minta orang itu buat laporan dan kita akan mengambil tindakan. Tetapi Ahli Yang Berhormat tidak perlu jadi 'postman'. Ini 'postman' macam pos surat

sahaja, ada orang buat kompelin Ahli Yang Berhormat bangkit di Parlimen tanpa usul periksa. Tetapi bagi anggota-anggota bomba walaupun kita sebut sebilangan kecil, tetapi mungkin kalau bapa-bapa balik ke rumah mungkin anak bertanya: "Bapa, siapa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong?" Bagaimana perasaan bapa? Kalau kita sebut ada Ahli-ahli Parlimen yang rasuah, jadi Yang Berhormat pun Ahli Parlimen juga. Doktor pun kadang-kadang kita baca dalam magazine dan akhbar ada juga yang buat salah, bukan anggota bomba sahaja.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan alat-alat yang digunakan oleh ahli bomba yang setakat ini memang tepat sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Kepong iaitu mereka hanya ada alat yang boleh memadamkan api setinggi 13 tingkat. Tetapi kalau kita fikirkan perkara ini maka sudah tentulah kita tidak mungkin akan dapat memadam api misalnya di bangunan 40 tingkat, bagaimana dengan KL City Centre yang mungkin 80 tingkat. Jadi, Ahli Yang Berhormat telah pun melihat filem 'Towering Inferno' dan ini berlaku di Amerika Syarikat sendiri dan bagaimanakah 'Towering Inferno' ini ataupun kebakaran di bangunan yang begitu tinggi dipadamkan.

Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kita perlu sedar apa juga alat yang kita ada, kalau kebakaran ini berlaku di bangunan 40 tingkat ataupun 80 tingkat, kita mesti memadamkan api ini menggunakan kaedah-kaedah ataupun equipments yang ada dalam bangunan itu sendiri.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, kita boleh memadamkan api ini menggunakan misalnya di setengah-setengah bangunan yang tinggi, mereka ada tangki air di tingkat yang paling atas, kemungkinan tangki air ini boleh digunakan untuk membasahkan sebahagian besar

daripada bangunan ataupun kita ada di kebanyakan bangunan sekarang ini disyaratkan supaya mereka ada alat pemadam api ataupun alat yang akan membunyikan loceng amaran apabila asap tebal ataupun kebakaran berlaku. Ini semua disyaratkan bagi semua bangunan yang tinggi.

Dan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, pihak bomba memang dari masa ke semasa cuba untuk memperbaiki alat-alat yang ada kepada mereka. Kalau misalnya kita mahu negara kita maju pada tahun 2020 dan kalau misalnya di Telekom, Telekom mengatakan bahawa mereka boleh mencapai tahap negara maju pada tahun 2005, maka kita juga di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meminta supaya bomba juga kalau boleh mempertingkatkan perkhidmatan mereka setanding dengan negara-negara maju.

Kita tidak mungkin akan dapat mencapai tahap di mana kita boleh padam api di semua bangunan yang tinggi, tetapi apa yang boleh kita buat ialah supaya tahap kita ataupun tingkat kita boleh memadamkan api itu setanding dengan negara-negara yang maju, sebagaimana, misalnya, dilakukan di Amerika, sebagaimana yang di lakukan di Eropah, kita senantiasa menghantar pegawai-pegawai kita ke negara-negara ini untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dari segi memadam api.

Tuan Pengerusi, kita juga menghadapi masalah dari segi ini kerana sekarang ini banyak syarikat-syarikat swasta yang ada pasukan bomba mereka sendiri dan banyak pegawai-pegawai bomba, oleh kerana kemungkinan, sebagaimana yang disebut oleh Ahli dari Kota Melaka tadi bahawa imbuhan mereka tidak tinggi, maka ramai daripada pegawai-pegawai bomba ini yang telah pun berhenti daripada Jabatan Bomba

untuk berkhidmat dengan syarikat-syarikat swasta yang ada pasukan bomba mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan berkenaan dengan proses perusahaan oleh Jabatan Bomba. Mengikut kata beliau, kelulusan diberi oleh Jabatan Bomba bagi menyimpan tong gas dekat dengan kawasan perumahan. Kalau berlaku letupan, akibatnya, sudah tentulah akan menjadi satu malapetaka.

Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sebenarnya, Ahli Yang Berhormat sendiri tidak menyebut nama tempat yang berkenaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya sudah sebut di Melaka iaitu di antara Jalan Tengker dengan Pokok Mangga. Tadi saya ada sebut dalam soalan saya, tetapi kalau hendakkan notis, saya bersetuju.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Saya akan mendapat butiran daripada Yang Berhormat dan saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Berkenaan dengan saranan Ahli Yang Berhormat tadi, yang mengatakan bahawa kuota untuk perumahan yang dikhaskan kepada bumiputera sebanyak 30% dan selepas 6 bulan kenapa tidak boleh dijual kepada bukan bumiputera, ingin saya sebutkan di sini bahawa daripada segi kementerian kita memang merancang supaya 30% daripada rumah-rumah kos rendah ini dibangunkan di kawasan-kawasan yang dicadangkan oleh pemaju untuk dibangunkan. Tidak semua kawasan-kawasan ini tidak boleh menjual rumah-rumah kepada bumiputera. Apa yang berlaku ialah kebanyakan dari mereka ini

memberikan harga yang murah sedikit kepada bumiputera, selalunya 5% diskaun dan ada di antara pemaju-pemaju ini yang tidak mahu menjual rumah-rumah ini dengan memberi potongan ataupun diskaun kepada bumiputera dan mereka tidak mengiklankan.

Ada di antara mereka yang mengatakan bahawa rumah sudah habis, walaupun ada pembeli-pembeli bumiputera yang ingin membeli rumah-rumah ini, maka dalam keadaan yang demikian, kebiasaannya pihak kerajaan negeri akan meminta supaya pemaju rumah yang berkenaan mengiklankan ataupun berikhtiar untuk menjual rumah-rumah ini dan apabila mereka berpuas hati bahawa memang tidak ada lagi pembeli-pembeli bumiputera yang mahu membeli rumah ini, maka pihak kerajaan negeri akan memberikan kebenaran supaya rumah-rumah ini dapat dijual kepada bukan bumiputera.

Tuan Pengerusi, dari segi rumah murah, di mana juga rumah murah dibina, melainkan di kawasan-kawasan luar bandar, rumah-rumah murah ini akan menjadi rebutan, bukan sahaja kepada bumiputera, tetapi juga kepada bukan bumiputera. Dalam keadaan ini, selalunya dan kebiasaannya, pihak kerajaan negeri akan meminta kepada pemaju perumahan supaya penjualan rumah-rumah murah ini dilakukan oleh kerajaan negeri sendiri dan hanya mereka yang berdaftar ataupun yang menepati syarat-syarat kerajaan negeri akan diberi kebenaran untuk membeli rumah-rumah ini. Tetapi seandainya Yang Berhormat ada kes-kes tertentu, di mana pihak-pihak pemaju telah berusaha untuk menjual rumah-rumah kepada bumiputera yang kebiasaannya diberi dengan potongan 5% tetapi setelah sekian lama tidak dapat menjual rumah-rumah ini, mereka ini boleh berhubung kembali dengan kementerian ataupun meminta terus kebenaran daripada

kerajaan negeri untuk membatalkan syarat ini bagi membolehkan mereka menjual rumah-rumah ini kepada bumiputera.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, tadi saya bertanya tentang pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Pulau Pinang bahawa selepas 6 bulan, iaitu tempoh masa 6 bulan sudah berlalu, pelepasan akan diberikan secara automatik. Adakah ini satu pengumuman yang tidak berasas ataupun ia sudah diumumkan ataupun belum dilaksanakan. Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi biasanya, keadaan yang berlaku ialah mereka berusaha menjual sungguhpun dengan memberikan diskaun dan lain-lain kerana kalau 'holding cost' mereka, dengan izin, adalah terlalu tinggi, kalau mereka boleh menjual sekarang, 'holding cost' 6 bulan mereka boleh kurang perbelanjaan mereka. Dan dalam masalah ini, bukan sahaja menimpa pemaju bukan bumiputera tetapi juga pemaju bumiputera. Khususnya, mereka hendak menjualkannya dengan cepat tetapi kalau mereka menepati semua syarat, kenapakah pelepasan tidak boleh dibuat secara automatik selepas 6 bulan? Itu pertama.

Kedua, tadi saya bertanya tentang target kuota rumah kos rendah untuk setiap projek perumahan adalah ditetapkan 30%, tetapi biasanya 30% rumah kos rendah untuk setiap projek perumahan tidak diikuti. Mengapakah ini tidak dikuatkuasakan? Kerana saya percaya, kalau ini dikuatkuasakan kita tidak akan menghadapi masalah kekurangan rumah kos rendah, baik untuk bumi atau untuk golongan bukan bumi.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya berterima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang meminta supaya semua kawasan yang dimajukan oleh pemaju kita syartkan 30% daripada pembinaan mereka

adalah untuk pembinaan rumah kos rendah. Ini memang apa yang disyaratkan oleh kementerian dan ini adalah hasrat kementerian, bagaimanapun, kadangkala kawasan-kawasan yang kita hendak bangun, misalnya, di kawasan Kuala Lumpur, kalau kita syaratkan kepada pemaju untuk membangunkan kawasan di mana mereka hendak memajukan perumahan, 30% mesti rumah kos rendah saya rasa tidak ada pemaju yang sanggup untuk membangunkan perumahan di kawasan Kuala Lumpur. Tetapi kalau misalnya kita pergi ke kawasan-kawasan luar bandar sedikit, misalnya, Gerik, tetapi kalau misalnya, di Melaka, mungkin di Kota Melaka tanahnya begitu tinggi tetapi kalau kita pergi keluar sedikit daripada Kota Melaka, mungkin Batu Berendam, maka syarat yang ditetapkan oleh kementerian ini dengan senang dapat dilaksanakan oleh pemaju.

Yang menjadi masalah kepada pemaju ialah kawasan-kawasan yang nilai tanahnya begitu tinggi, sehingga mereka tidak mungkin boleh membina rumah-rumah kos rendah setinggi 5 tingkat dan mungkin terpaksa dinaikkan sampai 12 ataupun 15 tingkat untuk menjadikan projek ini 'viable'. Jadi, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memang syarat kementerian, tetapi kadangkala kita terpaksa longgarkan syarat untuk menjadikan projek tadi 'viable'. Kalau projek tidak 'viable' tidak mungkin ada pemaju yang akan membina rumah-rumah ini, sama ada kos rendah ataupun kos tinggi di kawasan yang tidak ekonomi.

Tuan Pengerusi, saya rasa saya telah menjawab kebanyakan perkara-perkara....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi, tentang pengumuman Timbalan Perdana Menteri — 6 bulan secara automatik.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, saya akan kaji dan check balik perkara ini dan walaupun pengumuman dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

yang mengatakan 6 bulan, tetapi kadangkala ada misalnya, kelewengan sedikit berlaku, oleh kerana kemungkinan kerajaan negeri tidak berpuas hati bahawa pemaju telah mengambil segenap langkah untuk menjual rumah-rumah ini kepada bumiputera, kemungkinan di situlah ada sedikit kelewatan. Bagaimanapun kalau Ahli Yang Berhormat ada masalah-masalah yang khusus, saya sendiri bersedia untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah ini, kerana dari segi kementerian, kalau pemaju rugi bermakna negara rugi. Kita mahu pemaju untung dan kita juga mahu pembeli untung, bak kata pepatah Inggeris "win win situation", dengan izin. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,513,000 untuk Maksud B. 14; RM584,096 untuk Maksud B. 15 dan RM2,936,067 untuk Maksud B. 16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,513,000 untuk Maksud B. 14; RM584,096 untuk Maksud B. 15 dan RM2,936,067 untuk B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud B. 17 (Jadual Kedua) —*

*Maksud P. 17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994) —*

*Maksud P. 17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1995) —*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepala B. 17 dan P. 17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas sekarang. Kubang Kerian.

6.11 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (Kubang Kerian):** Tuan Pengerusi, Maksud B. 17 iaitu RM29 juta diperuntukkan untuk menjayakan program Rakan Muda. Yang saya ingin bertanya di sini ialah sejauh mana penglibatan badan-badan belia dalam program Rakan Muda ini. Rata-rata badan-badan belia merungut bahawa mereka tidak dilibatkan secara menyeluruh dalam program Rakan Muda sedangkan Rakan Muda ini ialah program untuk membina semangat ataupun membina masa depan belia. Masalah kurikulumnya pula kita harap Rakan Muda dapat memperbaiki dari masa ke semasa kerana kita lihat program-program yang dibuat tidak ada sangkut-paut dengan realiti di luar misalnya kita lihat program untuk menjayakan bersama satu perkara.

Selalunya bila kita menjayakan bersama satu perkara, tidak mestinya berlaku percampuran bebas lelaki dan perempuan. Misalnya bersama memanjat bukit, bersama menuruni lurah dan sebagainya. Tidak semestinya ada percampuran bebas lelaki dan perempuan seperti yang dilaporkan di akhbar-akhbar baru ini iaitu berlaku beberapa insiden yang tidak baik di dalam program Rakan Muda.

Tuan Pengerusi, kita hadapi masalah sosial yang begitu teruk misalnya masalah sosial sekarang iaitu penyeksaan kanak-kanak, buang anak dalam longkang, jual bayi dan sebagainya. Perkara-perkara sosial ini mestilah kita atasi di peringkat awal lagi. Oleh itu, sebarang program mestilah diikat dengan pantang larang agama khususnya agama rasmi, agama Islam mestilah dihormati dan campur-gaul mereka itu mesti dengan batas-batas yang digariskan oleh agama Islam.

Seterusnya P. 17 iaitu Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil yang memakan belanja RM91 juta dan sekali lagi Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil RM40 juta dalam P. 17. Kompleks Sukan Negara ini dibuat di antaranya ialah untuk menjayakan Sukan Komanwel yang akan berlaku pada tahun 1998 nanti. Persoalan

yang saya hendak timbulkan di sini, apakah Kompleks Sukan Negara ini berkekalan penggunaannya selepas itu ataupun selepas sahaja Sukan Komanwel, Kompleks Sukan Negara ini hanya akan tinggal sebagai gajah putih iaitu ia akan menjadi tempat-tempat kosong sehinggalah sukan besar yang lain pula diadakan.

Kita mahu perancangan ini hendaklah teliti supaya tempat-tempat ini, tempat-tempat yang dibina kompleks sukan dan kompleks tempat tinggal ini selepas Sukan Komanwel nanti, dapat ditebus guna, dapat dipakai. Misalnya kalau dibina tempat-tempat tinggal yang baik, sebelum ada sukan yang besar, kompleks ini boleh digunakan untuk disewa kepada orang ramai terutamanya katalah disewa oleh pegawai-pegawai kerajaan untuk mereka hidup duduk di Kuala Lumpur ini untuk ulang-alik ke tempat bekerja.

Kemudian, Kompleks Sukan di Bukit Jalil ini saya ingin tahu, pihak manakah yang bertanggungjawab meluluskan kontrak-kontrak kepada mereka yang membuat kompleks sukan ini? Adakah ia Kementerian Belia dan Sukan yang mempunyai pengaruh utama untuk meluluskan kontrak ataupun pihak SUKOM iaitu pihak yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengendalikan pembangunan sukan ini. Apakah mereka ini yang bertanggungjawab meluluskan kontrak-kontrak ataupun pihak Kementerian Belia dan Sukan. Kalau kedua-duanya, pihak manakah yang lebih berkuasa dan kalau boleh pihak kementerian dapat menyenaraikan kontrak-kontrak yang telah diberi kepada pihak mana yang dapat untuk membuat projek-projek ini kerana kita ada juga mendapat bantahan-bantahan pihak kontraktor tertentu iaitu mereka tidak dilayan dengan baik melainkan mereka yang ada hubungan tertentu dengan pihak SUKOM yang memperolehi kontrak-kontrak untuk membina kompleks sukan ini.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Senai.

6.15 ptg.

**Tuan Lim Si Cheng (Senai):** Tuan Pengerusi, merujuk B. 17 peruntukan untuk kemudahan persukanan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Kementerian Belia dan Sukan kian memainkan satu peranan yang penting dalam pembangunan sukan negara serta memajukan penyertaan beramai-ramai program sukan.

Jadi, lebih banyak peruntukan juga harus diberi untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada dan kompleks-kompleks mini sukan yang telah dibina di pekan dan di kawasan luar bandar. Peruntukan yang diberi perlu digunakan dengan lebih efektif lagi untuk menyediakan latihan kemahiran dan berbagai rancangan belia di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Tugas-tugas dan cabaran kementerian harus terus menumpukan perhatian ke atas kegiatan-kegiatan yang membanteras masalah-masalah belia seperti dadah dan pengangguran.

Pihak kementerian harus dipuji kerana memperkenalkan sukan-sukan baru seperti bola keranjang 3 lawan 3 dan usaha-usaha sedemikian harus diteruskan. Demi memastikan keberkesanan dan penyertaan yang lebih menyeluruh dari semua komuniti dalam kursus-kursus latihan belia, mungkinlah kementerian dan pusat-pusat latihan yang berkenaan dapat mengendalikan kursus-kursus itu dalam berbagai bahasa buat permulaan ini.

Jadi, sekian terima kasih, ingin saya sampaikan kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tumpat.

6.17 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** Tuan Pengerusi, Maksud B. 17 Kementerian Belia dan Sukan. Di sini saya ingin menyentuh apa yang telah dijawab oleh Menteri Belia dan Sukan mengenai satu soalan yang berhubung dengan program Rakan Muda di mana menteri telah memberi jawapan bahawa kita tidak akan ambil kira dalam persoalan agama melalui program Rakan Muda kerana negara kita ini penduduknya berbilang kaum. Ini satu statement yang boleh dichek dalam *Hansard* pada minggu lepas dan ini saya rasa satu kenyataan yang tidak seharusnya keluar dari seorang yang saya rasa ayahnya dahulu seorang 'Tok Guru' tetapi tidak menurun kepada anak dia. Cakap . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa itu tidak berkenaan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Selain daripada itu, di sini ada menjelaskan tambahan sebanyak RM29,910,000 yang dikehendaki untuk membiayai program Rakan Muda dan tentang itu saya sentuh, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, dalam surat khabar saya ingin quote, Tuan Pengerusi, dan saya ingin meminta penjelasan dari pihak kementerian pada hari ini:

*"JAIP minta jelaskan maksiat Rakan Muda*

IPOH, Ahad — Kerajaan akan mendapatkan laporan terperinci daripada Jabatan Agama Islam Perak (JAIP) mengenai dakwaan ada program Rakan Muda di negeri ini

ditahan kerana melakukan maksiat. Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pendidikan Belia dan Sukan Negeri, Dato' Dr. Abdul Malik Hanifah berkata beliau sudah mengarahkan JAIP untuk mengemukakan laporan terperinci . . . . ." dan seterusnya.

Pada hari ini, saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian, sejauh manakah kesahihan kenyataan ini; apakah betul dan apakah tidak; apakah penyiasatan telah dibuat; dan apakah hasil daripada penyiasatan yang telah dibuat itu?

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, ini ada dalam *Buletin Utama*. Saya kira Menteri-menteri semua membacanya, terutama Menteri di Jabatan Perdana Menteri — saya kira semua setuju, ini bagus — *Buletin Utama*. Ini surat khabar UMNO, Barisan Nasional, bukan surat khabar *Harakah*, bukan! (*Sambil menunjukkan sebuah surat khabar di tangannya*) Bukan di sini, di sini — "Rakan Muda, Rakan Maksiat". Sejauh mana kenyataan ini benar? Mungkin akan diharamkan oleh kerajaan selepas daripada ini. Saya rasa mungkin, memang . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, yang kawan kita dok merepek ni, merepek apa ni?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Yan, sabar.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya sabarlah ni.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ini bukan hendak minta penjelasan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dok buka surat khabar ke hulu ke hilir tak tentu hala, apa fasal?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Yan hendak suruh hadap ke mana? Nak hadap ke sana?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tumpat diingatkan, bila berucap, menghala ke Kerusi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya hadap kepada Tuan Pengerusi. Memang saya sudah hadap!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Walaupun Yang Berhormat berhajat hendak baca — mungkin perenggan-perenggan yang berkenaan, saya rasa Yang Berhormat tak payahlah tunjuk surat khabar yang berkenaan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ini suatu bukti. Bukti yang tertulis, bukan bukti tidak bertulis.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, point of order . . . . . 40 . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tumpat, duduk sebentar. Point of order yang ke berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Mengarut, Tuan Pengerusi. Tak ada apa lagi . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** 41 (c) Tuan Pengerusi, tak boleh baca surat khabar dalam Dewan Rakyat! (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang ke berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** 41(c). (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ya, baik, saya akan buat keputusan. (*Ketawa*) Sebenamya, tadi saya sudah cakap Yang Berhormat, kalaulah sekadar hendak beri contoh, itu memang dibenarkan. Jadi, Yang Berhormat, janganlah tunjuk — tak payahlah tunjuk surat khabar!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ini satu bukti ya. Ini satu bukti apa yang saya cakap. Nanti dia kata saya cakap bohong!

Tuan Pengerusi, ini tertulis "Rakan Muda, Rakan Maksiat" . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, saya serius Tuan Pengerusi, 41(c), "Ahli-ahli tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat atau lain-lain kecuali apa yang ada kena mengena tepat dengan urusan yang dibahaskan". Yang ini 41(c) ini!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dia buat tak faham, Yang Berhormat Tuan Pengerusi . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukup jelaslah itu. Yang Berhormat, tak payahlah bangkitkan semula. Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya teruskan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Dan Yang Berhormat bolehlah berucap tanpa merujuk kepada surat khabar ataupun tunjuk surat khabar.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Sebab saya hendak quote apa yang disebut dalam surat khabar ini, Tuan Pengerusi, supaya pihak Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen memberi jawapan yang jelas kepada kita iaitu Rakan Muda, Rakan Maksiat. Sejauh manakah kenyataan ini benar?

Di sini ada tertulis juga satu point — "Lelaki Perempuan Tinggal Sekhemah Hingga Subuh". Nanti keluar anak pula selepas ini! Nanti saya rasa anak dalam longkang selepas ini bertambah akibat daripada program Rakan Muda yang diadakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sangkaan buruk kepada dasar baik kerajaan! Point of order, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang ke berapa Yang Berhormat Yan?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya 'tak dan' rujuk! (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tak boleh, Yang Berhormat! (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tapi ada . . . . . (*Ketawa*)

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Yan ini mengacau saja ni, mengarut! Cuba dengar Yan, buat apa pakai kaca mata? Buanglah, dengar dengan telinga! Tak perlu takut!

Ini ada satu berita lagi, saya hendak baca sedikit, banyak — panjang. Ini ada gambar tunjukkan perempuan duduk sekhemah dengan lelaki. Saya hendak baca sedikit. Ini bohsia, macam-macam. Ini anjuran Kerajaan Barisan Nasional.

"Perkhemahan Rakan Muda selama 4 hari yang diadakan sempena Rakan Cinta Alam dan Rekreasi di peringkat Kebangsaan yang diadakan di sini baru-baru ini telah tercemar dengan tindak-tanduk segelintir peserta yang bergelumang dengan berbagai-bagai angkaramaksiat. (Dengar?) Ada peserta perempuan ditemui keluar daripada subuh pagi dari khemah lelaki dan ada pasangan-pasangan melakukan maksiat di celah-celah rimbunan hutan belantara!" (*Disampuk*)

**Beberapa Ahli: Waah !!!!**

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
Penjelasan, penjelasan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, dia minta jalan. Hendak beri?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Apa hendak tanya? Tanya apa?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
Tak . . . . . Yang Berhormat kata hutan belantara ini, Yang Berhormat pergi tengokkah? Surat khabar ini Yang Berhormat, kadang-kadang macam surat khabar *Harakah* itu bukan betul, bukan! Ini kadang-kadang, hak yang duduk atas macam perang dunia kedua atas kapal terbang pun ada, Tuan Pengerusi!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Kalau kritik dia, semua tak betul, tetapi apa yang dia buat itu, semua betul!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
Tuan Pengerusi, saya minta tarik balik . . . . . saya buat apa, Tuan Pengerusi, saya tak keluar khemah pada pagi-pagi subuh! (*Ketawa*) Ini sangkaan jahat, Peraturan berapa? (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
Point of order, 36 (6) Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah, saya rasa . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
Sangkaan jahat, dia kata saya "buat" — saya tak buat apapun! (*Ketawa*) (*Disampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukup!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
Ni saya pulak demam, ini bukan boleh kacau tempat orang! (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yan . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
Orang lain buat, orang lain dapat, tak patut Yang Berhormat!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya rasa itulah sahaja yang saya hendak sampaikan, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yan. Selepas itu, kementerian diminta jawab.

6.26 ptg.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan):** Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan yang telah menganjurkan beberapa siri iaitu Rakan Muda—Gaya Hidup Rakan Muda.

Tuan Pengerusi, Rakan Muda ini memanglah satu program yang baik kerana kita hendak membimbing generasi anak bangsa Malaysia ini supaya mereka ini menjadi anak bangsa yang berdisiplin. Tetapi memanglah di dalam satu tandan pisang itu, kadang-kadang ada yang buruk — tak semua pisang itu baik! kadang-kadang ada pisang itu yang dimakan ulat dan sebagainya! Jadi kerana seorang dua ini makan ulat, takkanlah pihak parti PAS, Pembangkang ini tak boleh terima Rakan Muda ini?

Awat, Tuan Pengerusi ingat hak yang janggut berambu itu baik-baikkah? Saya, janggut saya tengok, elok, saya jaga, tetapi kelakuan saya elok, Tuan Pengerusi! *(Ketawa)* Saya tak kacau!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu apa kena-mengennanya? *(Ketawa)*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak, ini kes Rakan Muda, Tuan Pengerusi, sekadar contoh. Depa dok kata Rakan Muda tak bagus. Di Kelantan tak mahu terima program Rakan Muda. Ini adalah program yang cukup baik! Kerajaan hendak mendidik rakyat Kelantan supaya mereka tertib. Tak adalah semasa pilihan raya maki hamun dekat orang, duduk atas pentas, maki orang sampai tak ada hadnya! Ini kerana didikan tak kena! Jadi . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya kira ini cakap dasar, Yang Berhormat. Sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa. Janganlah cakap dasar!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak, sikit-sikit bolehlah, Tuan Pengerusi! *(Ketawa)* Saya mintalah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Secara khusus, boleh. Itu memang saya izinkan. Teruskan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Fasal depa dok serang Barisan, Tuan Pengerusi. Saya tak mahu masuk surat khabar. Saya tak mahu. Saya bercakap atas fakta yang betul.

Jadi, Tuan Pengerusi, projek ini, konsep ini mesti diteruskan dan saya sokong Kementerian Belia dan Sukan kena teruskan projek ini dan saya menasihati Wakil-wakil Rakyat PAS di Kelantan ini supaya menasihati Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan supaya faham apa dia

konsep Rakan Muda. Kalau tak boleh, kita bawa semua ahli-ahli PAS ini pergi kursus, hantar ke Biro Tatanegara supaya pemikiran mereka ini maju ke hadapan. Jangan pemikiran yang orang kata sempit — pemikiran yang ketinggalan masa. Tuan Pengerusi, hendak rujuk apa pula tu?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak, Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat kena cakap secara khusus, bukannya cakap dasar.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya juga, Tuan Pengerusi, dari segi pemberian dan kenyataan bayaran tetap ini, saya berharap projek Rakan Muda Gaya Hidup Baru ini akan juga diimplemenkan sedaya yang cepat di kawasan-kawasan luar bandar. Kerana orang-orang yang di luar bandar, mereka ini kalau kita tidak bimbing dengan sebaik-baiknya, akan terhindar di dalam keadaan yang tidak elok apabila mereka datang ke bandar.

Jadi, projek ini kena diimplemenkan di kawasan luar bandar dengan segera melalui sekolah-sekolah hari ini. Saya bersetuju sangatlah program ini dipertingkatkan dan peruntukannya diperbanyakkan supaya ia akan menjadi satu kenyataan dan kejayaan dan ini akan sekali gus menghapuskan pemikiran daripada pihak parti lawan tentang negatifnya Gaya Hidup Rakan Muda yang diimplemenkan oleh kerajaan.

Jadi, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian diminta jawab.

6.30 ptg.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Dato' Teng Gaik Kwan):** Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Yang Berhormat dari

Kubang Kerian ada membangkitkan tentang Kompleks Sukan Negara. Peruntukan untuk Kompleks Sukan Negara adalah satu peruntukan yang banyak kalau mengikut Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Tetapi kita hendaklah memandang jauh kerana Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil ialah satu kompleks yang penting, yang mustahak untuk Sukan Komanel 1998 — lebih kurang tiga tahun yang akan datang. Kalau kita pandang Commonwealth Games sebagai sukan yang kedua terbesar selain dari Sukan Olimpik, ini bukan satu peruntukan yang sangat besar. Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang telah menyokong . . . . .

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
*(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, saya bukan mempertikaikan peruntukan banyak atau sedikit. Saya tanya tadi planning jangka panjang. Misalnya selepas Sukan Komanwel, Pusat Sukan Bukit Jalil itu apa hendak diisi? Adakah hendak dibiarkan seperti “gajah putih” ataupun kompleks-kompleks tempat tinggal itu dapat disewa khasnya kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk mereka tinggal ataupun kita hendak tunggu sukan yang lain yang besar, setaraf Sukan Komanwel mungkin tidak ada selepas itu ataupun lambat lagi. Apa perancangan selepas 1998 hendak jaga bangunan itu supaya ia tidak tinggal usang? Sebab belanja sudah kita keluar begitu banyak. Itu persoalan saya tadi.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Pengerusi, kalau saya tidak silap selalunya ahli pembangkang, kalau kerajaan ada apa-apa projek yang besar, selalunya dianggap oleh Ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang ialah akan jadi “gajah putih”. Itu tidak benar. Kalau kita renung sekali North-South Highway pun ada orang kata jadi “gajah putih” juga dan . . . . .

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
*(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** . . . . . Proton Saga pun hendak jadi . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, tanya dia hendak beri jalan atau tidak.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, saya tidak bangkang. Dia tidak fahamlah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia hendak beri jalan atau tidak.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya tidak bangkang. Saya tanya, “Apa program selepas tahun 1998?” Bangunan itu hendak diisi apa?

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Nanti. You tunggu sekejap. Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Bukan bangkang!

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Kementerian Belia dan Sukan tidak akan ada projek-projek selepas Sukan Komanwel. Kita akan swastakan. Kita akan ada program untuk tahun-tahun akan datang. *(Tepuk)* Itu projek long term. Itu pun belum siap, macam mana kita hendak beritahu. *(Ketawa)*

Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Senai dan dari Yan kerana cadangan-cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dikatakan amat membina. *(Ketawa)* Constructive! Bukan seperti pembangkang. *(Ketawa)* Selalu membangkang sahaja. Lagi satu tentang Yang Berhormat dari Tumpat. Lagi teruk! Kerana projek Rakan Muda boleh dikatakan satu projek yang positif untuk belia-belia di negara kita dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini tidak boleh teirma juga tentang Rakan Muda Maksiat. Mengapa kata Rakan Muda, "Rakan Maksiat"? Tuduhan-tuduhan itu boleh dikatakan tidak tepat dan berniat tidak baik. *(Tepuk)*

Saya beri sedikit penjelasan tentang Rakan Muda. Setelah negara kita maju boleh dikatakan pertumbuhan ekonomi pun berturut-turut lebih 8% dan belia-belia kita hari ini boleh dikatakan hidup senang dan kalau tidak ada aktiviti-aktiviti dianjurkan oleh kerajaan, nampaknya kita tidak ada bimbingan untuk belia-belia kita. Rakan Muda boleh dikatakan adalah satu projek yang amat sesuai untuk belia di negeri Kelantan kita dapati kerajaan tidak berapa menggalakkan projek ini tetapi itu satu negeri sahaja. Kita bernasib baik satu negeri sahaja yang katakan tidak sesuai. Lain-lain negeri boleh dikatakan menerima, sambutan amat baik; hingga hari ini sambutannya lebih kurang sejuta belia telah menyertai projek ini.

Saya di sini berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dan persatuan-persatuan belia atau persatuan-persatuan sukarela di negara kita bekerjasama kalau kita hendak menjayakan Rakan Muda di negara kita dan di setiap negeri. Konsep ini amat baik. Boleh dikatakan satu pedoman, satu dorongan untuk belia-belia di negara kita. Lain-lain itu kalau dirujuk kepada surat khabar, itu saya pun tidak tahu surat khabar apa. Saya tidak baca *Harakah*. Itu tidak betul. Kita tidak boleh rujuk kepada

mosquito newspaper dan saya sekali lagi hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Cadangan-cadangan yang membina, Kementerian Belia dan Sukan akan ambil perhatian. Terima kasih. *(Tepuk)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM29,910,000 untuk Maksud B. 17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM29,910,000 untuk Maksud B. 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM91,000,000 untuk Maksud P. 17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1994; dan RM40,000,000 untuk Maksud P. 17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM91,000,000 untuk Maksud P. 17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994; dan RM40,000,000 untuk Maksud P. 17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1995.

*Maksud B. 18 (Jadual Kedua) —*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepala Bekalan B. 18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas.

*(Tiada perbincangan)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM15,000,000 untuk Maksud B. 18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM15,000,000 untuk Maksud B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Maksud B. 19 (Jadual Pertama) —*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepala B. 19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas.

*(Tiada perbincangan)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM416,400 untuk Maksud B. 19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM416,400 untuk Maksud B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud P. 20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994) —*

*Maksud P. 20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1995) —*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepala Pembangunan P. 20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas.

*(Tiada perbincangan)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P. 20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1994; dan RM10 untuk Maksud P. 20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P. 20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994; dan RM10 untuk Maksud P. 20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1995.

*Maksud B. 22 (Jadual Pertama) —*

*Maksud P. 23, P. 24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994) —*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepala Bekalan B. 22 dan Kepala Pembangunan P. 23, P. 24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas.

*(Tiada perbincangan)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,544,600 untuk Maksud B. 22 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM6,544,600 untuk Maksud B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,100,000 untuk Maksud P. 23 dan RM5,100,000 untuk Maksud P. 24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,100,000 untuk Maksud P. 23 dan RM5,100,000 untuk Maksud P. 24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994.

*Maksud B. 25 (Jadual Pertama) —*

*Maksud B. 25 (Jadual Kedua) —*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepala Bekalan B. 25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

*6.45 ptg.*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada wang sebanyak RM163,385,544 yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan Angkatan Tentera Malaysia yang berkhidmat di bawah Pasukan Pengaman Bangsa-bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina dan Somalia.

Dalam konteks ini saya cuma ingin bertanya berapa ramaikah sekarang ini anggota tentera kita yang telah dihantar ke sana dan berapakah perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Kerajaan Malaysia? Berapa pulakah peruntukan yang diperolehi daripada Bangsa-bangsa Bersatu?

Oleh kerana kita dapat dengar ada terdapat rungutan-rungutan pasukan tentera kita yang dihantar ke luar negara, yang

pergi ke Kongo dan sebagainya, ada yang sehingga sekarang sama ada benar atau tidak benar bahawa mereka belum lagi mendapat ganjaran-ganjaran yang ditentukan untuk mereka.

Yang keduanya, apabila Bangsa-bangsa Bersatu menarik balik pasukan pengamanannya di Bosnia-Herzegovina, mereka akan mengerahkan beratus ribu tentera untuk withdrawal, dengan izin, ataupun penarikan kembali tentera-tentera. Dan juga, telah diputuskan bahawa Bangsa-bangsa Bersatu tidak mengizinkan tentera Malaysia terus berada di Bosnia-Herzegovina. Apakah pendirian pihak kerajaan dalam hal ini supaya Malaysia akan terus menegakkan hak asasi manusia sejagat tanpa mengira kaum dan agama? Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong.

*6.46 ptg.*

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, sekarang tidak ada banyak hendak bercakap, lebih daripada 10 minit Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** 3 minit pun cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya nampak daripada B. 16 sampai sekarang ini banyak yang tidak dibincangkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta Yang Berhormat teruskan 10 minit kerana kadang-kadang sebarang kemungkinan tidak dapat dielakkan.

**Seorang Ahli:** Jangan sibuk.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masih banyak Kementerian yang perlu kita habiskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, 40 minit.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 10 minit sahaja. *(Ketawa)*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, mengenai Angkatan Tentera kita di Bosnia dan Somalia, daripada Somalia itu kita sudah balik ke sini dan memang mereka ada memberi sumbangan yang baik untuk menyelesaikan masalah di Somalia walaupun masalah itu berterusan. Memangnya kita tidak boleh harapkan semua boleh selesai dengan pasukan tentera sahaja. Memang masalah politik mesti diselesaikan dahulu.

Walau bagaimanapun, kita masih ada pasukan kita di Bosnia yang menghadapi cabaran-cabaran daripada pihak Serb. Apakah langkah-langkah yang diambil supaya pasukan kita tidak akan ditangkap dan diberkas oleh pihak Serb seperti mana yang berlaku dengan pasukan-pasukan tentera lain seperti pasukan United Kingdom dan Perancis dan lain-lain negara yang ditahan oleh pihak Serb sebagai tebusan? Apakah langkah yang boleh kita ambil untuk mengelakkan daripada berlaku hal seperti ini ke atas pasukan Malaysia? Adakah kita akan meminta supaya kita dapat senjata yang lebih canggih (better fire power) untuk menentang pihak Serb ataupun seperti mana yang dilakukan dengan pasukan-pasukan lain? Yang lain, peranan yang boleh dimainkan oleh mereka adalah sangat terhad sehingga apabila menghadapi dengan pihak Serb, tidak boleh mempertahankan diri.

Adakah pihak NATO akan menukar dasar atau polisinya terhadap Serb? *(Disampuk)* Yan yang ada niat tidak baik. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya tidak kata apa-apa pun, kenapa Yang Berhormat? Tuan Pengerusi, wakil daripada Keping bercakap tengok orang lain; kena tengok Tuan Pengerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah pihak NATO akan mengubah sikap dan dasarnya mengenai masalah di Bosnia dan sekurang-

kurangnya memberi perlindungan yang cukup kepada pasukan-pasukan seperti pasukan Malaysia di Bosnia-Herzegovina? Patut Yan mengambil perhatian kerana ini masalah pasukan kita di Bosnia. Saya tidak mahu ahli anggota kita menghadapi kesusahan. Sekarang bilangan yang ditembak mati ataupun menemui maut pasukan kita di Bosnia, apakah bilangan sekarang dan sampai bila akan kita adakan pasukan ini di Bosnia. Kerana, nampaknya masalah di negara itu tidak akan diselesaikan dalam tempoh berapa bulan ataupun berapa tahun ini kerana masalah itu sangat rumit. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberi jawapan yang tepat mengenai keadaan yang ada sekarang.

Mengenai bayaran imbuhan kaki-tangan awam dan tentera yang menelan belanja yang begitu banyak, lebih RM108 juta, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan secara kasar apakah imbuhan ini yang memerlukan wang yang begitu banyak? Adakah ini hanya elaun? Kalau elaun, saya tak nampak begitu banyak diperlukan untuk angkatan tentera kita. Dengan imbuhan yang begitu banyak, saya berharap latihan bagi anggota angkatan tentera kita dapat dipertingkatkan supaya kita dapat satu tahap, satu kualiti yang lebih baik untuk pasukan kita. Adakah ini bermakna bilangan anggota tentera Malaysia akan ditambahkan? Apakah bilangan kakitangan awam yang ada di Mindef sekarang? Ada berapa ribu atau ratus orang sahaja? Apakah peranan mereka di Kementah (Mindef) ini?

**Seorang Ahli:** Cukup!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tak nampak banyak orang yang mempunyai maklumat daripada angkatan tentera sehingga hendak membuat kacau sahaja. *(Ketawa)* Saya pernah ada di dalam angkatan tentera, saya tahu sedikitlah . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Doktor kulit sahaja!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Parit Sulong tak pernah lagi dan tak berminat untuk menyertai pasukan. Tidak berminat, cagak sahaja di Dewan . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Doktor kulit.

**Seorang Ahli:** Jangan buang masa, cepat sikit!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, dia baru masuk, saya sudah cagak tadi, mana dia tahu? Dia doktor kulit pun kena buang tentera. (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya saya ada memberi perkhidmatan di dalam angkatan tentera, tetapi parit yang sulong tak pernah. (*Ketawa*) Ini orang sulong, susahlah. (*Ketawa*) Walau bagaimanapun, kita mesti mempertingkatkan kualiti tentera kita untuk menyambut era baru untuk menyahut abad ke-21 kerana setakat ini kita sudah membeli beberapa alat, termasuk pesawat MiG yang canggih. Saya pun bimbang juga sama ada kita dapat melatih juruterbang kita dapat mengendalikan pesawat-pesawat yang canggih ini dengan baik untuk memainkan peranan di dalam satu dekad ini. . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Menyampuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yan yang ada niat 'kun fa ya kun'. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yan bangun. Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah habis. Slow, slow, masa sudah habis. (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak boleh gulung?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tak boleh gulung lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jadi, saya mematuhi keputusan Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka hendak ambil bahagian?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, teruskan Kota Melaka.

6.55 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 26 dan berharap bahawa pihak kementerian boleh memberikan satu jawapan yang menyeluruh tentang beberapa perkara yang dibangkitkan mengenai beberapa penyelewengan, salah laku di pihak Kementerian Pertahanan.

Saya merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara di mana terdapat projek-projek sebanyak RM139 juta di mana Ketua Audit Negara berkata ada sesuatu yang tidak kena pada tempatnya. Misalnya, pada bulan Mac, 1991 penukaran enjin dan membaikpulih enjin dan janakuasa untuk kapal perang KD Hang Tuah yang pada asalnya telah dibeli dengan harga RM15 juta pada tahun 1977 tetapi selepas dibeli. . . . .

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Tetapi, Yang Berhormat, ini dalam jawatankuasa. Yang Berhormat itu menyentuh dasar. B. 25 terhad kepada dua item; pertama, tentera di Bosnia-Herzegovina dan kedua, imbuhan kaki-tangan. Bukan fasal kontrak-kontrak, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu tentang imbuhan kakitangan adalah penting, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ini perkara biasa dalam jawatankuasa. Yang Berhormat terhad kepada maksud Bekalan sahaja.

**Seorang Ahli: (Menyampuk)**

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, tadi ada beberapa Ahli Parlimen yang merayau-rayau sampai ke Kuala Nerus, ke Terengganu, sungguhpun tak ada butiran berkaitan dengan lawatan Perdana Menteri ke Terengganu, tetapi ini dibenarkan oleh pihak Tuan Pengerusi.

Di sini saya merujuk tentang kelengkapan yang diberikan kepada ahli tentera kita . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebetulnya menurut Peraturan Mesyuarat memang saya sudah umumkan awal tadi bahawa . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, Tuan Pengerusi. Bolehkah saya berikan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat lebih tahu dari saya, Yang Berhormat lama dalam Parlimen . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tak berani lebih fasih daripada Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mintalah Yang Berhormat tumpukan kepada tajuk-tajuknya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi bolehkah saya berikan ini sebagai satu contoh kerana kita sebutkan tentang alat-alat kelengkapan yang diberikan kepada angkatan tentera . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Parit Sulong. Nanti sekejap, Yang Berhormat. Beri jalan kepada point of order. Sila, point of order, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Point of order. Sit down, point of order.

**Tuan Lim Guan Eng:** Not moon shine, ha?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Point of order, 36 (1).

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, kita sudah buat keputusan, Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat patuhlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan patuh, Tuan Pengerusi, tetapi di sini saya adalah merujuk tentang imbuhan kepada angkatan tentera dan juga untuk membiayai perbelanjaan kepada MALBATT yang bertugas di Bosnia. Adalah rujukan tentang alat kelengkapan yang dipakai oleh mereka dan ini adalah sebagai satu contoh . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, imbuhan dan alat kelengkapan kontrak itu lain, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sama.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini ialah untuk memastikan prestasi yang baik.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat kena berucap mengikut point. Kalau tidak, Yang Berhormat punya masa sudah habis.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ada 10 minit sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Beri dia sedikit ruangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya harappihak Timbalan Menteri Pertahanan yang baru ini, yang memang telah pakar tentang perkara-perkara luar negeri, tetapi harap jangan takut tentang perkara ini. Saya tahu bukan tanggungjawabnya, ini sebelum itu . . . . .

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kita faham ini perbelanjaan bagi tahun 1994/1995. Jadi, mengapa perbelanjaan itu masuk dalam perbincangan kita?

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan takut nak tutup skandallah . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** 'Nang bu ti nang, kui bu ti kui'!

**Tuan Lim Guan Eng:** Skandal ini tahun 1985 masih ada.

**Seorang Ahli:** Out of context!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya sudah buat keputusan, Timbalan Menteri tak bersetuju bahawa perbincangan ini harus melarat kepada perkara yang lain. Saya minta Ahli Yang Berhormat tumpukan perbincangan kepada Maksud B. 25.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sebagai satu contoh dan Timbalan Menteri Pertahanan bukan Speaker. Dia mana boleh berikan arahan kepada Speaker?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bukan, Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau lain kali dia jadi Speaker, saya akan akur, tetapi dia sekarang bukan. Harap dia sabar sedikitlah. Saya rasa pun tak mahu jadi Speaker . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka, Parit Sulong bangun. Minta jalan atau . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan, saya tak beri. Saya nak habiskan perkara ini. You sudah buang masa saya, saya tak beri.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order lagi, Yang Berhormat. Beri jalan kepada point of order.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya minta dia patuh kepada point of order tadi. Janganlah hendak tunjuk . . . . .

**Seorang Ahli:** Point of order nombor berapa?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tak cakup. (*Ketawa*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Baiklah, saya pun tak mahu cakup yang lain-lain . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau you tak cakup, saya pun tak mahu cakup yang lain-lain. Jangan paksa saya . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, point of order. Masa sudah cukup 10 minit, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, belum cukup masa, Yang Berhormat. (*Ketawa*) Minta teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Inilah standard Ahli Parlimen Barisan Nasional betul-betul menakjubkan . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Menyampuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, tengok. Ini standard yang penuh menakjubkan . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya memperingati Tuan Pengerusi tentang masa, jadi Yang Berhormat tak boleh kata macam itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Betul-betul menakjubkan, inilah standard Barisan Nasional.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Apa, Yang Berhormat ingat Yang Berhormat baikkah? Kalah beberapa kerusi, tak malukah?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tak kalah . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kalau tak kalah pun, semua majoriti turun, tak cukupkah itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu lain, itu mungkin jadi masalahlah.

Tuan Pengerusi, saya hendak teruskan ucapan saya kerana ada orang yang tak mahu dengar tentang skandal, tetapi ini telah berlaku. Saya harap penjelasan yang penuh boleh diberikan oleh pihak kementerian. Jangan tutup perkara ini, sebab ini penting, bukan sahaja keselamatan angkatan tentera tetapi juga isu ketelusan, isu akauntabiliti RM139 juta yang terbabit dalam Laporan Ketua Audit Negara. Dan tentang kapal perang, beli 1977-RM15 juta tetapi membelanjakan RM55 juta dan sungguhpun belanja RM55 juta, masih tak boleh pakai lagi, apa sistem ini?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka masa sudah habis, saya sudah beri ruling, Yang Berhormat. Yang Berhormat berucap tidak mengikut Butiran yang telah ditetapkan, saya tidak boleh beri Yang Berhormat berucap macam itu. (*Tepuk*) Kalau Yang Berhormat hendak berucap point yang berkaitan, saya beri 5 minit, kalau tidak Yang Berhormat tidak boleh berucap macam itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sebagai contoh.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ini peraturan Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak boleh mempertikaikan keputusan . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi Barisan Nasional berucap benarkan, tetapi kalau pembangkang berucap tidak benarkan, mana adil Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya tidak pernah benarkan siapa-siapa berucap keluar daripada tajuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi, Barisan Nasional benarkan — mana ada kebebasan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya tidak pernah buat macam itu Yang Berhormat. Yang Berhormat tahu saya punya style, saya tidak pernah . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tahu . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 'Bias' kepada siapa-siapa pun.

**Tuan Lim Guan Eng:** . . . . . tetapi saya cuba akur . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:**  
(*Mengganggu*)

(*Kedengaran bunyi Telefon Bimbit*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta Ahli Yang Berhormat, lain kali masuk dalam Parlimen pastikan ATUR itu ditutup. Kepong, sudah dua kali. (*Ketawa*) Itu sebagai rekod dalam *Hansard*.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu bukan saya punya, mana saya tahu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong! (*Ketawa*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak ada handset di sini. Tuan Pengerusi, kalau boleh saya teruskan . . . . .

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Setiausaha Parlimen bangun, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Alor Setar duduklah!

**Tuan Chor Chee Heung:** Point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat ini . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, point of order, sila suruh dia duduk . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini bukan pengangkutan . . . . .

**Tuan Chor Chee Heung:** Saya percaya dia kena mematuhi sedikit-sebanyak . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan kacau, ini bukan Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Peraturan Dewan ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini bukan Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Saya timbulkan, point of order . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order, ya.

**Tuan Chor Chee Heung:** . . . . . takkan tidak dengar lagi.

**Seorang Ahli:** Ke berapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini bukan Kementerian Pengangkutan. Saya tidak tahu mengapa dia sibuk sangat ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, teruskan point of order, Yang Berhormat.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya percaya semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini kena mematuhi ruling yang dibuat oleh Tuan Pengerusi. Dia tidak boleh berdialog macam itu! Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka minta jangan lari dari tajuk ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat ini makan salah ubatlah. (*Ketawa*) Cakap yang bukan-bukan.

**Tuan Chor Chee Heung:** On a point of order . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Chor Chee Heung:** 36 (6) — sangkaan jahat. (*Ketawa*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Seperti yang saya katakan tadi . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Apa hal, Yang Berhormat?

**Tuan Chor Chee Heung:** Point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kacau lagi!

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, 36 (6). Saya percaya apa yang dikatakan adalah sangkaan jahat terhadap saya. Saya harap dia tarik balik dahulu, kalau . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Apa yang dia kata Yang Berhormat.

**Tuan Chor Chee Heung:** Dia kata saya makan silap ubat. (*Ketawa*) Saya tidak akan duduk kecuali dia tarik balik.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Makan ubat apa Yang Berhormat?

**Tuan Chor Chee Heung:** Ya?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat kata makan ubat apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, sayarasa dia punya soalan tadi . . . . .

**Tuan Chor Chee Heung:** Tak — tak . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Diapunya soalan tadi, dia punya penjelasan tadi serupa seorang yang makan salah ubat, apa salahnya?

**Tuan Chor Chee Heung:** Kalau macam itu saya percaya . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat nampakkah, Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Chor Chee Heung:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pun . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Mana ada sangkaan jahat.

**Tuan Chor Chee Heung:** . . . . . makan ubat yang silaplah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini orang macam ini . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yan duduk!

**Tuan Lim Guan Eng:** Yan, jangan bangun lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat ada 2 minit lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. Boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi, mengenai satu perkara yang penting di mana dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ialah sesuatu yang sangat besar, sebanyak RM310 juta keseluruhannya. Kalau kita ikut yang telah diluluskanlah, tetapi yang kita hendak pastikan ialah adakah jumlah wang ini dibelanjakan dengan baik — properly accounted for, bukan macam kapal terbang KD Hang Tuah — RM70 juta (*Ketawa*). Kapal perang KD Hang Tuah RM70 juta, beli RM15 juta . . . . .

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** . . . . . belanja RM70 juta, sekarang masih tidak boleh pakai, di mana wang itu pergi? Itu yang kita hendak pastikan. Kalau kita percaya tentang 'prinsip ketelusan' — jawablah. Mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memang baik orangnya . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah habis, Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi saya rasa mesti accountable.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka, masa sudah habis.

**Tuan Lim Guan Eng:** Belum habis.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah habis Yang Berhormat — sudah habis Yang Berhormat 10 minit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat, tidak bolehlah macam ini. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya kena strict fasal masa, 10 minit sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini not fair. Bolehkah berikan 3 minit lagi?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ini ramai orang kacau . . . . .

**Seorang Ahli:** 3 tidak boleh, 2 boleh . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** 3 minit.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yan, nanti sekejap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita hendak pastikan wang yang dibelanjakan itu menepati tujuan yang ditetapkan dan saya hendak meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan yang baru tunjukkan bahawa ada sistem baru, ada style baru yang terbuka, tidak ada skandal yang akan ditutup. Itu yang saya harapkan, jangan seperti yang lepas semuanya tutup skandal. Sekarang buka skandal. Kalau ada orang yang melakukan salah ambil tindakan keras kepadanya kerana pertahanan negara akan terkorban kalau kita membenarkan skandal serupa ini berlaku. Macam mana kita hendak mempertahankan negara kalau kita membenarkan penyelewengan, skandal, wang yang dibelanjakan tetapi tidak ada guna langsung . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Okay, Yang Berhormat masa sudah habis.

**Tuan Lim Guan Eng:** RM70 juta bukan jumlah yang kecil. Sekian terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sudah habis masa Yang Berhormat ya. Tidak ada lagi? Diminta kementerian menjawab.

7.08 m/m.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Wakil-wakil Rakyat yang mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa berkenaan dengan peruntukan tambahan bagi Kementerian Pertahanan.

Pertamanya Yang Berhormat dari Parit Sulong saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana membangkitkan perkara berkenaan dengan anggota kita di Bosnia-Herzegovina yang kini berjumlah 1,533 orang. Dan setelah keadaan di Bosnia-Herzegovina lebih tegang, maka kita telah memohon kepada PBB untuk menambahkan sehingga menjadi sebuah Brigade, menambahkan dengan jumlah sebanyak 1,500 orang lagi. Tetapi malangnya pihak PBB telah menolak permohonan awal kita dan setelah kita merayu hanya membenarkan kita menambahkan anggota tentera seramai 300 orang.

Pada peringkat ini kita setuju untuk menghantar tambahan itu dan kita masih lagi menyatakan pada pihak PBB, yang kita masih lagi sanggup menghantar yang lebih itu supaya jumlahnya cukup 3,000 anggota, yang mana kita berfikir dengan jumlah yang 3,000 itu akan memberi suatu keadaan yang cukup untuk kita mempertahankan keselamatan dan kesejahteraan anggota kita di sana, kalau timbulnya perkara-perkara yang tidak diinginkan di Bosnia-Herzegovina.

Kita masih lagi menekankan, masih lagi mendesak pada pihak PBB agar bakinya itu juga akan dipertimbangkan untuk kita hantar

dalam masa yang akan datang. Apatah lagi sekiranya beberapa negara ingin menarik balik anggota mereka di samping keadaan di Bosnia-Herzegovina itu kian meruncing.

Yang Berhormat dari Kepong telah menyebutkan banyak perkara yang akan saya sentuh secara umum sahaja, sebab ianya bukanlah perkara-perkara yang saya anggapkan, yang benar-benar untuk hendak memperelokkan perbincangan kita petang ini, hanya hendak mengisikikan masa sahaja dalam *Hansard*, dia suka namanya keluar dalam *Hansard (Ketawa)*, maka saya akan jawab secara kasar sahaja, sebab beliau menyentuh banyak perkara dan kalau kita hendak menjawab tiap-tiap satu perkara, mungkin ia akan mengambil masa yang agak panjang juga.

Pertamanya, mengenai langkah-langkah yang kita ambil untuk mengelak anggota kita daripada tertangkap oleh pihak Serbia di Bosnia. Caranya kita hendaklah menasihati mereka supaya berjaga-jaga, mereka sentiasa dalam keadaan bersiap sedia dan mengelakkan diri daripada mendekati mana-mana kawasan yang menimbulkan kecurigaan di segi tempat-tempat yang ada pertempuran.

Kita juga telah menarik balik kita punya military observers, pemerhati tentera kita yang bertugas dengan PBB yang berpusat di Zagreb, kerana tugas mereka ini terpaksa pergi ke banyak tempat, maka mereka lebih menanggung risiko yang tinggi untuk ditawan oleh pihak Serbia. Maka kita telah pun membuat keputusan menarik balik kita punya observers daripada menyertai Pasukan UN di Bosnia-Herzegovina dengan tujuan untuk mengelak mereka daripada ditangkap oleh pihak Serbia.

Setakat ini kita yakin dan kita merasakan bahawasanya anggota kita itu berada dalam keadaan dan kawasan yang agak terselamat dan tidak ada risiko di mana mereka boleh ditangkap oleh pihak Serbia.

Tentang dasar NATO sama ada kita akan berubah ataupun tidak, ini saya kira Yang Berhormat bertanya bagi pihak NATO, ini kita punya anggapanlah. Saya tidak boleh beri jawapan yang tepat sebab ini dasar NATO, itu pasal kerajaan negara kita atau Kementerian Pertahanan nampak bahawasanya NATO dalam masa yang singkat ini tidak mungkin boleh menukarkan dasar mereka, kecuali keadaan di Bosnia-Herzegovina lebih genting dan lebih meruncing lagi, maka tak mungkin . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong minta jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** . . . . mereka akan buat apa-apa perubahan dasar. Dalam pada itu mereka telah pun membuat satu rancangan untuk mewujudkan satu Rapid Action Force.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sebentar, saya hendak habiskan ini dahulu. Untuk hendak memastikan Rapid Action Force ini yang dianggotai oleh tentera-tentera daripada Britain, Holland dan Perancis untuk berada di Bosnia-Herzegovina sekiranya perlu pula dikeluarkan segala tentera pengaman PBB dari Bosnia-Herzegovina, maka Rapid Action Force ini akan dapat membantu memastikan tentera-tentera yang bertugas di Bosnia-Herzegovina di bawah payung-payung, panji-panji PBB ini akan dapat dikeluarkan dengan cepat dan selamat. Itu satu perubahan dasar yang dibuat di akhir ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, komen oleh Yang Berhormat tadi itu tidak tepat, sebab itu saya anggap serius mengenai soal-soal yang saya bangkitkan.

Kalau itulah anggapan Yang Berhormat mengenai hujah saya, maka jawapan pun untuk mengisi masa sahaja.

Tuan Pengerusi, saya bimbang kerana walaupun observer kita sudah ditarik balik, itu satu langkah yang baik. Walau bagaimanapun, di dalam aktiviti tentera ini di mana-mana kita ada pun boleh diadakan serangan hendap dan sebagainya, dengan serangan luar biasa yang menyebabkan anggota-anggota boleh ditangkap oleh pihak musuh. Ini besar kemungkinan hal ini boleh berlaku di kawasan-kawasan peperangan. Apakah dari segi pihak kita yang kita anggap mengenai tindakan yang diambil oleh NATO. Saya nampak pada akhir-akhir ini oleh kerana anggota-anggota tentera negara-negara NATO ditahan, maka dia buat serangan. Kalau tidak, tidak akan buat serangan langsung. Adakah ini bermakna hanya bila kepentingan mereka terjejas, maka ada tindakan. Kalau tidak, tidak akan ada tindakan langsung.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Apa yang saya katakan awal-awal tadi, oleh kerana semua Yang Berhormat tanya adalah perkara-perkara yang telah pun disebar oleh media massa, media elektronik, sudah ada jawapan. Saya kira saya akan hanya mengulangi apa yang telah diberitahu di lain-lain masa, di lain-lain ketika oleh banyak pihak dan keadaan-keadaan yang berlaku di Bosnia-Herzegovina. Itulah saya katakan ini merupakan repetition tentang apa yang saya hendak jawab. Tetapi oleh kerana bertanya, maka tugas saya untuk menjawab.

Berkenaan dengan anggota kita ditangkap itu kita nampak risikonya kurang sedikit. Pihak Serbia lebih suka menangkap tentera pengaman daripada negara Barat, sebab mereka takut mereka diserang oleh tentera Barat. Maka mereka gunakan tentera daripada Barat untuk ditahan jadikan perisai supaya mereka tidak diserang oleh pihak Barat. Sebab mereka memang tak tahan

lain-lain tentera daripada Malaysiakah, Bangladeshkah atau Pakistankah, tidak, sebab mereka tidak mahu. Mereka anggap tentera pengaman dari negara-negara itu sebagai perisai yang baik, sebab itu mengapa mereka lebih suka menahan anggota-anggota tentera pengaman dari negara-negara Barat. Sekarang pun mereka sudah lepaskan, tinggal hanya segelintir sahaja ditahan sebagai perisai. Maka chances kita, dengan izin, untuk ditahan adalah tak begitu tinggi. Walau bagaimanapun, kita telah mengarahkan dan mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya tentera kita tidak akan ditahan oleh pihak Serbia.

Jumlah anggota kita sebenarnya perkara ini tak boleh diumumkan secara rasmi, sebab sudah tentu musuh mahu tahu kekuatan dan kelemahan kita. Tetapi jumlah anggota itu saya ingin beritahu mencukupi untuk keperluan kita semasa. Kalau hendak tahu secara sulit saya boleh beritahu kemudian di luar Dewan. Itu kalau Yang Berhormat sanggup simpan rahsia.

Tentang berapa lama kita akan kekal di Bosnia-Herzegovina, tertakluk kepada keputusan PBB. Kita pergi ke sana pun di atas kehendak dan di atas keputusan PBB. Sekiranya PBB memikirkan semua tentera pengaman terpaksa keluar, kita mungkin terpaksa mengikut arahan PBB sebab PBB ialah yang bertanggungjawab bagi memastikan kepergian kita dan mereka bertanggungjawab untuk memastikan mereka akan balik ataupun tidak.

Tuan Pengerusi, tentang hendak tambah anggota ATM, kerajaan pada dasarnya untuk masa hadapan dan telah pun mengumumkan bahawasanya dasar kita masa depan ialah hendak mengurangkan jumlah, tetapi hendak mempercanggihkan peralatan kita, kerana sekarang ini senjata kita lebih sophisticated, lebih canggih, maka kita kurang kedudukan jumlah anggota dan lebih memerlukan senjata-senjata, weapon yang lebih sophisticated, yang lebih up-to-

date. Pada dasarnya kita hendak mengurangkan pada kadar yang sesuai dengan keadaan semasa. Jumlahnya pun tak dapat saya umumkan di Dewan yang mulia ini.

Tentang pengendalian kapal-kapal dan pesawat-pesawat yang canggih yang kita beli, sudah tentu kita hendak beli tanpa apa-apa persediaan untuk memastikan pesawat-pesawat yang canggih itu tak dapat kita kendalikan gunakan dengan sebaik mungkin. Kita beli dengan juga memastikan yang ada orang-orang kita yang kita hantar awal-awal lagi untuk mempelajari tentang pengendalian, tentang kegunaan, tentang cara-cara hendak ganti spare-parts dan berbagai lagi. Kita juga ada perjanjian dengan negara-negara pembekal itu akan kita tukar-tukar teknologi agar kita akan dapat memanfaatkan alat-alat yang canggih itu sebaik mungkin. Ini satu usaha, satu kerja yang kita buat berterusan, bukan sahaja dalam pembelian yang baru ini, yang dahulu pun begitu juga. Saya percaya di masa depan pun semua pembelian ada cara-caranya untuk memastikan agar pembelian itu akan tidak rugi dan akan dapat kita gunakan dan memanfaatkannya sebaik mungkin.

Yang akhirnya tentang Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sahabat saya itu, kita nampak dia terang-terang bercakap luar daripada tajuk yang kita perbincangkan pada petang ini. Tak mengapa saya jawab. Kalau nak jawab saya boleh jawab di lain masa. Sila tanya, no problem. Bukan hendak sorok, bukan takut, kita ada jawapan yang tepat, tetapi masa pun tak sesuai pada hari ini, tak cukup pun untuk saya bincang tentang isu yang berbeza dengan isu pada petang ini, maka saya jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Sudah habis, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM163,385,544 untuk Maksud B. 25 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah RM147,563,000 untuk Maksud B. 25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM163,385,544 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak RM147,563,000 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Maksud B. 26 (Jadual Pertama) —*

*Maksud B. 26 (Jadual Kedua) —*

*Maksud P. 26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994) —*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepala Bekalan B. 26 dan Kepala Pembangunan P. 26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas sekarang. Seputeh.

7.21 mlm.

**Tuan Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Pengerusi, oleh kerana masa dihadkan 10 minit, saya akan menyentuh satu perkara tentang masalah pendidikan. Tambahan sebanyak RM60 juta adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran kemajuan pembinaan sekolah-sekolah rendah.

Tuan Pengerusi, kira-kira 62,500 penduduk Cina daripada jumlah 125,000 orang penduduk di Bandar Baru Wangsa

Maju dalam Wilayah Persekutuan, sejak beberapa tahun yang lalu mereka mendesak kerajaan membina sekolah rendah jenis kebangsaan aliran Cina bagi kemudahan pendidikan peringkat rendah anak-anak mereka dalam aliran Cina. Setakat ini, mereka hanya bergantung kepada sekolah yang sedia ada dengan menampung bilangan murid yang terlalu ramai iaitu di SRJK (C) Man Yee di Jalan Genting Kelang, Setapak.

Sekolah SRJK (C) Man Yee hanya mempunyai 18 bilik darjah sahaja dengan bilangan murid pada tahun 1990 ialah 1,355 orang. Oleh itu, sekolah berkenaan terpaksa menampung sepenuhnya bilik darjah bagi "seksi" pagi dan "seksi" petang. Kerana jumlah bilik darjah yang diperlukan ialah 28 buah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, "seksi" atau sesi.

**Tuan Liew Ah Kim:** Sesi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Baiklah.

**Tuan Liew Ah Kim:** "Seksi" pun tidak apalah! (*Ketawa*)

Fakta ini menunjukkan bahawa setiap bilik darjah terpaksa menampung di antara 45 hingga 50 orang murid.

Tuan Pengerusi, kesesakan dalam bilik darjah lebih buruk daripada kesesakan lalu lintas (*Ketawa*) jalan raya kalau kita memahami aspek pendidikan. Dalam sistem pendidikan 3M yang dipraktikkan bilangan maksimum bagi satu bilik darjah ialah 30 orang sahaja. Kebanyakan murid-murid yang tinggal di Wangsa Maju terpaksa berulang alik ke sekolah SRJK (C) Man Yee yang jaraknya di antara 4 kilometer hingga 12 kilometer. Jarak perjalanan yang jauh, di samping kesesakan dalam bilik darjah boleh menjejaskan pencapaian pendidikan murid-murid.

Mereka bukan sahaja keletihan kerana terpaksa ke sekolah lebih awal dan balik ke rumah terlalu lewat, tetapi juga mengalami tekanan mental apabila masuk ke bilik darjah yang penuh sesak.

Tuan Pengerusi, terdapat 287 buah sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam tahun 1990 tetapi daripada jumlah ini hanya 41 buah sahaja sekolah rendah jenis kebangsaan aliran Cina. Kenapa sebanyak 41 buah sahaja sekolah rendah jenis kebangsaan aliran Cina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kalau dibandingkan komuniti Cina berjumlah 680,200 orang daripada jumlah 1.4 juta keseluruhan warga kota Kuala Lumpur? Tentulah tidak adil dengan 60% komuniti Cina menjadi penduduk Wilayah Persekutuan tetapi hanya 41 buah sahaja sekolah rendah untuk mereka dibandingkan dengan 287 buah keseluruhan sekolah rendah di Wilayah Persekutuan. Apakah kerajaan sengaja mahu mengenyepikan kesesakan 5,027 keluarga di Wangsa Maju yang mendesak kerajaan membina sekolah rendah jenis kebangsaan?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tak layak.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order, Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Apa point of order?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, nanti.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Janganlah sombong sangat, saya ada point of order.

**Tuan Liew Ah Kim:** Itu bukan point of order.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Point of order. Duduklah!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Saya belum hendak bercakap, dia kata 'tak layak', Tuan Pengerusi, apa punya mentaliti ini?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Hm! Tidak mengapalah Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Saya menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada 36 (1). Dia sudah bercakap fasal dasar ini, fasal sekolah, ini fasal gaji yang kita sedang bincangkan ini.

**Tuan Liew Ah Kim:** Jangan buang masa.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Tuan Pengerusi, saya bukan buang masa.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, saya akan buat keputusan. Saya menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Seputeh sebenarnya kalau hendak menyentuh soal pembangunan Maksud P. 26 saya rasa itu tak kena. Dan Maksud B. 26 ini pun nampaknya Yang Berhormat bercakap dasar.

**Tuan Liew Ah Kim:** Pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan ini — ini pembangunan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat menyentuh soal emolument dan sebagainya, itu memang ada kena mengena.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, ada banyak 26 (1) bayaran kemajuan pembinaan sekolah-sekolah rendah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya tahu.

**Tuan Liew Ah Kim:** Saya bercakap tadi berkenaan construction of primary schools.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu sebabnya saya beri Yang Berhormat berucap tadi, tetapi Yang Berhormat janganlah pergi jauh sangat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Pengerusi, itu saya patuhi. Tetapi ada orang dengan tujuan hendak kacau ganggukan!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, janganlah bercakap macam itu. Ini keputusan saya.

**Tuan Liew Ah Kim:** Baiklah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Parit Sulong bangun lagi ini.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Pengerusi, isu pendidikan Cina tidak boleh dianggap sebagai isu perkauman kerana secara rasional kita harus menerima hakikat ke manakah kita akan membawa komuniti Cina kalau masa hadapan pendidikan mereka dimusnahkan? Apakah kerajaan rela melihat komuniti Cina di negara ini

menjadi robot yang tidak mampu memberi apa-apa sumbangan kepada pembangunan dan kebangkitan intelektual masyarakatnya? Apa yang berlaku di Wilayah Persekutuan sekarang menjadi tanda tanya, bagaimanakah identiti masyarakat Cina yang akan dilahirkan menjelang era 2020 akan datang sekiranya pendidikan anak-anak mereka sekarang dipandang sepi? Tentulah menyedihkan kerana komuniti Cina di Wilayah Persekutuan hanya mempunyai 41 buah sahaja sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan tidak mustahil . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli Yang Berhormat dari Seputeh, sebelum Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong membangkitkan sesuatu, saya hendak menasihatkan Ahli Yang Berhormat akur kepada apa yang diputuskan tadi. Cukup jelas itu Yang Berhormat, sebab Maksud B. 26 itu kalau Yang Berhormat kaji dengan teliti memang tidak ada yang bersabit dengan apa Ahli Yang Berhormat bangkitkan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Memang ada bersabit, tentang pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ini keputusan saya, saya tidak berhajat hendak bincang ataupun bahas dengan Yang Berhormat, itu bukan kerja saya. Ini keputusan saya.

**Tuan Liew Ah Kim:** Adakah Tuan Pengerusi menafikan hak saya untuk berucap dalam Dewan ini? Saya mewakili Seputeh, untuk penduduk di kawasan Seputeh! *(Pembesar suara dimatikan)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak! Yang Berhormat, ini bukan penafian, sebenarnya Yang Berhormat, kalaulah Yang Berhormat bercakap

ataupun membahas sesuatu dengan mengikut Peraturan Mesyuarat dan juga butiran yang terbentang di sini, saya rasa saya izinkan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Saya bercakap ada kaitan dengan masalah yang dibentangkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak! Bercakap dasar itu saya akan izinkan, tetapi masa ini tidak.

**Tuan Liew Ah Kim:** Masalah kekurangan sekolah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Baca dengan teliti sebelum Yang Berhormat hendak 'challenge' ataupun hendak cabar apa yang telah diputuskan. Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tidak apalah, saya berhenti di sini. Tuan Pengerusi nafikan itu hak saya untuk berucap dalam Dewan ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ini terpulang kepada interpretasi Yang Berhormat, tetapi sekadar pandangan Yang Berhormat, cukuplah!

**Tuan Liew Ah Kim:** You can have your ruling.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, silakan.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Pengerusi, point of order. Izinkan saya menarik perhatian Majlis yang mulia ini kepada . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, point of order atas apa?

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** 44 (1).

**Tuan Liew Ah Kim:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, tidak, saya rasa sudah cukup.

**Tuan Liew Ah Kim:** Okaylah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, hendak berucap, sila.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Saya sudah, Tuan Pengerusi, kerana dia sudah duduk itu, okaylah, saya cuma hendak tarik perhatian dia tadi, itu sahaja, kerana dia degil sangat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Sebenarnya itu tidak timbul.

**Tuan Liew Ah Kim:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Seputeh. Cukuplah.

7.32 mlm.

**Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang telah memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995 dan Usul yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Perbekalan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa yang amat terhad, saya akan hanya menyentuh tajuk Maksud B. 26 dan P. 26, Kementerian Pendidikan. Perkara khusus yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan kali ini ialah di bawah Maksud P. 26 Butiran 00100 dan 00200 — Kertas Perintah 3A Tahun 1995 di bawah tajuk

Pendidikan Rendah dan Menengah yang berjumlah RM100 juta yang diperuntukkan untuk membiayai kemajuan pembinaan sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan yang begitu prihatin kepada kemudahan prasarana sekolah yang dilipatgandakan.

Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum, dalam usaha kita untuk meningkatkan mutu pendidikan negara dan dalam rangka menjadikan negara ini sebagai pusat ilmu, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kemudahan dan mutu prasarana yang ada hendaklah yang terbaik. Jadi, dengan adanya peruntukan untuk memperbaiki kemudahan yang sedia ada — ia adalah amat dialu-alukan.

Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum, untuk melahirkan generasi yang berwibawa, pelajar yang hendak dididik mestilah mempunyai ketrampilan dalam dua aspek iaitu pembinaan rohani dan jasmani. Tidak ada gunanya kita mempunyai jasmani yang baik tetapi mempunyai rohani yang rapuh dan mudah dicemari oleh unsur-unsur negatif. Saya bangkitkan perkara ini kerana masalah disiplin pelajar amat ketara dewasa ini seperti masalah bohsia, bohjan, lepak, samseng, budaya kuning, ponteng sekolah, dadah dan segala macam maksiat yang melanda pelajar-pelajar kita sekarang ini. Di manakah silapnya perkara ini?

Tuan Pengerusi, oleh itu, di sini saya ingin mencadangkan supaya kementerian mengambil kira kaedah-kaedah yang terbaik bagaimana hal ini boleh diatasi. Jika perlu kalau kerajaan ada membuat peruntukan untuk memperbaiki pembinaan sekolah-sekolah rendah dan menengah, maka sudah sewajarnya peruntukan yang serupa dibuat untuk memperbaiki masalah rohani, mental dan disiplin pelajar kita.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B. 26 di bawah Kertas Perintah 1A Tahun 1995 yang mempunyai tambahan sebanyak RM111 juta lebih yang dikehendaki untuk membiayai bayaran tambahan kakitangan awam, 1994.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah mengeluarkan peruntukan yang banyak untuk memberi imbuhan ke atas kakitangan awam di bawah Kementerian berkenaan. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi perkara yang perlu dibuat bagi membalas jasa guru-guru yang telah berbakti kepada anak-anak kita selama ini. Isu yang saya ingin bangkitkan ialah kesukaran bagi guru-guru untuk mendapatkan kemudahan, seperti mendapatkan pinjaman membeli kenderaan, komputer dan sewa rumah kerana masalah rumah adalah satu masalah yang berat ditanggung oleh guru-guru. Sebagai bekas seorang guru yang pernah duduk di bandar, masalah ini amat berat ditanggung oleh guru.

Tuan Pengerusi, masih banyak lagi perkara yang saya ingin bangkitkan, tetapi oleh kerana masa begitu suntuk, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Parit Sulong.

*7.35 mlm.*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.26 — iaitu wang sebanyak RM111,917,636. Di sini, saya cuma ingin menarik perhatian Kementerian Pendidikan kepada masalah kaunseling. Masalah kaunseling sepatutnya dijadikan satu perkara (assistant) yang integral, yang penting di dalam persekolahan anak-anak, khususnya di sekolah menengah.

Tuan Pengerusi, saya dapati, kehadiran guru-guru kaunseling ini mungkin kurang berkesan kerana ada sesetengah anak luar bandar yang mendapat kelulusan pangkat satu yang memohon untuk membuat kursus-kursus matrikulasi, tetapi mereka ditolak. Ditolak bukan kerana mereka tidak layak, tetapi ditolak kerana mereka tersalah memilih kursus. Jadi, siapa yang harus dipersalahkan? Anak ini menjadi mangsa.

Jadi, saya harap kaunseling itu skop dan 'function'nya, dengan izin, harus di perjelaskan. Adakah guru-guru kaunseling hanya wujud di sekolah untuk menyelesaikan ataupun meminimumkan masalah disiplin? Adakah guru kaunseling hanya wujud di sekolah-sekolah untuk membendung gejala keruntuhan akhlak ataupun kebobrokan generasi, sebagaimana saya suka suarakan. Adakah guru kaunseling wujud di sekolah-sekolah untuk membantu perkembangan kerjaya? (Career Development). Aspek-aspek ini, seperti yang saya kata, harus diperjelaskan, diperincikan supaya murid-murid sekolah akan mendapat manfaat yang lebih besar dan lebih berkesan dari kehadiran guru-guru kaunseling.

Tuan Pengerusi, kesannya — anak-anak di luar bandar selalunya dia mempunyai 'inferiority complex' di peringkat awal kehidupan mereka dan saya mengalami ini oleh kerana saya sendiri pun anak luar bandar. Waktu kami ke sekolah dahulu tidak ada khidmat guru-guru kaunseling ini, tetapi sekarang telah wujud dan mungkin kewujudan itu dahulu didorong oleh kerana keruntuhan akhlak, tetapi sekarang ini kita mahu menyalurkan 'streaming' anak-anak ini ke arah masa depan yang terancang. Jadi, salah satu perancangan sumber manusia — Menteriya ada di sini — ialah dengan penyaluran generasi kita dengan lebih awal.

Guru-guru kaunseling, umpamanya, harus diberi tugas untuk membuat 'personality trade test' — kajian personaliti seseorang. Anak-anak yang kelihatan boros, tidak boleh digalakkan mengambil kajian perniagaan (business administration) atau banking. Anak-anak yang agresif mungkin boleh disalurkan kepada kerjakerja luaran — marketing, umpamanya. Jadi janganlah anak yang lulus gred 1, agregate 8 atau 10 tetapi apabila memohon untuk matrikulasi — ditolak, bukan kerana dia tidak layak, tetapi kerana salah membuat pilihan. Siapa yang hendak membantu anak-anak ini?

Saya, sebagai Wakil Rakyat di luar bandar selalu didatangi oleh ibu bapa dan anak-anak murid. Dia kata "Yang Berhormat", anak saya ini hendak buat apa ini dapat first grade?". Dia tidak tahu mana hendak pergi? Masa depannya belum tentu, mereka tidak dibantu untuk mencartakan masa depan mereka — to chart their future. Jadi, saya harap, inilah satu aspek yang saya hendak jelaskan dan saya rayu supaya kaunseling, guru kaunseling, perkhidmatan kaunseling diperluaskan, diperjelaskan supaya memberi manfaat yang lebih besar kepada murid-murid. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kota Melaka.

7.40 mlm.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada satu perkara sahaja iaitu tentang perbelanjaan Pembangunan untuk ITM — P. 26 sebanyak RM35 juta. Dan di sini, Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sama ada pengurusan di ITM ini di mana ada sebanyak RM10 juta adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran kemajuan projek-projek pembangunannya yang sedang dijalankan bagi

ITM. Saya hendak bertanya sama ada pengurusan pihak ITM bolehlah dipertingkatkan kalau kita boleh mendapat pengurus-pengurus yang boleh memberikan khidmat sepenuh masa pada ITM.

Saya bangkitkan perkara ini kerana saya perhatikan bahawa Pengerusi MARA dipengerusikan oleh seorang Timbalan Menteri dan biasanya ia dipengerusikan oleh seorang yang bukan berjawatan Timbalan Menteri kerana ini adalah satu jabatan atau badan berkanun yang amat penting. Memandangkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai tanggungjawab yang amat berat saya tidak tahu sama ada beliau mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan tanggungjawabnya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun dahulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Okay.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya hendak tanyalah, Yang Berhormat tahu atau tidak bahawa ITM ini bukan di bawah MARA. Jadi, saya rasa ini tidak secara khusus bagi soalan ini.  
(Tepuk)

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau ini bukan di bawah MARA, saya rasa ia di bawah Kementerian Pendidikanlah tetapi

ini sebagai satu soalanlah. Saya tidak ada apa-apa niat, Tuan Pengerusi. Saya hanya tanya sahaja kalau Yang Berhormat rasa mampu, baik tetapi ini adalah untuk kepentingan semua yang mendapat manfaat dari MARA. Baik MARA ataupun ITM, saya tidak ada niat yang lain. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan salah faham. Saya hanya tanya kerana saya rasa ini adalah sesuatu jawatan yang amat penting dan mungkin kalau dia 'superman' tidak ada masalahlah. Yang kita takut-takut, bukan 'superman' kerana saya masih ingat bekas Ketua Menteri Melaka pun anggap dia 'superman'. Tetapi 'superman' sampai tahap berapa tidak tahulah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu tidak berkenaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini sebagai satu contoh sahaja, Tuan Pengerusi. Saya tidak akan panjangkan, yang itu sahaja.

Tuan Pengerusi, saya harap tentang perbelanjaan untuk Pendidikan Rendah — Maksud P. 26, Butiran (Projek) 00100. Saya ingin bertanya sama ada peruntukan akan diberikan untuk membina sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di kawasan Hujung Pasir di kawasan Parlimen Kota Melaka, iaitu kawasan saya kerana seorang Ahli EXCO MCA yang juga Pengerusi Negeri MCA Melaka telah membuat janji sejak Pilihanraya Umum 1982 tetapi selepas 13 tahun janji ini masih belum ditunaikan dan mengikut beliau, beliau telah membuat permohonan tetapi ditolak kerana tidak ada ibu bapa di kawasan itu membuat permohonan.

Oleh sebab itu, kelulusan untuk membina sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina tidak diluluskan dan saya ingin bertanya sama ada itulah sebab pembinaan sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina ditolak dan saya rasa ini memang tidak masuk akal di mana

pemimpin, Dato' Gan Boon Leong yang membuat janji kosong itu saya rasa dia hanya buat untuk memancing undi sahaja. Tetapi sungguhpun begitu, saya masih ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah berkata bahawa semua janji yang dibuat oleh Wakil Rakyat MCA mestilah ditunaikan, bukan sahaja Wakil Rakyat MCA tetapi juga Wakil Rakyat Barisan Nasional. Dan di sini saya hendak mengukur sejauh manakah kejujuran Barisan Nasional dan juga komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap nasihatnya kepada semua Wakil Rakyat khususnya kepada Wakil Rakyat MCA yang buat banyak janji-janjilah mungkin kecuali Tuan Pengerusi sahajalah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan libatkan Kerusi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi banyak janji-janji ini sehingga hari ini masih belum ditunaikan. Dan sebagai satu test case, saya hendak bertanya, adakah sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina akan dibina di Hujung Pasir seperti yang dijanji oleh Wakil Rakyat MCA yang berjaya di kawasan itu? Kalau tidak, bukankah ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional hanya main-main sahaja. Itu komitmen yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bermakna langsung, hanya melepaskan batuk di tangga, hanya omong-omong kosong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Seremban.

7.45 mlm.

**Dato' Hon Choon Kim (Seremban):** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang saya berucap dan berbahas Maksud P. 26.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan kerana memberikan peruntukan untuk membina sekolah-sekolah rendah dan juga sekolah-sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional begitu prihatin tentang pendidikan negara kita dan juga ini memang selaras dengan Wawasan 2020 iaitu untuk mewujudkan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau. Saya mengucapkan tahniah dan syabas dan berharap Kementerian Pendidikan akan meningkatkan lagi usaha untuk memberi lebih banyak kemudahan-kemudahan untuk pendidikan anak-anak kita.

Tuan Pengerusi, saya rasa hari ini rakyat telah menerima Kerajaan Barisan Nasional khususnya daripada apa yang kita lihat dalam pilihan raya baru-baru ini bahawa sikap dan amaran parti-parti pembangkang khususnya DAP telah ditolak oleh rakyat. (*Tepuk*) Bukan sahaja di Melaka, di Pulau Pinang, mana-mana pun kita telah lihat satu hakikat. Oleh kerana itu, saya rasa kita perlu menerima hakikat yang telah ditunjukkan oleh rakyat bahawa rakyat telah menolak kepimpinan DAP dan juga sikap negatif yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat DAP khususnya yang terdapat di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu saya kira cakap dasar, Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Ya, saya masuk tajuk sekarang.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh sedikit tentang peruntukan yang diberikan untuk kerja-kerja membaik pulih bangunan-bangunan sekolah baru-baru ini. Saya ucapkan tahniah dan syabas kerana kerajaan telah memberikan satu peruntukan yang agak besar untuk melaksanakan banyak projek, banyak kerja-kerja

untuk membaik pulih bangunan-bangunan kerajaan termasuk sekolah-sekolah. Jadi, saya rasa ini adalah satu perkara yang baik dan ini memang kita dapati bahawa banyak bangunan-bangunan sekolah telah usang dan perlu melaksanakan satu kerja untuk membaik pulih dan ini kerajaan telah menunjukkan keprihatinan kepada masalah ini dan telah melaksanakan kerja-kerja untuk membaik pulih bangunan-bangunan yang rosak.

Walau bagaimanapun, saya ingin sentuh sedikit tentang cara kerja-kerja itu dikendalikan. Saya memang dapat banyak kompelin khususnya dari guru-guru besar dan juga dari Lembaga Sekolah dan PIBG bahawa kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor itu tidak memuaskan hati mereka. Ini kerana skop kerja itu tidak dirunding dengan pihak sekolah terlebih awal lagi. Tidak berunding tetapi pekerja-pekerja kontraktor telah masuk sekolah dan telah mulakan kerja walaupun skop kerja itu membelanjakan kos dengan harga yang begitu besar tetapi nampaknya kerja-kerja dilaksanakan tidak selaras dengan jumlah wang yang telah diberikan. Jadi, inilah satu persoalan yang kita sering dengar. Dan juga apabila pekerja melaksanakan kerja-kerja itu, peralatan yang masih boleh digunakan seperti kipas yang baru pasang, dengan peruntukan daripada Wakil Rakyat, kontraktor juga menurunkan kipas itu, lepas itu diangkat dan tidak dipulangkan kepada pihak sekolah.

Jadi saya rasa, ini perlu perhatian daripada kementerian supaya pastikan wang yang telah diperuntukkan untuk melaksanakan kerja-kerja membaik pulih sekolah ini dapat mencapai tujuan asalnya.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap pihak kementerian akan mengkaji dengan sebaik-baiknya tentang bagaimana untuk memastikan bahawa wang yang diperuntukkan untuk melaksanakan kerja-

kerja ini dapat kita capai sampai satu tahap yang baik dan kurangkan masalah di antara sekolah dan juga guru besar.

Jadi, itulah pandangan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong. Selepas itu kementerian diminta jawab.

*7.51 m/m.*

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya akan sentuh mengenai kenaikan pangkat untuk guru besar dan guru kanan dan juga mengenai National Accreditation Board, sekolah rendah dan universiti yang akan dikorporatkan serta usaha untuk menambahkan guru lelaki — lima perkara yang akan mengambil masa yang panjang sedikit, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tapi Yang Berhormat, masa itu tetap 10 minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** 10 minit, tetapi kita sudah lanjutkan kepada pukul 8.45.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Itu tak timbul Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, tak timbulkah?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Keputusan itu dikekalkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, banyak perkara hendak bangkitkan. Tuan Pengerusi, saya memang mengalu-alukan usaha kementerian untuk menaikkan pangkat 11,000 guru besar dan juga guru-guru kanan di sekolah rendah. Walau bagaimanapun, yang saya bimbang, yang naik pangkat itu tidak mengikut kriteria-kriteria yang adil sebab pada akhir-akhir

ini masalah SSB — Skim Saraan Baru adalah mewujudkan ketidakpuasan di kalangan guru-guru, terutamanya guru yang berada di bawah guru-guru besar yang dianggap tidak begitu adil dan saksama.

Sekiranya ini berlaku, memang guru-guru besar yang tidak adil boleh memberi rekomendasi yang tidak adil kepada para guru dan yang layak, yang berkualiti, yang beriltizam dan yang bekerja dengan bersungguh-sungguh mungkin tidak dapat dinaikkan pangkat. Ini satu kebimbangan yang disuarakan oleh pihak guru-guru di seluruh negara — guru-guru semua kaum di seluruh negara. Saya memang hendak menyaksikan guru-guru yang berkualiti, guru-guru yang benar-benar beriltizam dapat peluang yang baik.

Di sini saya hendak menekankan bahawa cara-cara yang dibuat untuk setengah-setengah guru-guru kanan yang baik dan yang berkualiti kadangkala tak dapat naik pangkat kerana faktor-faktor yang tertentu. Sebelum mereka bersara, satu, dua atau tiga tahun pun dinaikkan pangkat untuk sekolah-sekolah kecil. Ini satu perbuatan yang mungkin dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian supaya janganlah kita mengorbankan orang-orang yang baik.

Sistem naik pangkat — kita mesti sentiasa berhati-hati supaya tidak wujudnya sindiket-sindiket yang boleh menjual-beli, wang kopi dan sebagainya. Misalnya, kalau hendak menjadi seorang guru besar di sekolah yang besar, saya diberitahu bahawa memang ada setengah-setengahnya membayar wang kopi. Wang kopi mungkin RM30,000 atau RM40,000 — mungkin. Pihak kementerian mesti membuat siasatan dan sentiasa berwaspada tidak berlakunya hal seperti ini. Kalau kementerian hendak saya mengemukakan bukti, saya tidak ada bukti dalam hitam putih kerana hal ini susah hendak kita dapat bukti atau saksi. Sangat susah!

Walau bagaimanapun, inilah satu perkara yang saya pernah bangkitkan di sini dan kali ini saya bangkitkan untuk memastikan tidak berlakunya ketidakadilan ke atas kenaikan pangkat untuk semua guru, terutamanya kita hendak menarik lebih banyak guru lelaki. Ada baiknya juga pihak kementerian mengadakan program khas — program kerjaya untuk guru-guru dan menjadikan profesion guru ini lebih menarik. Memang perlu kerana pada tempoh akhir-akhir ini, profesion guru tidak begitu menarik kerana faktor-faktor yang tertentu dan kalau kita hendak menarik mereka, memang kita mesti menyemak dan mengemaskinikan kerjayanya supaya mereka dapat menyertai profesion ini.

Tuan Pengerusi, satu alasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan untuk menarik lebih banyak guru lelaki kerana setakat ini bilangan guru perempuan ialah 70% hingga 80% di sekolah rendah dan ini adalah dominan guru perempuan — dominan guru perempuan. Tetapi alasan yang diberi oleh Timbalan Menteri itu tidak tepat. Beliau mengatakan bahawa perempuan enggan ditukarkan ke tempat yang lain. Sebab itulah dia hendak menyemak semula kerjaya profesion guru. Jadi alasan ini tidak tepat dan tidak adil untuk kaum wanita. Bukan sahaja kaum wanita enggan untuk bertukar ke tempat-tempat yang lain, terutamanya di tempat pedalaman. Yan pun tak berminat, saya tahu! Setakat hendak pergi ke Yan sahaja ataupun Jerai sahaja, tetapi . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu tak ada kena-mengena, Yang Berhormat!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, point of order. Kawan kita mengigau. (*Ketawa*) Kepong mengigau, Tuan Pengerusi!

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah! Itu tak adapun tertera dalam Peraturan Mesyuarat. (*Ketawa*) Ya, teruskan, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, bukan yang ada di sini — yang sudah tidak ada buat masa ini yang membuat alasan seperti ini. Ini tak ada — tak adil! Ada banyak guru perempuan yang pergi ke kawasan-kawasan pedalaman, mesti ada! Kalau 70% atau 80% bilangan guru-guru perempuan, memang banyak yang pergi ke kawasan-kawasan terpencil ialah kaum wanita. Kalau kita cakap macam itu, tak adil. Saya berharap dia boleh berhati-hati mengenai komen ke atas guru perempuan kerana kita ada orang perempuan di sini, kita mesti beri impression yang lebih baik sedikitlah!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Menyampuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, mengenai National Accreditation Board, dengan izin, dan National Council of Highly Education, saya diberitahu bahawa mereka berminat untuk mengemukakan kertas dan laporan mengenai pengajian tinggi di negara ini dan saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada laporan ataupun kertas daripada kedua-dua badan ini sudah pun dikemukakan kepada pihak kementerian. Kalau sudah dikemukakan kepada pihak kementerian, bilakah laporan ini akan diumumkan supaya kita tahu apakah cadangan-cadangan daripada kedua-dua badan tersebut.

Mengenai pembinaan — kerana banyak peruntukan untuk bayaran kemajuan pembinaan sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah dan juga untuk universiti.

Saya berharap pihak kementerian memandangkan pendapat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai begitu pentingnya kita melaksanakan dasar yang lebih adil ke atas semua sekolah, ke atas sekolah rendah semua aliran. Mengikut Rancangan Malaysia Keenam, 261 buah sekolah rendah kebangsaan dibina di negara ini dalam tempoh 5 tahun. Di antaranya 14 buah sekolah didirikan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini baik, kita mesti bina lebih banyak sekolah rendah kebangsaan kerana kita sangat kekurangan bukan sahaja sekolah, bahkan guru. Sementara itu kita mesti mempertimbangkan permintaan-permintaan daripada masyarakat bukan Melayu, masyarakat Tionghua dan masyarakat Tamil. Sekiranya ada syarat-syarat untuk mengadakan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan juga sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil, kita mesti memberi peluang. Kalau daripada 261 buah sekolah rendah kebangsaan dibina, mungkin kita perlukan 20 buah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan 5 buah sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil. Mungkin ini yang diperlukan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Menyampuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Gulungkah?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya. Yang Berhormat dari Yan, janganlah mencelah macam itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya baru membangkitkan empat perkara. Ada satu perkara lagi iaitu mengenai universiti dikorporatkan. Corporatisation of universities. Memandangkan masa yang tidak cukup, saya hanya menyeru pihak kementerian supaya memberi peluang

kepada beberapa pihak termasuk pensyarah-pensyarah untuk mengemukakan pandangan mereka. Walaupun ada universiti seperti Universiti Malaya yang melalui Naib Canselornya mengatakan bahawa Universiti Malaya mampu untuk dikorporatkan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Gulung! Gulung!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya sedang gulung, jangan kacau lagi. Sama ada Yan ataupun Parit Sulong. Injury time sekarang, Tuan Pengerusi ya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa memang sudah suntuk, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, suntuk tetapi injury timelah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak ada. Ini bukan permainan bola sepak, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mereka berlagak seperti ini permainan bola sepak terutamanya "parit yang sulong" dan Yan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Cukup Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cukup! Tidak boleh lagi?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak boleh lagi.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

8.04 mlm.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Pengerusi, pertamanya saya suka mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan ini dan saya suka hendak mula dengan mengatakan bahawa kepada Ahli Yang Berhormat dari Seputeh; tetapi malangnya dia tidak ada di dalam Dewan ini. Dia minat sekejap sahaja, lepas itu hilang. Yang Berhormat ini memperkatakan soal haknya. Kita tidak ada hendak mempertikaikan haknya hendak bercakap. Di mana pun, di dalam Dewan, luar Dewan bukan sahaja tentang pendidikan ini, apa pun dia hendak cakap, dia boleh cakap. Cuma nasihat saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Seputeh dan juga Ahli-ahli Pembangkang yang lain; jangan cuba hendak bermain dengan api tentang soal pendidikan khususnya tentang pendidikan Cina. Jangan timbulkan perkara-perkara yang boleh menyinggung perasaan orang lain, itu bahaya dalam masyarakat kita yang majmuk ini.

Hak hendak bercakap, boleh cakap . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Sekejap. Saya tidak ada hendak menghalang. Boleh beri pandangan. Boleh minta tetapi jangan singgung perasaan mana-mana pihak. Kalau itu dibuat, jadi kesudahannya nanti tidak baik. Saya beri jaminan, kerajaan beri jaminan khususnya di bidang pendidikan ini; hak untuk setiap daripada rakyat kita untuk hendak mendapatkan pendidikan diberi seluas-

luasnya, tidak ada sekatan. Tinggal lagi kalau ada apa-apa yang kurang, mintalah elok-elok, cakap baik-baik, jangan biadab! Itu ayatnya. Yang Berhormat dari Seputeh cuma pandang dari sudut dia seorang sahaja.

Tiga orang Ahli Pembangkang yang bercakap tadi itu memandang dari segi kaca mata mereka bertiga sahaja, ikut selera mereka tetapi skop yang kita pandang ialah secara menyeluruh untuk menampung keperluan-keperluan pendidikan semua kaum yang ada di negara kita ini. Kalaupun di Wangsa Maju sekolahnya belum cukup. Maka saya kata, Kementerian Pendidikan kata, "dalam Rancangan Malaysia Ketujuh beberapa buah sekolah rendah dan menengah akan dibina di kawasan Wangsa Maju untuk kepentingan semua kaum". Bukan orang Cina sahaja yang hendak belajar. Everybody! Why the emphasis on Chinese education?

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Please sit down first. I have not finished yet, dengan izin. Termasuk untuk semua kaum untuk komuniti Cina. Ini Tuan Pengerusi jelas. Ini pendirian kerajaan. Bila kita buat satu-satu benda, kita buat untuk semua orang. Jadi, apa perlunya timbulkan soal seolah-olah hendak mempertikai, hendak mempersoalkan, "apa hendak jadi kepada generasi atau indentiti Cina yang akan datang ini". Ini ayat apa ini? Ini ayat yang boleh menyinggung perasaan orang lain dan hendak menimbulkan soal konon kerajaan hendak "membunuh" soal pendidikan Cina di negara ini. Ini perkataan-perkataan yang tidak patut dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada mana pun, tidak baiklah buat macam ini. Say what you want to say tetapi jangan timbulkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan suasana yang tidak baik di antara kaum-kaum di negara ini. Saya kata, kementerian kata lagi,

bukan sahaja kita hendak bina sekolah rendah dan menengah di Wangsa Maju dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ini tetapi sekolah . . . .

**Tuan Liew Ah Kim:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Seputeh bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus:** Sekejap saya hendak habiskan. Sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang sedia ada diberi peruntukan untuk menambahkan kemudahan dan bilik darjah tambahan. Bukan tidak beri. Beri! Tinggal lagi tidak cukup. Saya mengaku! Kita style itu. Itu di Wangsa Maju. Yang Berhormat tahukah di kawasan-kawasan FELDA ini banyak mana murid dalam satu darjah? Jadi, jangan kita baca cetek. Saya terima dari segi kesesakan bilik-bilik darjah. Saya terima. Memang ada berlaku kesesakan dan kita cari jalan macam mana hendak memperbaiki keadaan ini. Itu sebabnya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh penekanan akan diberikan untuk hendak cuba mengatasi masalah-masalah yang semacam ini, bukan sahaja dalam kawasan-kawasan bandar tetapi di seluruh negara kita ini.

**Tuan Liew Ah Kim:** (*Bangun*)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus:** Ya, apa dia Yang Berhormat? Ya, boleh, boleh. Tidak ada hal.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Pengerusi, saya ingin membetulkan satu perkataan. Saya tidak menggunakan perkataan "membunuh" sekolah Cina. Yang sebenarnya saya menggunakan perkataan "memusnahkan". (*Disampuk*) Itu ada dalam *Hansard*. "Memusnahkan". Tetapi ini dalam sejarahlah hendak bincangkan hal-hal pendidikan Cina itu memang panjang. Sudah lebih 30 tahun, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Liew Ah Kim:** Saya boleh bincang. Tiga hari pun boleh.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat Seputeh!

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Betul, saya catat pun, Tuan Pengerusi, "memusnahkan pendidikan Cina". Musnah ini apa dia? Pada Yang Berhormat, istilah "musnah" itu mungkin ada tafsiran Yang Berhormat sendiri.

**Tuan Liew Ah Kim:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Liew Ah Kim:** Minta penjelasan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Apa hendak penjelasan? Saya baru hendak cakap, duduklah.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya tidak mahu beri jalan, duduklah.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Hendak jalan, saya boleh beri jalan.

**Tuan Liew Ah Kim:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Seputeh, dia tidak beri jalan. Dia tidak beri jalan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Hendak minta jalan, saya boleh beri jalan tetapi cakap baik-baik. Saya belum habis cakap . . . . .

**Tuan Liew Ah Kim:** Saya memang . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Seputeh! Seputeh!

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya belum habis cakap, duduklah.

**Tuan Pengerusi:** Seputeh!

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** I have not finished! Do you understand or not? Beri peluang saya bercakap pula. Saya beri you peluang bercakap. Saya baru "Ah . . . . ." buka mulut, "stop", dia sudah hendak ganggu.

**Tuan Liew Ah Kim:** Hendak cakap, cakap baik-baiklah.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Yang Berhormat pun cakap baik-baiklah. Saya pun boleh cakap baik-baik, tidak ada masalah. Tetapi saya, Yang Berhormat kata perkataan istilah, okay, memang saya catat di sini "memusnahkan". Tetapi apa makna "musnah" ini? Tafsirannya macam mana? Kalau "musnah", "bunuh" tak samakah?

**Tuan Liew Ah Kim:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seputeh, dia tidak beri jalan. Yang Berhormat Seputeh dia tidak beri jalan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Dia memutarbelitkan.

**Tuan Pengerusi:** No! Tidak, perkataan Yang Berhormat kata tadi "musnah", dia menerangkan . . . . . (*Disampuk*) Ya, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Adakah kerajaan ini adil?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Kita hendak bahas, go outside and bahas, not herelah!

Jadi, Tuan Pengerusi, itu saya kata tidak ada tujuan kerajaan, tidak ada niat hendak membuat perkara-perkara yang kita fikirkan boleh menjejaskan keharmonian antara kaum-kaum. Malahan, apa yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Negara itu, salah satu daripadanya ialah untuk melahirkan satu masyarakat yang harmoni melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan itu sendiri.

Jadi, kita faham dan kita sedar akan persoalan-persoalan dan permasalahan-permasalahan dan kekurangan-kekurangan yang ada dari segi misal kata kesesakan bilik-bilik darjah. Yang Berhormat kata 27 tahun. Di kawasan-kawasan luar bandar lebih daripada 27 tahun, lagi sesak. Itu Yang Berhormat tidak pergi tengok, pasalnya Yang Berhormat tengok di sekitar Wilayah ini sahaja. Kita tengok seluruh Malaysia, sampai Sabah dan Sarawak, macam mana kedudukan dan kesesakan murid-murid. Kita terima hakikat itu.

**Tuan P. Patto:** Penjelasan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ya, boleh.

**Tuan P. Patto:** Terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada perkara yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Seputeh tentang kekurangan bilik darjah, sekolah di Wangsa Maju itu, satu-satu perkara yang tidak boleh dibangkitkan khususnya di dalam peringkat Jawatan-kuasa dan perkara yang dibangkitkan itu memang khusus.

Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu saya minta penjelasan, sama ada tidak betul dan Tuan Pengerusi yang menguruskan sudah pun membenarkan sebab ia khusus. Tetapi tidakkah apa yang Timbalan Menteri jawab ini, seolah-olah dasar am? Dan dari DAP, kita tidak pernah atau sesiapa pun menyoal tentang kekurangan di mana-mana. Tetapi ini perkara khusus yang dibangkitkan. Itu bukan bererti DAP tidak nampak kekurangan, kelemahan di luar bandar sama ada di FELDA, di estet dan lain-lain. Ada dibangkitkan juga.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya minta maaf. Yang Berhormat tadi hadir atau tidak semasa Yang Berhormat Seputeh cakap?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan tanya begitu.

**Tuan P. Patto:** Saya memang ada duduk di dalam, memang saya ada.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Yang Berhormat hadir?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri . . . . .

**Tuan P. Patto:** Memang saya ada, ada!

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Yang Berhormat hadir ya? Minta maaf, tak nampak. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi:** Jangan tanya begitu Yang Berhormat. (*Ketawa*) Baik, sila teruskan ucapan. Ya, kalau tidak kita akan bertengkar. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Jadi, saya beri pandangan itu kerana dia bercakap cara itu. Yang sebenarnya, saya tak bangkit tadi. Kalau saya hendak interrupt, saya boleh interrupt. Fasal saya tahu hak dia, saya tidak

interrupt. Saya tahu dia bercakap atas dasar. Specifically, yes! Saya pun faham, bukan saya tidak faham. Jadi, takkan saya hendak biar dia bercakap atas dasar, atas benda yang tidak specific, saya pula hendak diam. Tak boleh, it's not fair, bukan?

Jadi, Tuan Pengerusi, . . . . .

**Tuan Liew Ah Kim:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ini dia bangun lagi. Hendak beri jalan atau tidak.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tak payahlah.

**Tuan Pengerusi:** Tak payah ya. Tak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ini dia hendak main sandiwara sahaja ini, duduklah! Duduk.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila, sila.

**Tuan Liew Ah Kim:** *(Bangun)*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seputeh . . . . . *(Disampuk)* Yang Berhormat Seputeh . . . . . Sila duduk Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh, cukup.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya beralih kepada . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** . . . . . Ahli Yang Berhormat daripada . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Dia tak beri jalan. Dia tak beri jalan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus:** . . . . . Sri Gading dan saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dari Sri Gading dan saya suka menyatakan bahawa berbagai usaha . . . . *(Ketawa)*

**Tuan Tan Kok Wai:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat Cheras.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus:** . . . . . yang dilakukan untuk mengatasi masalah disiplin pelajar-pelajar.

**Tuan Pengerusi:** Dia bangun lagi, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beri jalan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus:** Di peringkat sekolah, Kementerian Pendidikan mengadakan beberapa jawatankuasa dengan kerjasama PIBG dan kita harap dengan adanya kerjasama di antara PIBG dengan pihak sekolah, maka soal-soal disiplin di kalangan pelajar-pelajar ini akan dapat kita atasi dari satu masa ke satu masa.

Berhubung dengan soal pinjaman yang dihadapi oleh guru-guru terutama sekali, saya suka menjelaskan iaitu Kementerian akan cuba untuk hendak memperluaskan lagi kemudahan-kemudahan ini di masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat dari Parit Sulong telah menimbulkan soal kaunseling dan suka saya menjelaskan bahawa perkhidmatan kaunseling merangkumi beberapa aspek seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat termasuklah pemilihan mata pelajaran yang lebih sesuai serta panduan kerja.

Saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong di atas pandangan-pandangan itu tadi. Dan kita akan cuba pastikan lagi

supaya guru-guru kaunseling diberikan kursus-kursus khas untuk menentukan mereka dapat berfungsi dengan lebih berkesan di masa-masa yang akan datang dalam usaha hendak membimbing pelajar-pelajar kita bagi menentukan masa depan mereka.

Yang Berhormat daripada Kota Melaka, ini pun lagi satu contoh. You must get your facts right. Jadi, soal ITM, ITM ini ialah di bawah Kementerian ini, tidak ada kena-mengena dengan Pengerusi MARA. Saya pula penuh yakin dengan kemampuan dan keupayaan Pengerusi MARA. Yang tak yakin ini orang sebelah itu sahajalah. Betul atau tidak? (*Tepuk*) Facts pun tak betul.

**Seorang Ahli:** Tak sekolah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Hendak beri jalan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Macam mana hendak cakap. Your facts are not right. Jadi, Tuan Pengerusi . . . . (*Disampuk*) Siapa hendak beri jalan?

Jadi, Tuan Pengerusi, saya suka jelaskan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka ini tentang soal Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Hujung Pasir dan kita daripada Barisan Nasional, bila kita bercakap, apatah lagi berjanji, kita akan cuba tunaikan janji kita. Bagi kawasan Hujung Pasir, kita tidak pernah . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** . . . . meninggalkan, sekejap, saya hendak habiskan ini. Kita tidak pernah meninggalkan sampai tidak ada sekolah di kawasan berkenaan.

Kementerian Pendidikan akan menentukan supaya kemudahan-kemudahan itu dipertingkatkan mengikut keadaan dan suasana serta keperluan di satu-satu tempat tersebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Minta jalan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak bertanya kerana ini dibangkitkan bukan oleh pihak DAP. Ini dibangkitkan oleh seorang Wakil Rakyat dari MCA dan juga seorang Ahli EXCO Negeri Melaka. Dia sudah buat janji ini selama 13 tahun. Tiap-tiap kali pilihan raya besar, dia buat janji ini. Itu sebab, kerana ada satu pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa semua janji oleh Wakil Rakyat MCA atau Barisan Nasional akan ditunaikan.

Saya tidak faham, mengapakah perlu mengambil masa 13 tahun? Kalau janji ini dibuat, saya harap ia boleh ditunaikan. So, ini saya bercakap untuk menyoal pihak MCA. Sekian.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Kalau dalam tempoh 13 tahun itu kita dapati dari segi penilaian Kementerian Pendidikan keperluan itu belum sampai ke tahap itu tindakannya, kita tak buatlah. Sampai masa kita rasa nak buat, kita buatlah. Itu sahaja keadaannya. Yang nak geleng kepala ini fasal apa? Bila sampai masa kita fikirkan perlu tambah, kita tambahlah. Jadi . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Melaka, tak boleh berucap begitu.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Hendak jalan, saya boleh beri jalan, tak ada masalah.

Jadi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Seremban telah menimbulkan soal pelaksanaan kerja-kerja pemulihan di sekolah-sekolah yang telah diuruskan tidak berapa lama dahulu. Saya mengakui mungkin ada kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan dalam proses kita melaksanakan kerja-kerja tersebut dan kita akan cuba mempertingkatkan penyelarasan kerja-kerja kita dengan jabatan-jabatan yang berkaitan bagi memastikan apa juga kekurangan-kekurangan itu dapat kita atasi di masa-masa yang akan datang.

Akhir sekali, Yang Berhormat dari Kepong, pertamanya telah menimbulkan soal kenaikan pangkat di kalangan guru-guru besar ataupun guru-guru kanan di sekolah-sekolah rendah. Saya suka menjelaskan bahawa kementerian sedar beberapa kelemahan dalam pelaksanaan SSB, tetapi usaha untuk memperbaikinya sedang kita usahakan. Akan tetapi, perlantikan dan kenaikan pangkat di kalangan guru dilakukan dengan teliti dan berhati-hati supaya menentukan hanya guru-guru yang benar-benar baik dan layak sahaja dinaikkan pangkat.

Saya suka tegaskan di sini bahawa kita tidak pernah menguruskan soal kenaikan pangkat ini dengan cara-cara yang tidak baik ataupun tidak mengikut aturan dan peraturan yang diperlukan.

Jadi, Yang Berhormat dari Kepong sendiri pun tadi dia sendiri kata tidak ada bukti hitam-putih. Jadi, kalau tidak ada bukti hitam-putih, saya fikir, dapatkan bukti hitam-putih itu. Janganlah kita timbulkan satu-satu persoalan andaian di atas apa yang kita dengar kerana saya percaya andaian-andaian yang serupa itu boleh menimbulkan suasana yang tidak tenteram di kalangan perkhidmatan perguruan itu sendiri. Jika Yang Berhormat dari Kepong ada . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ya, sedikit lagi. Jika Yang Berhormat dari Kepong ada maklumat dan bukti, Kementerian Pendidikan boleh siasat. Itu jaminan yang saya beri. Jika tidak, saya harap jangan membuat tuduhan-tuduhan liar yang semacam itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, yang saya sebutkan ialah saya diberitahu masalah itu berlaku dan saya minta kementeriannya, terutamanya Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat siasatan dan berhati-hati mengenai hal seperti ini kerana hal ini akan menjejaskan kerjaya perguruan, akan menjejaskan reputasi perguruan. Inilah saya tak mahu menyaksikan. Kebanyakan guru itu baik, berdedikasi, beriltizam dan bertungkus-lumus. Itu tak boleh dipertikaikan. Hanya satu, dua yang buat salah, itu sahaja saya sebutkan. Jangan kita hendak heboh-hebohkan pula, ambillah tindakan!

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Begitu punya puji cikgu pun tak dapat undikah hari itu?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan. Jangan berhujah dengan dia. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya sudah kata, Tuan Pengerusi, jika Yang Berhormat dari Kepong ada bukti, kemukakan kepada kita. Itu sahaja yang saya kata dan kita boleh siasat. Kementerian tidak bolehlah hendak siasat di atas benda-benda yang terawang-awang.

Jadi, perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tentang bagaimana caranya soal profesion guru-

guru ini dapat dijadikan suatu profesion yang lebih menarik. Yang sebenarnya saya kata profesion perguruan ini ialah satu profesion atau perkhidmatan yang sungguh mulia dan dimuliakan oleh anggota masyarakat kita. Itu tidak boleh dinafikan. Tinggal lagi, apa juga kekurangan itu kita teliti dan apa juga cadangan-cadangan untuk hendak mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan perguruan itu dan kalau sekiranya ada contoh-contohnya sekali bagi mengatasi kelemahan-kelemahan itu, kita akan ambil kira untuk mempertingkatkan lagi imej dan juga martabat perkhidmatan perguruan itu sendiri. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, tetapi setakat itu sahajalah yang saya bersetuju . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Cukuplah, apa nak tanya lagi ni? Cukup! (*Ketawa*)

Perkara ketiga . . . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Sudah setuju dah, saya setuju pun hendak tanya lagi?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kepong, dia tak beri jalan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Perkara ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong ialah tentang pertukaran guru-guru perempuan. Saya suka jelaskan iaitu guru-guru ditukarkan bertugas mengikut keperluan tugas mereka.

Mengenai soal Lembaga Accreditation yang dibangkitkan ini, saya suka jelaskan bahawa sebaik sahaja ia dikemukakan, maka ianya akan dimaklumkan untuk pengetahuan umum.

Begitu juga tentang soal hendak membina sekolah supaya biar adil katanya, untuk semua kaum ini. Jadi, saya suka tegaskanlah kepada Yang Berhormat dari Kepong, saya tengok pun kepala dia dingin sedikit kalau hendak dibandingkan dengan yang lain. Kementerian Pendidikan tidak pernah membeza-bezakan keperluan pendidikan di kalangan kaum-kaum di Malaysia. Setiap kaum mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang wajar. Itu jaminan yang diberikan oleh kerajaan. Saya percaya, kalau kita faham betul-betul akan konsep ini, pendekatan ini, dasar ini, tidak patut kita hendak bertelagah tentang apa juga perkara mengenai soal pendidikan ini.

Akhir sekali, tentang soal hendak mengkorporatkan universiti. Kementerian Pendidikan bersedia untuk menerima pandangan-pandangan bukan sahaja daripada pihak Vice-Chancellor Universiti Malaya, tetapi kalangan-kalangan lain pun yang hendak memberi pandangan, kita boleh terima. Dan mana yang kita fikirkan munasabah, kita boleh timbang. Mana yang difikirkan tidak munasabah, macam misal kata Yang Berhormat dari Kepong timbulkan benda yang tidak munasabah, macam mana kita hendak pakai? Tetapi kalau yang munasabah, kita boleh timbang dan mungkin kita boleh pakai. Ini rasionalnya cara-cara kita menerima pandangan-pandangan daripada orang ramai (*Tepuk*) dan membuat apa-apa jua keputusan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Silalah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya pun tertarik mengenai perkataan ini, nak terima cadangan yang baik itu, saya akan buat cadangan. Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh bertanya sahaja, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baiklah, penjelasan. (*Ketawa*) Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada 22hb yang lalu apabila menjawab komen saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa perkataan "graha" ini memang dibenarkan kerana kita hendak mempertingkatkan perbendaharaan kata Bahasa Malaysia. Kalau begitu, bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan? Saya pun hendak mempertingkatkan banyak perkataan kini kerana kita mesti kutip daripada Jerman, seperti perkataan Jerman "shaden froid" tak ada di dalam Bahasa Malaysia. Saya minta dia . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kepong, boleh berucap menerangkan apa yang diucapkan tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, memang dia hendak terima cadangan yang rasional dan ketaakulan cadangan saya itu memang tidak boleh dinafikan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kepong, itu tak berkenaan. Yang Berhormat, cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, tak berkenaan? (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi:** Baiklah. Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Dia lari jauh sangat!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ya. Jadi, Tuan Pengerusi, saya kata sepanjang yang berkaitan dengan usaha-usaha hendak mengkorporatkan ini

kita boleh terima yang munasabah — hendak pergi ke 'Graha' apa saya pun tidak tahulah Yang Berhormat dari Kepong ini.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan juga teguran-teguran untuk faedah kita bersama. Kalau sekiranya ada perkara-perkara yang saya tercicir, perkara-perkara itu diambil tindakan dan kita ambil perhitungan dan pertimbangan untuk kebaikan kita bersama. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM111,917,693 untuk Maksud B. 26 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah RM35,000,000 untuk Maksud B. 26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM111,917,693 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak RM35,000,000 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM152,000,000 untuk Maksud P. 26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1994 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM152,000,000 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994.

*Maksud B. 28, B. 30, B. 31, B. 32 dan B. 33 (Jadual Pertama) —*

*Maksud B. 29 (Jadual Kedua) —*

*Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1994) —*

*Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1995) —*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan B. 28, B. 29, B. 30, B. 31, B. 32 dan B. 33; dan P. 28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ya, Kota Melaka.

8.31 m/m.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Maksud Bekalan B. 30 iaitu peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun, di mana disebutkan tambahan sebanyak RM14 bilion adalah dikehendaki untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek-projek pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya rasa untuk sesuatu jumlah yang begitu besar, hanya dua ayat yang dikeluarkan untuk menjelaskan maksud atau tujuan peruntukan tambahan sebesar ini. Saya rasa ini memang tidak mencukupi dan tidak memenuhi keperluan akauntabiliti oleh pihak Kementerian Kewangan kepada Dewan yang mulia ini.

Saya hendak bertanya mengapa wang sebegitu besar perlu? Untuk jenis projek-projek pembangunan apa, RM14 bilion bukanlah satu jumlah yang kecil. Saya rasa ia merupakan 20% hingga 25% budget negara kita — RM14 bilion itu untuk apa, tambahan? Adakah ini sebagai satu perbelanjaan yang dibuat dalam masa pilihan raya umum oleh kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan kemenangan yang besar di mana wang . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Cakap baik-baik sedikit ya!

**Tuan Lim Guan Eng:** . . . ini digunakan. Saya harap pihak kementerian bolehlah memberikan jawapan tentang butiran, khususnya butiran lanjut jumlah wang yang besar. Kalau tidak, ini memang tidak boleh diterima tanpa sebab-sebab yang boleh meyakinkan rakyat bahawa kerajaan atau Kerajaan Barisan Nasional telah membelanjakan wang dengan waras, dengan rasional dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Saya telah membangkitkan perkara ini berkali-kali, Tuan Pengerusi, bahawa kalau terdapat permintaan peruntukan tambahan yang besar haruslah diikuti dengan butiran-butiran yang terperinci supaya ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini boleh membahaskannya dengan teliti dan juga dengan bernas. Kalau hanya dua ayat untuk RM14 bilion macam mana kita boleh menunaikan tanggungjawab kita sebagai seorang ahli Dewan yang mulia ini?

Saya masih ingat kita semua Ahli Parlimen baru melafazkan ikrar, sumpah untuk mempertahankan, membela peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan kita. Dan di mana dalam peruntukan-peruntukannya terkandung, peruntukan untuk memastikan wang dan khazanah rakyat dapat dibelanjakan dengan baik. Saya rasa kita gagal dalam tanggungjawab kita kalau pihak kementerian enggan memberikan jawapan yang munasabah apakah tujuan RM14 bilion? Saya rasa ini mungkin satu maksud bekalan yang saya rasa amat menakjubkan (remarkable), dengan izin, Tuan Pengerusi, RM14 bilion . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Berapa kali hendak ulang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ulang kalau boleh RM14 bilion, mesti ulang banyak kali. Untuk Barisan Nasional mungkin itu bukan jumlah yang besar, tetapi untuk rakyat Malaysia ini satu jumlah yang besar. Kita tidak mahu jumlah wang ini diselewengkan oleh ahli-ahli Barisan Nasional yang tidak bertanggungjawab langsung, yang tidak ada semangat untuk memastikan perbelanjaan yang berhemat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Parit Sulong bangun. Ya, Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa setiap pembangunan adalah dipulangkan kepada rakyat? Jadi, saya minta penjelasan dari beliau, dengan cakap-cakap beliau itu seolah-olah mahu menafikan pembangunan untuk rakyat. Adakah ini perjuangan kita semua?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat mungkin kerana hawa dingin ini terlalu sejuk, mungkin dia baru terjaga daripada rehatnya, tidak menghayati langsung tujuan saya membangkitkan perkara ini.

Kita tidak menentang pembangunan, siapa yang begitu 'gila', sedangkan saya rasa tidak ada rakyat Malaysia yang 'gila' menentang pembangunan, kecuali mungkin Yang Berhormat dari Parit Sulong. Tidak ada orang; tetapi kita hendak pastikan bahawa jumlah . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Lim Guan Eng:** Lain tidak ada?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** 36 (6), Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** 36 (6) — sangkaan jahat. Dia mengatakan Yang Berhormat dari Parit Sulong 'gila'. Ini Kota Melaka 'kurang ajar', Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Yan, saya dengar lain, tidak — tidak siapa pun yang 'gila'.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak sebut Yang Berhormat dari Parit Sulong 'gila' — saya tidak ada sebut.

**Tuan Pengerusi:** Dia kata tidak siapa pun yang 'gila'.

**Tuan Lim Guan Eng:** Pembangunan — menentang pembangunan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kemudian dia kata Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak mahu buang masa dengan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Yan sila duduklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** . . . . . Ahli Parlimen Barisan Nasional yang begitu . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia perangai macam 'pak' dia.

**Tuan Lim Guan Eng:** . . . . . tidak ada standard macam ini. So, yang penting ialah kalau projek-projek pembangunan tidak boleh dengan 'dua ayat' untuk melepaskan tanggungjawab.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Parit Sulong buat apa?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Point of order, Tuan Pengerusi. Besok saya hendak check *Hansard* apa yang dicakap itu.

**Tuan Pengerusi:** Duduklah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau mahu check, 100 kali pun boleh check.

**Tuan Pengerusi:** Check bolehlah, tetapi janganlah bangun yang itu dijadikan point of order. (*Boo!*) Itu bukan . . . . .

**Seorang Ahli:** Belajar! Belajar!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ajar dia.

**Tuan P. Patto:** Apa B.B.C. Chairman macam itu!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hey! Botol toyu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat — Yang Berhormat daripada . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Botol toyu — botol toyu diam!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat dari Parit Sulong . . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Patto, diam!

**Tuan Lim Guan Eng:** Harap boleh ada whip sedikitlah, biar bagus — sekarang Pengerusi!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Melaka, sila teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya hendak teruskan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Mengganggu*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang saya timbulkan di sini isu penting . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sebut berulang-ulang banyak kali dalam tu ya!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini isu penting, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apakah projek-projek pembangunan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Minta point lain — minta point lainlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi ini sebagai satu point utama, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yalah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apakah projek-projek pembangunan, bolehkah senaraikan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** . . . . satu persatu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat kata banyak kali — 6 atau 7 kali sudah Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ini penting Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah. Ya penting — pentinglah, tetapi tidak payah diulang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, RM14 bilion, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya pun faham.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. Saya ingin bertanya mengapakah pihak Kementerian Kewangan . . . . .

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa you hendak lagi?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak mahulah you macam itu — tidak mahu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila Yang Berhormat — bawa point lain ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, baik. Saya harap pihak kementerian akan memberikan jawapan yang bernas. Sebagai satu contoh Maksud Bekalan B. 31, untuk Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, tambahan sebanyak RM10 juta di mana ia disenaraikan. Apakah maksud perbelanjaan? RM10 juta — RM5.3 juta untuk perbelanjaan utiliti, bangunan-bangunan baru pejabat kastam. Ia dijelaskan secara terperinci dan adakah sekarang akauntabiliti tidak penting?

Saya hanya hendak tujukan tentang perkara ini sahaja, Tuan Pengerusi, kerana inilah perkara yang amat penting di mana daripada RM14 bilion — RM20 juta hanya satu iaitu Maksud B. 30 dan keseluruhan tambahan yang diminta ialah sebanyak RM16 bilion.

Tuan Pengerusi, saya rasa kalau tak silap inilah permintaan yang paling besar yang pernah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap jangan main-main lagi perkara-perkara ini. Ambil sikap yang serius. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Rompin.

8.40 m/m.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis (Rompin):** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana diberi untuk menyertai bagi perbahasan peringkat Jawatankuasa, dan saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B. 28, B. 29, B. 30, B. 31 dan bersama P. 28.

Tadi, kita dengar satu usaha daripada Kota Melaka, nampak semenjak Parlimen buka, baru hari ini ada nyawa sedikit. Macam ada modal.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya rasa ini tak ada berkaitan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Ada berkaitan, sebab saya hendak mengatakan kepada perkara B. 30.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kota Melaka kalau ada point of order boleh bangun. Kalau tak ada, jangan bangun macam itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order.

**Tuan Pengerusi:** Point of order, ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nampaknya ucapan dia merayau-rayau!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, itu bukan point of order. (*Ketawa*) Sila teruskan. Rompin sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Macam mana hendak ambil alih daripada ayah dia sebagai Ketua Pembangkang, point of order pun tak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Silalah teruskan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** RM14 bilion . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan, Yang Berhormat dari Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Pada tambahan RM14 bilion, tadi yang saya ingin sentuh, saya yakin peruntukan ini sudah semestinya ada transparencynya. Sudah semestinya kerajaan bila memperuntukkan satu kumpulan wang yang banyak begitu, kita yakin bahawa ia mesti mengikut peraturan-peraturan kewangan. Takkan nak bubuh dalam guni balik ke rumah sahaja seperti yang diandaikan oleh Kepong. Saya yakin kerajaan ada transparency, ada aturan peraturan kewangan yang perlu diikuti dalam perbelanjaan RM14 bilion. Saya yakin tak perlulah Kota Melaka membuat isu yang kecil ini . . . . .

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Wangsa Maju bangunkah itu? Wangsa Maju bangun di belakang itu.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Beri laluan. (*Ketawa*) Saya beri laluan, Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Pengerusi, dari segi hujah saya RM14 bilion ini, yang sebenarnya setelah mengikut peraturan kewangan negara. Kita ada peraturan kewangan. Saya nampak bahawa isu yang dibangkitkan oleh Kota Melaka isu yang kecil, seperti anak kecil tetapi dibesarkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Dekat hendak habis. Besok saya beri.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, P. 28. Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan, satu peruntukan tambahan yang perlu kita semua memberikan sokongan, iaitu RM10 juta untuk research atau kajian dalam bahan dipanggil composite material, satu teknologi baru. Baru-baru ini kita dengar bahawa Perdana Menteri kita sarankan kepada negara supaya negara memasuki bidang-bidang baru, industri baru, industri masa akan datang. Saya mengucapkan syabas bahawa bukan sahaja kerajaan menyeru, tetapi menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar serius dan sanggup sendiri meletakkan peruntukan yang besar sebanyak RM10 juta supaya ini memulakan satu usaha untuk menerokai bidang baru iaitu mengeluarkan barang yang dipanggil composite material. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Cukup Yang Berhormat. Minta sambung esok ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.*